



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 20)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2022	(Halaman 21)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dato' Seri Mohamad Ali bin Mohamad (Melaka)
3. “ Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
4. “ Dato' Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Belia dan Sukan]
5. “ Dato' Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I]
6. “ Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
7. “ Tuan Aknan a/l Ehtook
8. “ Dato' Arman Azha Abu Hanifah
9. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
10. “ Datuk Paul Igai
11. “ Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan
12. “ Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan (Sabah)
13. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid
14. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian
15. “ Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan (Johor)
16. “ Tuan Robert Lau Hui Yew
17. “ Datuk John Ambrose
18. “ Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol
19. “ Puan Susan Chemerai Anding
20. “ Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
21. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
22. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
23. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
24. “ Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi
25. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
26. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
27. “ Datuk Mohan a/l Thangarasu
28. “ Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
29. “ Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)
30. “ Dato' Wira Othman bin Aziz (Kedah)
31. “ Tuan Ahmad bin Yahaya (Kedah)
32. “ Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad (Kelantan)

AHLI HADIR (samb/-)

33. Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris
34. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
35. “ Dato’ Nelson a/l Renganathan
36. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
37. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
38. “ Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
39. “ Dato’ Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)
40. “ Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri
41. “ Dato’ Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)
42. “ Puan Fadhlina binti Dato’ Sidek (Pulau Pinang)
43. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Wilayah Persekutuan Labuan)
44. “

AHLI TIDAK HADIR

1. Yang Berhormat YM Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan]
2. “ Datuk Dr. Mohd Radzi bin Jidin [Menteri Kanan Pendidikan]
3. “ Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
4. “ Dato’ Dr. Ahmad Masrizal Muhammad [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi]
5. “ Tan Sri Dato’ Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad
6. “ Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin
7. “ Dato’ Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)

**AHLI TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim

**AHLI CUTI
(DI BAWAH PERKARA 52 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN)**

1. Yang Berhormat Dato’ Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]
2. “ Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Menteri Dalam Negeri]
3. “ Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Menteri Pengangkutan]
4. “ Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Menteri Wilayah Persekutuan]
5. “ Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)]
6. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)]
7. “ Dato' Haji Rosol bin Wahid [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]
8. “ Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]
9. “ Dato' Dr. Mansor bin Haji Othman [Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air]
10. “ Datuk Ali anak Biju [Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli]
11. “ Datuk Ago anak Dagang [Timbalan Menteri Kesihatan II]
12. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]
13. “ Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas)]
14. “ Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri Kerja Raya]
15. “ Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Timbalan Menteri Pertahanan]
16. “ Datuk Mohamad Alamin [Timbalan Menteri Pendidikan II]
17. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II]
18. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Timbalan Menteri Kewangan II]
19. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh [Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II]

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Nor Yahati binti Awang

Setiausaha Dewan Negara

Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

-

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Halijah binti Mat Sin

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Yoogeswari a/p Muniandy

Muhamad Fazal bin Mahat

Nor Aizafasya binti Zainal

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

Nurul Syakirah binti Ibharim

Suhaila binti Sariffuddin

Siti Fatimah Nurain binti Mohamad

Nor Afina binti Mohamed Rashid

Nik Muhammad Ismail bin Karim

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 20 Disember 2021
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Lantaran kita mempunyai keadaan yang tidak mengizinkan bahawa dengan suasana cuaca dan malapetaka nasional pada ketika ini, diminta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi jawapan pendek, tegas dan cepat. Malah saya akan cuba meminta kementerian bersedia untuk meringkaskan jawapan pada hari ini kepada peringkat yang paling minimum dan sekiranya lebih panjang, silalah kemukakan dalam bentuk bertulis. Ini demi menunjukkan kita bersama dengan pihak-pihak yang menjadi mangsa dan suasana yang memerlukan kita berada di bawah.

Dijemput Yang Berhormat Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee.

Tuan Yang di-Pertua: Nombor satu. Silakan.

1. Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta Menteri Kewangan menyatakan, tindakan yang diambil untuk menangani jumlah hutang Malaysia yang semakin tegang, iaitu kepada RM1 trilion atau 69.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada akhir Jun 2020.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat pagi.

Kami di Kementerian Kewangan juga turut sama-sama mengajak Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Dewan Negara untuk mendoakan mereka yang menjadi mangsa banjir baru-baru ini. Kita doakan juga semua anggota agensi kerajaan yang terlibat agar diberi kecekalan dan kekuatan untuk membantu mereka yang menghadapi musibah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir September 2021, hutang Kerajaan Persekutuan mencatat RM969.3 bilion atau 64 peratus kepada KDNK. Daripada jumlah hutang ini, hutang statutori berjumlah RM905 bilion atau 59.7 peratus kepada KDNK iaitu masih di bawah had statutori 60 peratus. Seperti yang Dewan ini sedia maklum, had statutori ini telah dinaikkan kepada 65 peratus kepada KDNK pada Oktober yang lalu.

Selain daripada hutang Kerajaan Persekutuan, pendedahan liabiliti kerajaan adalah berjumlah RM378.9 bilion. Secara keseluruhannya, kedudukan kedua-dua hutang dan pendedahan liabiliti kerajaan pada akhir September 2021 yang dianggarkan berjumlah RM1.3 trilion atau 88.7 peratus kepada KDNK.

Kerajaan komited untuk mengukuhkan semula kedudukan fiskal negara setelah krisis berakhir dan ekonomi kembali stabil bagi memastikan daya tahan fiskal pada masa hadapan. Kerajaan telah pun merangka strategi konsolidasi fiskal dan peningkatan asas hasil yang dijangka dapat menyediakan ruang fiskal yang lebih besar dan mengurangkan paras hutang dalam jangka sederhana.

Strategi ini termasuklah mengkaji semula dan menambah baik sistem percukaian sedia ada, memperluas asas hasil, menambah baik pentadbiran cukai dan meningkatkan kecekapan perbelanjaan serta penggubalan. Dalam hal ini, kerajaan kekal komited terhadap rancangan konsolidasi fiskal dalam jangka sederhana seperti yang dirangka di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas dengan defisit fiskal disasarkan berkurang kepada tiga peratus hingga 3.5 peratus kepada KDNK pada tahun 2025. Terima kasih.

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya sekiranya hutang Malaysia berterusan dan bertambah teruk, adakah negara Malaysia akan menjadi negara penghutang?

Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator atas ucapan soalan. Tuan Yang di-Pertua, negara kita merupakan negara yang berhutang sekarang ini kerana hampir semua DE, atau *development expenditure* ditanggung oleh hutang.

Namun, bayaran khidmat hutang atau *debt service charges* merupakan satu perbelanjaan yang masih lagi kita mampu membayar dan ia sebenarnya diberi keutamaan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 98(1)(B) iaitu segala caj hutang adalah di bawah tanggungan Kerajaan Persekutuan. Ini bagi memastikan kerajaan dapat membuat bayaran khidmat hutang mengikut jadual yang ditetapkan.

Di samping itu, pelaksanaan langkah konsolidasi fiskal serta kutipan hasil lebih baik pasca krisis dijangka akan dapat mengurangkan paras hutang dan beban DSC secara beransur-ansur demi memastikan kemapanan fiskal dalam jangka masa panjang. Sehingga kini, kerajaan tidak pernah gagal dalam memenuhi obligasi pembayaran balik hutang yang matang dan bayaran khidmat hutang mengikut jadual yang ditetapkan. Ini membuktikan komitmen dan disiplin kerajaan dalam aspek pengurusan hutang yang lebih mampan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.*

■1010

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Dipersilakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menurut agensi penilaian kredit *Fitch Ratings* menetapkan Penarafan Kemungkinan Penerbit (IDR) mata wang asing jangka panjang Malaysia pada 'BBB+' dengan izin, termasuk berkeupayaan kita untuk membayar balik hutang.

So, saya hendak memohon Timbalan Menteri nyatakan sejauh manakah penilaian seperti ini akan memberi impak kepada peniaga-peniaga Malaysia dalam perspektif makro? Terima kasih.

Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa: Secara umumnya, kedudukan penarafan negara di nilai berdasarkan empat aspek utama iaitu:

- (i) merangkumi pertumbuhan ekonomi;
- (ii) kedudukan fiskal dan hutang negara;
- (iii) pengukuhan institusi dan tadbir urus negara; dan
- (iv) kedudukan luaran negara.

Penarafan kredit ini adalah penting kerana ia berkaitan dengan *cost of fund*, bagaimana kita boleh meminjam, memberi pinjaman dengan harga yang berpatutan kalau *cost of fund* itu naik. Kalau penarafan kita turun *cost of fund* itu naik, sudah tentu ia akan memberi kesan kepada peniaga-peniaga kita kerana ia akan membuat peniaga kita lebih mahal untuk meminjam dari institusi-institusi kewangan di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian.

2. Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan, langkah-langkah yang diambil untuk memastikan para guru tidak berhadapan isu kekangan sistem sokongan untuk memastikan mereka tidak berhadapan dengan masalah kemurungan yang boleh mengakibatkan masalah mental jika tidak dipantau dengan segera.

Timbalan Menteri Pendidikan II [Datuk Mohamad bin Alamin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga amat prihatin dengan keadaan banjir yang berlaku pada hari ini dan untuk itu saya ingin mengesahkan bahawa kita juga membuka lebih banyak sekolah untuk dijadikan sebagai pusat pemindahan sementara mangsa banjir kita.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.*

Datuk Mohamad bin Alamin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan peka dengan kebajikan guru termasuk kesihatan mental. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan sistem sokongan psikologi bagi mengelakkan guru daripada berhadapan dengan masalah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, antara sokongan psikologi yang disediakan adalah seperti berikut. Pertama, menyediakan perkhidmatan bantuan sokongan psikologi yang meliputi kaunseling individu, kelompok dan konsultasi. Perkhidmatan ini diberikan oleh kaunselor pendidikan di semua institusi pendidikan di bawah KPM. Perkhidmatan ini dijalankan secara bersemuka dan secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Perkhidmatan Kaunseling (e2PK).

Keduanya, menyediakan latihan kepada guru untuk mempertingkatkan kesejahteraan psikologi melalui program pembangunan, pencegahan dan pemulihan, dan antara program yang dijalankan iaitu program Sedar, Peka, Tindak, dengan izin, *Aware, Alert, Action* atau #3A yang dijalankan dengan kaedah dalam talian *webinar*, dan eBuku.

Ketiga, memberikan intervensi khusus kepada guru yang menghadapi tekanan sehingga boleh menjejaskan prestasi kerja. Kementerian Pendidikan Malaysia yakin langkah-langkah yang diambil ini dapat menyokong setiap guru dalam mengurus emosi dengan baik, seterusnya dapat mempertingkatkan kesejahteraan mental dalam kalangan guru. Sekian, dan terima kasih.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Soalan tambahannya.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah strategi yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi mengurangkan beban tugas guru-guru yang mengajar lebih daripada dua subjek dan apakah bentuk struktur tugas yang telah dibawa ke peringkat pelaksanaan bagi mengurangkan *workload* para guru-guru yang juga berdepan dengan tugas-tugas yang melibatkan pentadbiran, yang boleh mendatangkan tekanan atau *stress* kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa kementerian kita juga mengadakan beberapa pendekatan sebenarnya untuk menangani masalah-masalah kemurungan yang mungkin dihadapi oleh guru-guru kita sekiranya mereka- disebabkan oleh masalah-masalah yang saya sebutkan tadi, sama ada masalah tekanan perasaan. Kemudian, *workload* ataupun kerja yang banyak ataupun penyakit-penyakit juga.

Tuan Yang di-Pertua: Beban tugas.

Datuk Mohamad bin Alamin: Ya, beban tugas maksud saya. Itu juga boleh barangkali menyumbang kepada kemurungan mereka. Jadi, kita akan mengambil pendekatan untuk memanggil mereka dan berbincang dengan guru besar sama ada guru ini masih mampu ataupun sesuai untuk menjalankan tugas itu.

Jika tidak, kita akan minta mereka untuk menjalani beberapa sesi kaunseling untuk memastikan tugas mereka itu akan dapat terus dijalankan tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Dato' Ajis bin Sitin.

3. Dato' Ajis bin Sitin minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan, usaha pihak kerajaan di dalam memurnikan konflik di antara masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman dengan haiwan liar terutamanya gajah dan harimau yang sering mengganggu kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli seperti kes harimau membaham Orang Asli dalam kawasan perkampungan mereka dan banyak insiden di mana gajah memusnahkan tanaman masyarakat Orang Asli sedangkan mereka tidak dibenarkan membunuh atau menghapuskan binatang-binatang liar tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Ali anak Biju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sentiasa mengambil serius berhubung dengan masalah konflik hidupan liar, gajah dan harimau Malaya yang dihadapi oleh komuniti Orang Asli. Antara langkah-langkah mitigasi yang telah dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN dalam membendung konflik manusia dan gajah adalah seperti berikut:

- (i) membina pagar elektrik penempatan Orang Asli. Lokasi yang telah dibina pagar antaranya adalah seperti di Kampung Tenang Labis, RPS Air Banun Perak, Kampung Baung, Kampung Pos Kemar, Kampung Mentelong, Pos Pasir Kelantan sepanjang 800- dan total kesemuanya adalah lebih kurang 76 kilometer untuk di kawasan Orang Asli sahaja;
- (ii) memasang kolar satelit bagi kumpulan gajah yang telah dikenal pasti bagi memantau pergerakan kumpulan gajah tersebut dan seterusnya mengambil tindakan pencegahan sekiranya kumpulan tersebut menghampiri kawasan kampung dan kawasan pertanian;

- (iii) mengagihkan lampu LED berwarna untuk menghalau gajah serta melatih penduduk kampung menggunakan lampu LED tersebut;
- (iv) meningkatkan rondaan di kawasan keliaran gajah bagi mencegah konflik gajah dan manusia; dan
- (v) mengadakan lebih banyak sesi konsultasi dan khidmat nasihat bagi pengurusan konflik gajah bersama penduduk kampung bagi meningkatkan keberkesanan mitigasi konflik manusia dan gajah.

Langkah-langkah mitigasi yang di laksanakan oleh Jabatan PERHILITAN dalam membendung konflik manusia dan harimau Malaya pula adalah seperti berikut:

- (i) memasang perangkap bagi menangkap dan memindahkan harimau Malaya dari kawasan perkampungan melibatkan lokasi seperti di Kampung Bihai Kelantan serta Sungkai di Sungai Siput, di Perak;
- (ii) menjalankan beberapa siri konsultasi dan khidmat nasihat kepada penduduk kampung terlibat konflik manusia dan harimau Malaya; dan
- (iii) mangsa yang cedera turut diberi bantuan di bawah Tabung Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Dato' Isa bin Ab. Hamid.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat bahawa sebahagian besar yang menjadi mangsa serangan binatang buas ini ialah komuniti Orang Asli dan juga komuniti pendalaman. Saya mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan manfaat bantuan kumpulan wang amanah yang disediakan untuk mangsa-mangsa serangan binatang buas ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tabung wang amanah.

Datuk Ali anak Biju: Manfaat yang disediakan sekarang ini, maksimumnya iaitu RM20 ribu untuk satu kes yang mati ataupun cedera kekal. Untuk mendapatkan pampasan tersebut perlu mendapat pengesahan daripada PERHILITAN. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Tuan Aknan a/l Ehtook.

4. Tuan Aknan a/l Ehtook minta Menteri Kanan Kerja Raya menyatakan, bilangan pemilik kenderaan yang menggunakan kemudahan RFID dan adakah kementerian bercadang untuk membenarkan kaedah pembayaran yang lain seperti kad kredit, kod QR atau pelbagai jenis kad prabayar yang lain untuk menjelaskan bayaran tol.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Arthur Joseph Kurup]: Selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Dewan, Kementerian Kerja Raya juga prihatin terhadap bencana banjir yang telah melanda dan kementerian telah mengoperasi Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) pada peringkat ketiga, yang kini beroperasi sepanjang masa, 24 jam dan akan bantu untuk memberi maklumat-maklumat yang terkini kepada semua agensi bencana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sistem kutipan tol yang menggunakan teknologi RFID ataupun, dengan izin, *Radio Frequency Identification*, nama khas. Ini merupakan kaedah pembayaran tol baru yang menggunakan teknologi yang lebih maju berbanding dengan sistem kutipan tol secara elektronik sedia ada yang menggunakan kad pintar tanpa sentuh ataupun *contactless smart card*, dengan izin, bagi kad *Touch'nGo* dan teknologi *infrared* bagi *SmartTAG*.

■1020

Transaksi tol RFID merupakan langkah Kementerian Kerja Raya ke arah mengurangkan kesesakan di plaza-plaza tol. Ia bertepatan dengan keperluan dan kehendak pelanggan lebu raya serta selari dengan perkembangan teknologi masa kini. Pelaksanaan RFID juga selaras dengan Rancangan Induk Sistem Pengangkutan Pintar yang diterajui oleh KKR termasuklah pelaksanaan Sistem Tol Aliran Bebas Pelbagai Lorong atau juga dikenali sebagai *multi-lane free flow*, dengan izin.

Sehingga berakhir bulan Oktober tahun 2021, sebanyak 26 buah lebu raya, telah menyediakan kemudahan pembayaran tol yang menggunakan RFID. Jumlah pemilik kenderaan yang telah menggunakan RFID adalah berjumlah 1.35 juta.

Bermula pada 15 Januari 2021, transaksi tol yang menggunakan teknologi RFID akan diperluaskan kepada kenderaan ringan persendirian kelas satu, di laluan Juru, Pulau Pinang sehingga ke Skudai, Johor di Lebuhraya Utara-Selatan.

Dengan pelaksanaan ini, seluruh jaringan lebuh raya bertol di Pantai Barat Semenanjung Malaysia akan menyediakan lorong RFID bagi memberikan perkhidmatan yang lebih mudah, selamat dan pantas kepada pengguna jalan raya. Pengguna RFID mempunyai kemudahan untuk membuat bayaran tol melalui sistem dompet elektronik atau yang dikenali sebagai *eWallet* di samping pengguna boleh membuat aktiviti lain seperti tambah nilai secara atas talian.

Akaun *eWallet* boleh dipaut kepada akaun kad kredit dan kad debit dari mana-mana institusi perbankan. Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia sentiasa mencari kaedah yang terbaik untuk memberikan lebih keselesaan pada pengguna lebuh raya termasuk mencari alternatif bagi mempelbagaikan kaedah sistem pembayaran tol. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Akmaz a/l Ehtook: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Akmaz a/l Ehtook: Terima kasih. Kebelakangan ini kecoh di media tentang *Touch'nGo* dan juga *SmartTAG* akan dimansuhkan pada tahun depan. Jadi, bolehkah kementerian memberikan perancangan tentang penggunaan RFID ini agar rakyat lebih bersedia dan kerajaan tidak perlu tarik balik keputusan yang telah dibuat? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: RFID.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih juga Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran tol yang menggunakan kad *Touch'nGo* dan *SmartTAG* masih dikekalkan, walaupun transaksi tol yang menggunakan RFID akan mula diperkenalkan. Jadi, ini merupakan fasa peralihan daripada *Touch'nGo* dan *SmartTAG* kepada RFID. Transaksi tol yang menggunakan RFID pada ketika ini adalah sebagai pilihan tambahan kepada platform kad *Touch'nGo* dan *SmartTAG* yang sedia ada.

Kita memahami kebimbangan yang disuarakan oleh semua pengguna lebuh raya yang ingin dijelaskan bahawa, buat masa ini lorong kad *Touch'nGo* dan *SmartTAG* tetap beroperasi di semua lebuh raya dan ia hanya akan diberhentikan secara berperingkat mengambil kira kepada kadar penggunaan RFID dan kesediaan lorong RFID.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kita hanya menasaskan pada akhir tahun hadapan untuk 60 peratus penggunaan RFID dan hanya menasaskan untuk memberhentikan *Touch'nGo* dan *SmartTAG*, mungkin pada penghujung tahun 2023. Ini pun akan mengambil kira kadar penggunaan RFID bagi semua pengguna lebuh raya sebelum keputusan itu akan dibuat. Sekian, terima kasih.

Tuan Seruandi bin Saad: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada cadangan atau tidak, Yang Berhormat yang disebut *Touch'nGo* itu akan jadi "sentuh dan jalan"?

Datuk Arthur Joseph Kurup: Ada kemungkinan Tuan Yang di-Pertua, tetapi pada masa yang sama *Touch n Go* ini akan diberhentikan bererti, selepas ini, istilah *Touch'nGo* pun akan menjadi sejarah, bukan lagi kita akan gunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya paling gembira.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, ada tambahan? Silakan.

Tuan Seruandi bin Saad: Memandangkan *Touch'nGo* dan *SmartTAG*, dengan izin, akan dimansuhkan secara berperingkat mulai pada tahun hadapan, adakah pihak kerajaan berhasrat untuk memberikan pemasangan percuma atau subsidi kepada pengguna yang beralih dari *Touch'nGo* dan *SmartTAG* kepada RFID bagi mengurangkan beban kos yang ditanggung oleh mereka?

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang sangat baik dan mungkin soalan ini juga ditanya-tanya oleh semua lapisan masyarakat. Untuk makluman Yang Berhormat yang pertama, kos RFID ini jauh lagi murah berbanding dengan *Touch'nGo* ataupun *SmartTAG* dan ia tidak mempunyai kos penyelenggaraan. Contoh, tidak perlu untuk menggantikan bateri itu di dalam RFID.

Ketiga, kita boleh ada kemudahan untuk menambah nilai atas talian. Tidak perlu sudah kita mengunjungi kaunter untuk tambah nilai. Untuk makluman juga, kadar laluan kenderaan di lorong RFID adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan *Touch'nGo*. Di lorong RFID kita boleh mendapat laluan sebanyak 1,000 buah kenderaan sejam. Akan tetapi, bagi *Touch'nGo* ia hanya sebanyak 550 buah kenderaan sejam sahaja, bermakna bahawa teknologi ini memang boleh bantu mengurangkan masalah kesesakan trafik di plaza tol.

Jadi, untuk menjawab soalan kepada Ahli Yang Berhormat, kerajaan sekarang akan memberi diskaun sebanyak RM10 sekiranya kita membeli RFID melalui dompet elektronik ataupun *eWallet*. Pada masa yang sama, kita juga masih lagi mengkaji beberapa kaedah untuk memberikan insentif tambahan seperti pembeli-pembeli kereta yang baharu dan sebagainya untuk supaya RFID ini akan dipasang di dalam kereta tersebut apabila pembeli itu mendapat kereta yang baharu. Sekian, dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih...

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, boleh satu lagi soalan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kita hendak cepat. Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyampaikan ucapan tahniah dan syabas kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana begitu cepat dan segera menggerakkan agensi-agensinya di bawahnya dalam menyelamatkan mangsa-mangsa banjir. Soalan saya nombor lima... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Mudah-mudahan sudah puji itu, sedap-sedaplah jawab sedikit [Ketawa].

5. **Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk mengembalikan semula skim MyDeposit yang memberikan insentif deposit 10 peratus daripada harga rumah sehingga RM30 ribu. Nyatakan statistik penerima yang telah menerima insentif ini sepanjang program tersebut dilaksanakan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican]: Baik terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Selamat datang Yang Berhormat.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri kita.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada soalan dan juga yang dibangkitkan tadi. Memang benar, seramai 4,819 orang anggota bomba telah dikerahkan untuk menyelamatkan dan membantu mangsa-mangsa yang terkesan dengan banjir ini, dan *alhamdulillah*, hari ini kita lihat keadaan sudah pun surut dan mudah-mudahan kita berdoa cuaca elok dan operasi menyelamatkan akan dapat dilaksanakan jauh lebih cepat dan juga kembali kepada keadaan seperti sedia kala.

Untuk berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, suka saya maklumkan bahawa Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mula diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2016 dalam Rancangan Malaysia Kesebelas melalui pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan di Dewan Rakyat pada tahun 2015.

Skim ini menawarkan insentif 10 peratus daripada harga rumah ataupun RM30 ribu yang mana terendah kepada pembeli rumah pertama untuk rumah yang berharga RM500 ribu dan ke bawah dengan kelayakan pendapatan isi rumah penerima adalah sebanyak RM15 ribu.

Melalui skim ini sebanyak 86.386 juta pembiayaan telah pun diberikan kepada 3,105-keluarga yang meliputi 12,420 isi rumah yang bermula dari tahun 2016 hingga 31 Oktober 2021. Berdasarkan rekod kementerian, didapati 2,257 orang ataupun 72.6 peratus merupakan pemohon yang berumur 21 tahun hingga 35 tahun. Manakala 778 orang ataupun 25 peratus orang pemohon melibatkan pemohon berumur di antara 36 tahun hingga 45 tahun dan yang selebihnya melibatkan pemohon berumur 45 tahun ke atas.

Sebanyak 127 projek perumahan telah terlibat dalam skim ini. Walaupun peruntukan kewangan kerajaan untuk skim ini telah pun ditamatkan dan dihentikan, tetapi saya menyokong pandangan Yang Berhormat bahawa skim ini mempunyai impak yang tinggi untuk pembeli pertama terutamanya di kalangan golongan yang- orang-orang muda. Justeru, kementerian sedang meneliti semula cadangan perwujudan skim seumpama ini dengan mengkaji modul pembiayaan yang lebih, dengan izin, *viable* dan *sustainable* untuk manfaat dan kepentingan golongan sasaran. Terima kasih.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Soalan tambahan saya, sejauh mana keupayaan kementerian untuk mewujudkan skim perumahan harga murah dan mampu milik seperti mana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor menerusi Rumah Mampu Milik Johor yang menawarkan rumah serendah RM42 ribu?

■1030

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican: Baik, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, di pihak kementerian, kita ada pelbagai skim perumahan. Kalau untuk mereka yang berada di bawah B40 yang terbawah, kita ada sediakan program yang dinamakan Program Perumahan Rakyat yang telah pun melalui evolusi yang agak panjang. Dahulu dipanggil Perumahan Kos Rendah. PPR ini pun daripada segi saiz lantai pun sudah berubah sehinggalah pada akhirnya sekarang ini saiznya ialah 700 kaki persegi.

Untuk harga ini, ia ada dua kategori iaitu pertama untuk disewa dan kedua untuk dimiliki. Ini maknanya sama ada untuk dijual secara langsung- *outright sale*, dengan izin, ataupun dilakukan secara RTO.

Untuk perumahan itu, harganya sekitar RM35 ribu, malah lebih rendah dari Johor ya. Akan tetapi untuk perumahan-perumahan mampu milik yang lain, yang diterajui oleh agensi seperti PR1MA, SPNB dan juga syarikat-syarikat daripada kerajaan negeri, harganya adalah agak berbeza-beza berdasarkan kepada *median income* negeri-negeri tersebut. Kaedah dan formula *median multiple income* yang digunakan ini menyebabkan ada rumah-rumah seperti Rumah Selangorku, Rumah PerakKu Tuan Yang di-Pertua dan rumah yang macam-macam 'ku' lagilah berada pada harga yang berbeza.

Namun, *insya-Allah*, Majlis Perumahan Mampu Milik Negara telah diaktifkan semula, akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan akan disertai oleh semua Menteri Besar dan Ketua Menteri, agar kita melihat daripada segi *a mapping out*, dengan izin, pemetaan untuk penyediaan rumah mampu milik ini dapat dilakukan secara lebih terurus dan terarah agar ia tidak ada ketidakpadanan- *mismatch* daripada segi *demand and supply*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan atas kehadiran beliau dan juga menjawab soalan-soalan yang utama tadi. Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya.

Dato' Ahmad bin Yahaya: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 6.

6. Dato' Ahmad bin Yahaya minta Menteri Kewangan menyatakan, langkah pengawalseliaan daripada kementerian bagi memastikan semua penyedia perkhidmatan aplikasi "*Buy Now Pay Later*" dalam talian patuh syariah.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, skim *Buy Now Pay Later* (BNPL) merupakan inovasi kewangan baharu yang berkembang dengan agak pesat. Buat masa ini, aktiviti BNPL ini tidak tertakluk di bawah bidang kuasa mana-mana agensi pengawalseliaan. Kerajaan juga menjangkakan banyak lagi inovasi baharu akan diperkenalkan, sejajar dengan pemesanan digital yang memerlukan inovasi ini dikawal dengan baik dan tidak menimbulkan isu pada masa hadapan.

Oleh itu, Kementerian Kewangan Malaysia berserta dengan Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sedang menerajui usaha sama dengan kementerian dan agensi berkaitan untuk merumus sebuah rangka kerja perundangan yang komprehensif, untuk mengawal selia semua aktiviti kredit pengguna melalui penggubalan Akta Kredit Pengguna- *Consumer Credit Act* (CCA), dan penubuhan Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna- *Consumer Credit Oversight Board* (CCOB) pada tahun 2022.

Berdasarkan rancangan jangka masa yang panjang, CCOB akan menjadi suatu badan pengawal selia tunggal bagi semua aktiviti kredit bermula dengan aktiviti kredit yang tidak dikawal selia oleh mana-mana kementerian atau agensi, contohnya BNPL.

Dengan penggubalan CCA, semua pemberi kredit termasuk BNPL akan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang sewajarnya dan peraturan ini bukan sahaja berhubung pengurusan, pengawalan risiko dan perlindungan pengguna malah merangkumi peraturan pematuhan syariah yang bersesuaian dalam menjalankan aktiviti BNPL. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Ahmad bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan. Sistem ini melibatkan hutang. Jadi, ia terdedah kepada riba jika pembeli lewat membuat bayaran. Jadi persoalan saya, adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan satu bentuk regulasi khusus bagi memastikan pengguna Muslim dapat memilih aplikasi pembayaran ansuran yang mematuhi atau patuh syariah? Terima kasih.

Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa: Terima kasih atas soalan susulan daripada Ahli Yang Berhormat. Mungkin saya ingin berkongsi di sini, setakat ini terdapat sekurang-kurangnya sembilan buah syarikat BNPL yang telah dikenal pasti.

Berdasarkan umum di laman sesawang operator BNPL ini dan sesi libat urus bersama dengan syarikat BNPL, hanya terdapat sebuah sahaja syarikat BNPL yang patuh syariah buat masa ini iaitu *Split*. Syarikat ini telah memastikan tadbir urus dan keperluan syariah dipatuhi berpandukan penasihat syariah yang dilantik. Walau bagaimanapun, tahap kepatuhan syariah ini hanyalah berdasarkan maklumat umum dan bukan penilaian daripada pihak Bank Negara Malaysia atau mana-mana agensi pengawal selia kewangan yang lain.

Sebuah platform BNPL ini kita boleh anggap sebagai patuh syariah secara menyeluruh sekiranya ia menepati ciri-ciri seperti berikut:

- (i) ia di struktur berasaskan kontrak syariah yang bersesuaian untuk menjaga hak dan kewajipan setiap pihak yang berkontrak termasuk memastikan asas syariah yang jelas bagi setiap aliran kewangan;
- (ii) ia tidak mempunyai apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, unsur riba seperti mengenakan caj faedah ke atas prinsipal atau caj lewat bayar melebihi kos sebenar;
- (iii) ia tidak membenarkan pembelian barangan atau perkara yang tidak patuh syariah; dan
- (iv) memastikan akan operasi BNPL diuruskan oleh institusi perbankan Islam.

Seperti yang saya katakan, sekarang ini kita belum ada lagi usaha tetapi kita akan mengambil maklum apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Kita akan maklumkan dan kita akan cuba minta lapan buah syarikat yang belum lagi patuh syariah ini untuk mengambil kira dengan pengguna-pengguna terutama yang Muslim supaya mereka tidak akan terjebak dalam kaedah riba ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Baiklah, sebelum pindah kepada soalan nombor 7, mungkin istilah "*Buy Now Pay Later*" boleh kita tukar kepada "*Beli Kini Bayar Kemudian*."

Nombor yang berikutnya, Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 7.

7. Datuk Mohan a/l Thangarasu minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apa usaha-usaha yang dilaksanakan pihak Kementerian untuk membantu penjaja yang terjejas akibat pandemik COVID-19 di Wilayah Persekutuan terutamanya di kawasan Brickfields.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat datang bersama-sama pagi ini menjawab soalan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, hari-hari ya tiada masalah. Tuan Yang di-Pertua yang dikasihani dan Ahli-ahli Yang Berhormat semua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah bertanyakan soalan.

Untuk makluman, usaha terkini daripada Kementerian Wilayah Persekutuan khususnya DBKL iaitu memberi bantuan kepada penjaja-penjaja seperti pengecualian bayaran *fee license* untuk tempoh enam bulan mulai Jun hingga Disember 2021 dan diskaun bayaran sewa sebanyak 50 peratus untuk pusat penjaja dan pasar berbangunan DBKL kepada semua penjaja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Baru-baru ini saya telah mengumumkan di Dewan ini bahawa kita bersetuju untuk menyambung Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga ini diteruskan sehingga bulan Mac. Akan tetapi di Dewan Rakyat, saya telah memaklumkan secara bertulis sehingga bulan Jun 2022. Sebenarnya, ia bermaksud kita bagi berfasalah, sampai Mac kita kaji balik, kemudian kita sambung sehingga Jun. Jun itu kira maksimum sebab selepas itu saya kira mereka sudah mampu untuk berdikari dan terus berniaga di Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada soalan? Silakan Yang Berhormat.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Adakah tempoh lot perniagaan baharu atau kios dibuka di kawasan Brickfields di bawah Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota bagi membantu golongan muda yang kehilangan kerja dan menganggur?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, seperti yang telah saya maklumkan bahawa tahun depan, kita akan memberi peluang dan membina kios serta lain-lain kemudahan yang berkaitan sebanyak 1,000 unit kepada anak-anak muda. Ini yang berumur 18 hingga 25 tahun begitu ya.

Antara tempat yang telah kita kenal pasti ialah Brickfields tetapi kita belum lagi dapat tempat yang khusus di kawasan tersebut. Sekiranya kita sudah dapat, sudah pastinya ruang berniaga akan diberi peluang kepada anak muda sebab anak muda kalau kita tidak bagi peluang, mereka akan sukar untuk memasuki bidang yang begini mencabar sebab ini adalah di Wilayah Persekutuan.

Dengan itu, kerajaan bukan sahaja menyediakan kios dan tempat berniaga, kita juga bagi insentif yang lain. Dia hanya datang berniaga dalam bentuk semangat untuk membina diri. Jadi semua kemudahan yang diberi atas dasar bahawa anak muda harus mendapat pembelaan daripada kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Kesavadas.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan saya ialah apakah bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak kementerian buat golongan penjaja kota raya yang terkesan dengan banjir kilat yang berlaku dan sedang berlaku masa kini?

■1040

Apakah mekanisme kementerian yang mengenal pasti penjaja-penjaja yang berhadapan dengan kemusnahan harta benda yang melibatkan *facility* dan kelengkapan perniagaan mereka? Sekian, terima kasih.

Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah umumkan mereka yang terkesan dengan banjir dalam bentuk mereka berpindah, maka mereka akan dibayar RM1,000. NADMA akan bayar RM1,000. Kerajaan Persekutuan bayar RM1,000 kepada mangsa banjir tetapi RM1,000 ini dibagi kepada seluruh negara yang terlibat dengan banjir dan mereka berpindah. Akan tetapi di Wilayah Persekutuan, walaupun nampak banjir besar berlaku tetapi surutnya segera.

Jadi semalam itu kira hampir selesai dan tugas kami memastikan supaya Dewan Bandaraya mencucinya. Itu sebab apabila Yang Berhormat datang hari ini, kita lihat bandar raya bersih sebab kita pastikan ia bersih. Apabila rakyat ke kota balik hari Isnin, mereka melihat Kuala Lumpur bersih tetapi masih ada tempat-tempat yang kita perlu perbetulkan seperti di sesetengah *basement* ada yang sampai dua tingkat air masih di sana dan kita sedang mengepam keluar.

Jadi, untuk peniaga-peniaga dan lain-lain lagi untuk Wilayah Persekutuan ada perkara-perkara yang kita akan umumkan kepada mereka bagi mengurangkan beban yang dihadapi. Sebagai mangsa banjir, mereka berhak mendapat bantuan kalau sekiranya mereka berpindah. Barang-barang yang rosak dan sebagainya, ini berlaku di seluruh negara.

Untuk Wilayah Persekutuan, kita sedang mempertimbangkan sesuatu kepada mereka. Walau bagaimanapun, kemudahan yang kita bagi selama ini kepada mereka itu berterusan. Yang Berhormat, bantuan yang DBKL bagi ini berjumlah hampir RM40 juta untuk kemudahan berniaga.

Kita mengutip *fees, license* dan sebagainya, lebih daripada RM40 juta- kita bagi pengecualian. Yang kali ini, kita lihat barang-barang yang rosak dan sebagainya, *insya-Allah* kita akan mempertimbangkan sesuatu kepada mereka. Di Wilayah Persekutuan, mereka mengetahui bahawa mereka akan mendapat perhatian yang wajar daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Beralih kepada Yang Berhormat Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

8. Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apa usaha kerajaan dalam mengatasi masalah ketagihan peranti pintar-gajet, bagi kanak-kanak bawah umur kerana ia memberi kesan negatif terhadap pertuturan mereka.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius akan kesan terhadap penggunaan peranti ataupun gajet yang berlebihan dalam kalangan kanak-kanak. Menyedari kepentingan isu ini, beberapa inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran kepada ibu bapa dan masyarakat berkaitan dengan penggunaan dan keselamatan siber telah dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah KPWKM iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Institut Sosial Malaysia dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Antara program yang dilaksanakan yang pertama ialah Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) yang mana program ini untuk memberi pendidikan dan pengetahuan kepada ibu bapa mengenai aspek keselamatan dan mencakupi keselamatan di rumah, di luar rumah dan dalam talian. Dalam tempoh tahun 2019 hingga 2021, seramai 205 orang jurulatih telah dilatih dengan kerjasama rakan strategi kita termasuk KEMAS, Jabatan Perpaduan, JKM dan NGO.

Kita telah melaksanakan 288 program yang melibatkan 17,550- keluarga. Penganjuran juga kita laksanakan untuk program pendidikan ibu bapa, menekan keselamatan kepada ibu bapa tentang keselamatan siber, termasuk forum keibubapaan digital dan perlindungan dalam talian kanak-kakak. Begitu juga kita banyak mengadakan kempen-kempen kesedaran bersama NGO berkaitan dengan penggunaan gajet secara positif seperti masa tanpa gajet ataupun masa yang kita boleh *free* daripada gajet bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat memperuntukkan masa berkualiti bersama keluarga.

Kedua adalah program yang dilaksanakan di bawah JKM di mana kita mengadakan Program Keselamatan Kanak-kanak- Sahabat B.I.J.A.K.: Selamat dan Lindung di mana program ini menyebarkan maklumat berkaitan dengan aspek keselamatan kanak-kanak termasuk literasi undang-undang kepada kanak-kanak sekolah, ibu bapa, guru dan masyarakat. Program ini telah melibatkan 96,797 orang kanak-kanak yang melibatkan 414 buah sekolah.

Ketiga merupakan program yang kita laksanakan melalui Institut Sosial Malaysia iaitu Siri Seminar Keselamatan Kanak-kanak yang bertemakan Sentiasa Berwaspada dan Berjaga-jaga yang mana tujuannya untuk advokasi melibatkan semua pihak terutamanya komuniti supaya memberi sokongan dan keterlibatan bersama dalam usaha mencegah jenayah seksual, keselamatan siber, penggunaan gajet di kalangan kanak-kanak.

Begitu juga program KPWKM merupakan rakan strategi bekerjasama dengan pihak Digi melalui program *Digi Cyber Safe* bagi menerbitkan risalah panduan mesra keluarga dan pengamal internet. *Alhamdulillah* kita juga sedang berusaha untuk merangka pelan tindakan untuk memastikan elemen-elemen perlindungan kanak-kanak dan pendidikan kesihatan ini dapat kita laksanakan, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Kalau kita lihat sekarang ini di restoran-restoran terutamanya sebuah keluarga yang terdiri daripada empat, lima orang atau enam, tujuh orang, masing-masing dengan gajetnya tersendiri. Jadi masalahnya bukan sahaja kanak-kanak bahkan ibu bapa yang menjadi masalah besar sekarang. Ibu bapa ketagihan gajet ataupun ketagihan peranti ini, jadi mereka gagal berkomunikasi dengan kanak-kanak.

Jadi adakah langkah-langkah tertentu atau mengadakan akta-akta atau undang-undang tertentu untuk mengawal selia. Kalau tidak, saya rasa dalam beberapa tahun akan datang kita akan menghasilkan kanak-kanak ataupun remaja yang tidak kisah ataupun tidak ambil peduli tentang persekitaran. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan. Memang kita menyedari bagaimana peranan ibu bapa- tahap kesedaran ibu bapa ini bukan sahaja mereka tidak mengawal kanak-kanak malah mereka sendiri pun terlibat dengan ketagihan gajet .

Kajian mendapati bagaimana kesedaran ibu bapa ini telah menurun sebenarnya dari sudut kawalan ibu bapa ini daripada 62.5 peratus pada tahun 2018 kepada 53.3 peratus pada tahun 2020. Ini menunjukkan kurang kepekaan ibu bapa terhadap penggunaan gajet. Kita dapati 78.3 peratus ibu bapa di Lembah Klang membenarkan anak-anak memiliki gajet dan 50 peratus kanak-kanak ini berinteraksi dengan gajet dan kadang-kadang mereka menghabiskan masa lebih daripada sembilan jam sehari bersama gajet.

Jadi kerajaan, kita sedang berusaha meneliti dengan pelbagai program kita sama ada melalui LPPKN, ISM dan JKM untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa. Kita juga telah merancang pelbagai program iaitu antaranya pelan tindakan yang kita laksanakan iaitu dipanggil Pelan Tindakan Perlindungan dalam Talian Kanak-kanak yang kita bangunkan, dan pelan ini merangkumi tindakan bersepadu yang melibatkan semua agensi untuk melindungi.

Ia melibatkan empat aspek iaitu advokasi, pencegahan dan intervensi dan khidmat sokongan untuk meningkatkan kesedaran di semua pihak termasuk juga kepada ibu bapa bagi memastikan mereka peka terhadap kesan gajet dalam keluarga. Walaupun kita tahu PKP menyumbang besar terhadap penggunaan gajet tetapi di sana, kena ada kawalan. Jadi kita sangat mengalu-alukan penglibatan semua pihak untuk bersama-sama memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kesan penggunaan gajet ini. Terima kasih.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Dato' Isa.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dengan kementerian, apakah usaha-usaha yang dilihat praktikal merentasi kementerian? Oleh sebab kita lihat ketagihan gajet ini seawal umur empat, lima tahun. Kerjasama dengan KEMAS di peringkat taska dan tadika, prasekolah di kementerian. Kalau boleh Yang Berhormat boleh menjelaskan. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya banyak program kerjasama yang kita buat, selain daripada Kementerian Pendidikan. Program-program yang kita laksanakan antaranya di sekolah yang saya sebutkan tadi yang melibatkan lebih daripada 400 buah sekolah. Kita juga melibatkan juga bersama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia dengan Jabatan Perpaduan- dan pelbagai program yang kita bekerjasama.

Oleh sebab isu ini merupakan isu merentasi kementerian. Jadi, antara program yang dibuat juga kalau melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia iaitu program inisiatif mendidik masyarakat mengenai penggunaan internet dan media sosial secara bijaksana. Di antaranya ialah program Jangkauan Kesedaran Mengenai Penggunaan Internet dan Media Sosial, program kesedaran pendidikan dan keselamatan internet. Pusat Internet Malaysia yang menawarkan latihan ICT.

■1050

Begitu juga, ada juga program-program keusahawanan yang boleh kita manfaatkan tetapi penggunaan gajet secara betul. Jadi, kita harapkan dengan pelbagai program yang kita buat selain daripada kempen-kempen kesedaran yang kita buat melalui media massa dan penglibatan NGO juga, kita harapkan supaya semua pihak bertanggungjawab, jaga diri, jaga keluarga supaya kita hendak manfaatkan teknologi tetapi pada masa yang sama kita jangan menjadi hamba kepada teknologi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff yang telah berusaha banyak menjawab soalan bagi kementerian. Sepertimana salam kami sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, kami juga menyampaikan salam kepada Yang Berhormat Menteri sendiri... [Tepuk]

Ini sejajar dengan falsafah yang ada di bawah Peraturan Mesyuarat 91, dan diharapkan pandangan ini juga sampai kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Terus kepada Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol.

9. Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan, tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan dengan muktamad masalah sekolah kurang murid.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak sempat lagi hendak kata- tahniah lagi sekali... *[Ketawa]* Silakan.

Timbalan Menteri Pendidikan II [Datuk Mohamad bin Alamin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada kemenangan besar GPS, dan rakan-rakan di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendefinisikan Sekolah Kurang Murid (SKM) sebagai sekolah ber-*enrollment* 150 orang murid dan ke bawah. KPM telah merangka beberapa strategi bagi menangani isu sekolah kurang murid di bawah inisiatif pelaksanaan dan hala tuju SKM. Antara strategi tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pelaksanaan kelas bercantum dengan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred;
- (ii) penggabungan sekolah kurang murid; dan
- (iii) pemindahan atau penempatan semula sekolah kurang murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, strategi pelaksanaan kelas bercantum dengan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred dilaksanakan dengan melibatkan percantuman kelas Tahun 2 dengan Tahun 3, dan Tahun 4 dengan Tahun 5, di sekolah ber-*enrollment* 30 orang murid dan ke bawah.

Strategi penggabungan sekolah pula dilaksanakan dengan menggabungkan dua atau lebih sekolah yang sama jenis dalam lingkungan lima kilometer. Walau bagaimanapun, penggabungan SKM dalam kawasan penempatan yang sama tertakluk kepada persetujuan bertulis ibu bapa atau penjaga secara majoriti.

Bagi sekolah kurang murid yang tidak digabungkan dan dipindahkan seperti di kawasan pedalaman dan di pulau, sekolah berkenaan akan dikekalkan demi memastikan kelangsungan pendidikan kepada murid yang tinggal di lokasi berkenaan. KPM berkeyakinan bahawa menerusi strategi yang telah digariskan dan dilaksanakan di bawah Pelan Hala Tuju SKM tersebut, isu SKM akan dapat ditangani dan sumber pendidikan yang dibekalkan oleh KPM akan dapat dimanfaatkan oleh murid.

KPM akan terus meneliti pendekatan terbaik bagi memastikan kapasiti sekolah dan sumber pendidikan di sekolah seluruh negara dapat dioptimumkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol: Soalan tambahan saya, sebahagian besar daripada SKM di Sarawak merupakan sekolah daif. Adakah kerajaan akan membaik pulih kesemua sekolah daif yang kurang murid atau apakah alternatif terbaik bagi menentukan penggunaan sumber yang cekap di samping meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah terbabit?

Datuk Mohamad bin Alamin: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Pertama, sekolah daif memang kita akan teruskan sama ada untuk menyelenggarakan sekolah-sekolah ataupun mana-mana bangunan yang daif ataupun kita juga akan menggantikan gantian penuh mana-mana sekolah daif di negeri Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, Sarawak merupakan negeri yang tertinggi mempunyai sekolah kurang murid sebanyak 846. Dengan jumlah ini KPM akan sentiasa mengambil pendekatan untuk memastikan pencapaian pendidikan anak-anak di SKM ini akan dapat terus terbela.

Kita juga mengadakan beberapa program umpamanya melibatkan institusi di bawah KPM seperti Institut Aminuddin Baki untuk memberi latihan kepada guru-guru yang terlibat dalam sekolah-sekolah SKM ini. Bahagian Profesional Guru juga IPG juga, akan membantu kepada guru-guru yang terlibat dalam sekolah kurang murid ini bagi memastikan pencapaian anak-anak kita di SKM ini juga akan terus dapat dibela, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan bagaimana kementerian memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sesebuah sekolah yang mempunyai murid yang rendah.

Ini kerana difahamkan ada cikgu yang perlu mengajar dua atau tiga subjek yang berlainan, dan tidak berkaitan disebabkan oleh murid yang kurang dan perbekalan tenaga pengajar yang rendah? Terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Sebagaimana yang saya katakan awal tadi bahawa Bahagian Profesional Guru di KPM dan terlibat sama ialah Institut Aminuddin Baki, di mana mereka akan memberi latihan, bimbingan kepada guru-guru semua, untuk memastikan kualiti pembelajaran dan pengajaran mereka juga akan dipastikan.

Kita juga akan meminta IPG juga membantu dalam isu ini dan di Pejabat Pendidikan Daerah sendiri, Yang Berhormat Senator kita adakan *School Improvement Specialist Coach (SISC)*, bagi melatih guru-guru yang terlibat di SKM ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Penambahbaikan sekolah?

Datuk Mohamad bin Alamin: Penambahbaikan pengajaran sekolah ataupun bimbingan. Oleh sebab guru-guru di sini memang mereka akan berhadapan dengan beberapa cabaran hebat dan itulah antara program-program yang kita sedang dan akan terus laksanakan bagi memastikan pendidikan di SKM juga akan terus terbela. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum mengemukakan soalan saya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada agensi-agensi perkhidmatan yang membantu mangsa-mangsa banjir terutama pasukan bomba yang terlibat dalam operasi di satu resort di Bentong.

10. Tuan Robert Lau Hui Yew minta Menteri Pengangkutan menyatakan, mengapa setiap murid institut memandu dikehendaki membeli sebuah buku bertajuk *Kurikulum Pendidikan Pemandu* yang berharga RM13. Mengapa buku yang lama tidak boleh digunakan semula.

Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua yang budiman, terima kasih kerana saya berpeluang untuk menjawab soalan pada hari ini dan menggulung. Kebetulan pada bulan Oktober saya berada di London untuk Persidangan IMO, melobi sokongan daripada negara-negara dan untuk tempoh yang agak panjang termasuk kuarantin. Baru dua minggu lalu saya berada di London dan terpaksa menjalani kuarantin dan sebab itulah hari ini saya ada peluang untuk menjawab soalan.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, bersama kita pada pagi ini.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya anggap ini sebagai satu keutamaan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Buku Teks *Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP)* ini telah distrukturkan mengikut keperluan pembelajaran teori dan praktikal pemanduan selamat yang mana ia merupakan rujukan asas dan wajib kepada semua bakal pemandu serta pelatih yang boleh diguna pakai secara berterusan.

JPJ menasahkan setiap pemilik lesen mempunyai satu buku KPP sebagai salah satu inisiatif kerajaan ke arah melahirkan pemandu yang lebih berhemah, kompeten serta celik undang-undang dan peraturan jalan raya. Tiap-tiap buku teks KPP yang dibeli, dilengkapi dengan nombor siri bagi setiap buku kepada setiap calon. Calon perlu membeli buku teks KPP tersebut bagi mendapatkan nombor siri untuk menduduki Ujian Bahagian Satu.

Sehubungan dengan itu, penggunaan semula buku KPP tersebut untuk pelajar-pelajar yang baru akan tidak memenuhi kehendak dan hasrat kerajaan untuk menjadikan buku tersebut sebagai rujukan tetap setiap pemandu di atas jalan raya. Selain daripada itu, terdapat beberapa perkara yang berkaitan undang-undang dan pemanduan yang sentiasa perlu dikemas kini di dalam buku KPP dari semasa ke semasa.

Oleh itu, penggunaan semula buku KPP yang lama oleh pelajar baru adalah tidak sesuai, mengambil kira peraturan jalan raya dan persekitaran jalan raya yang sentiasa berubah dan dinamik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan, sila.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan tambahan saya, apa sebab buku ini tidak ditawarkan dalam bentuk salinan lembut, dengan izin, *soft copy* secara percuma.

Tuan Yang di-Pertua: Naskhah *soft copy*, katanya sebab “salinan lembut” tidak elok bunyinya.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan yang sangat baik. Oleh sebab JPJ dalam ke arah kita membuat pendigitalan pada dokumen, kita akan melihat aspek ini. Sepertimana yang saya jawab tadi oleh sebab ini mencantumkan daripada segi teori dan praktikal, berdasarkan kepada satu buku KPP dan dengan siri nombor itu diletakkan.

■1100

Maka, kalaulah kita hendak menandakan seseorang itu dengan nombor siri, maka kita kena buat cara itu. Akan tetapi, saya melihat ada kemungkinan kita melihat dalam alam maya ini, kalau ia boleh dipermudahkan dan menjimatkan rakyat, kita akan mengkaji dan ini merupakan sebahagian kepada *subset* kita untuk kita membuat pendigitalan perkhidmatan JPJ. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Dengan perkembangan baharu dalam sistem pengangkutan yang berteknologi tinggi dan juga seperti kereta yang berautonomi atau kenderaan yang pemanduan sendiri. Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan bagaimanakah kandungan Kurikulum Pendidikan Pemandu menepati permintaan dan keadaan semasa kekerapan penyediaan kurikulum dalam mekanisme yang diguna pakai dalam memahami pemahaman kenderaan yang berteknologi itu? Terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai kerana memberikan satu soalan yang agak ada satu berpandangan jauh. Ini satu soalan yang sangat relevan. Apabila kita menyebut tentang *autonomous vehicle* ataupun kenderaan yang dikendalikan sendiri, maka kita melihat dalam konteks ini, dalam sistem pemanduan kita, latihan atau pengujian kita, masih lagi berpandukan kepada kereta yang dipandu oleh manusia.

Maka, mengikut sistem sekarang, ia belumlah sampai ke takat kita menguji dengan menggunakan kenderaan yang dikendalikan secara automatik. Akan tetapi, saya melihat seperti halnya dron, kalau kita lihat teknologi dron. Sebelum itu, mereka boleh terbang, kalau mereka perlukan lesen juruterbang, mereka kena melalui CAM, Pihak Berkuasa Penerbangan Malaysia untuk mendapatkan lesen.

Untuk dron juga, kita dalam peringkat untuk menyediakan satu pentauliahan kepada juruterbang dron. Ini sebagai salah satu konsep yang diterap dalam konsep apa yang saya namakan *autonomous vehicle* tadi. Jadi, saya rasa kita akan melihat perkembangan teknologi. Mungkin ia bukan masa sekarang tetapi untuk masa akan datang, ia dianggap sebagai sesuatu yang perlu kita buat penyesuaian dan akhirnya untuk melihat perkembangan semasa dan menggunakan cara ini untuk memastikan keselamatan pengguna sama ada jalan ataupun di udara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana beliau membuat capaian dalam Bahasa Kebangsaan yang baik dan boleh dicontohi dalam sintaksis dan penyampaian kita... [Tepuk]

Saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

12. Puan Susan Chemerai Anding minta Yang Berhormat Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah usaha strategik yang diambil oleh kementerian untuk membantu menarik pelaburan asing ke Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua: Oh, Datuk Razali. Datuk Razali selepas itu ya. Silakan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada GPS atas kemenangan besar di pilihan raya di Sarawak... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Kita bersama-sama.

Datuk Lim Ban Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman dari tahun 1980 sehingga Jun 2021, jumlah pelaburan yang telah diluluskan di Sarawak adalah sebanyak RM156.3 bilion terdiri daripada 1,176 buah projek dalam sektor perkilangan yang mana ia menjana 184,895 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah tersebut, RM89.3 bilion atau 57.1 peratus merupakan pelaburan langsung asing dan RM67 bilion atau 42.9 peratus merupakan pelaburan tempatan. Projek-projek utama yang dilaksanakan dengan penglibatan pelabur asing adalah dalam barangan logam asas kimia dan barangan kimia, elektrik dan elektronik, barangan petroleum termasuk petrokimia dan gas asli.

Manakala bagi sektor perkhidmatan di bawah seliaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) pula, jumlah pelaburan yang telah diluluskan dari tahun 1980 hingga Jun 2021 di Sarawak adalah sebanyak RM5.5 bilion terdiri 159 buah projek yang mana ia menjana 13,461 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah tersebut RM5.2 bilion atau 94.5 peratus merupakan pelaburan tempatan dan selebihnya RM0.3 bilion atau 5.5 peratus merupakan pelaburan langsung asing. Dalam usaha untuk menarik pelaburan ke Sarawak, MITI melalui MIDA sentiasa memelihara kerjasama dengan Unit Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan (MINTRED) Sarawak dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) dan usaha dan inisiatif yang telah diambil oleh MITI adalah seperti berikut:

- (i) memperkenalkan Dasar Pelaburan Baharu Negara berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) melibatkan elemen-elemen penting termasuk meningkatkan kepelbagaian ekonomi, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, memperluaskan rangkaian domestik, mewujudkan kluster ekonomi baharu serta membangunkan kluster ekonomi sedia ada dan mempertingkatkan inklusiviti;
- (ii) membangunkan ekosistem rantaian bekalan tempatan dengan menganjurkan Program Rantaian Bekalan yang bertujuan untuk mengukuhkan ekosistem rantai bekalan antara syarikat-syarikat tempatan dan syarikat multinasional agar syarikat-syarikat tempat terus mendapat peluang perniagaan dan pembekalan daripada projek-projek pelaburan syarikat-syarikat multinasional;
- (iii) menawarkan insentif galakan pelaburan berbentuk fiskal dan bukan fiskal secara selektif dalam mempromosikan industri strategik yang disasarkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu tiga subsektor pemangkin kimia, elektrik dan elektronik serta mesin dan peralatan dan dua sektor berpotensi tinggi iaitu peranti perubatan dan aeroangkasa.
- (iv) menawarkan insentif bagi menarik FDI di bawah PENJANA merangkumi pakej pengecualian cukai istimewa bagi menggalakkan syarikat asing memindahkan operasi mereka ke Malaysia termasuk Sarawak ataupun menjalankan pelaburan baharu dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan serta menjadikan Malaysia sebagai pusat rangkaian bekalan antarabangsa;
- (v) kita telah mewujudkan *Digital Investment Office*, dengan izin, DIO, pada 22 April 2021 menerusi usaha sama MIDA dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sebagai platform tunggal untuk menyelaras, menilai, memberi khidmat nasihat dan memudahcarakan pelaburan digital di negara ini;
- (vi) menganjurkan misi-misi pelaburan ke luar negara bagi menarik pelaburan yang berkualiti tinggi dan kita juga menganjurkan sesi dialog secara kerap dengan kolaborasi dewan perniagaan, institusi perbankan, komuniti perniagaan antarabangsa bagi mencari penyelesaian kepada cabaran dan halangan yang dihadapi oleh pelabur dalam melaksanakan projek-projek tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua usaha ini dilakukan untuk peningkatan ekonomi untuk menarik lebih banyak pelabur asing dan juga mewujudkan peluang pekerjaan di Malaysia secara amnya dan juga untuk negeri Sarawak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

Puan Susan Chemerai Anding: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya adakah kementerian membantu kerajaan negeri daripada segi kewangan dalam penyediaan infrastruktur seperti tapak perindustrian untuk pelabur asing dan berapakah jumlah tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah menang pun tanya juga yang bab itu... [Ketawa] Sila, sila.

Datuk Lim Ban Hong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan. Saya tidak mempunyai angka berkenaan dengan jumlah kewangan yang telah disalurkan. Akan tetapi, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Senator berkenaan dengan yang pertama, kita sentiasa memelihara kerjasama strategik yang baik dengan Kerajaan Sarawak melalui MINTRED yang saya sebutkan tadi khususnya untuk menarik pelaburan asing dan juga pembangunan perindustrian di Sarawak.

Keduanya, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Senator berkenaan dengan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak atau ringkasannya SCORE yang khususnya SCORE ini sekiranya kita lihat ia merangkumi kawasan melebihi 100 ribu kilometer di mana di kawasan ini, khasnya ditubuhkan untuk pembangunan industri di Sarawak. Pembangunan infrastruktur seperti yang tadi disebut oleh Yang Berhormat Senator sebenarnya semuanya mengambil tempat di sini. Kita lihat beberapa buah kawasan perindustrian yang berjenama besar telah ditubuhkan iaitu satunya di Samalaju dan juga kita tengok di Tanjong Manis yang lebih fokus kepada industri halal dan makanan.

Begitu juga di Mukah di mana fokusnya ialah kepada sebagai pusat penyelidikan dan juga pembangunan modal insan. Samalaju tadi ialah berkenaan dengan tenaga diperbaharui dan juga industri yang berkaitan. Saya fikir semua ini ia berkait rapat dengan pembangunan infrastruktur dan juga kerjasama yang erat di antara MITI dengan kerajaan negeri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih dan Dewan juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Datuk Lim Ban Hong atas penglibatan menerusi bahasa Kebangsaan di Dewan ini dengan baik... [Tepuk]

Ada tambahan- ya. Saya terus mohon maaf. Tadi tertinggal sebentar. Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

■1110

11. Datuk Razali bin Idris minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan jumlah sasaran peniaga kecil dan mikro di seluruh negara terutama di kawasan luar bandar menggunakan aplikasi "e-wallet" dalam transaksi perniagaan menerusi Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman dan beriman. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Tuan Yang di-Pertua, Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan merupakan salah satu langkah proaktif kementerian untuk memberikan pendedahan kepada peniaga luar bandar khususnya berhubung keperluan pengoperasian perniagaan yang berkonsepkan digital, terutamanya melalui penggunaan kemudahan e-wallet- e-wallet kita tidak tukar kepada e-dompet...

Tuan Yang di-Pertua: "Dompet-e."

Dato' Rosol bin Wahid: "Dompet-e" Terima kasih. Dalam pelbagai transaksi perniagaan.

Inisiatif ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan digitalisasi menerusi Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia yang dilancarkan pada 19 Februari 2021 yang lalu iaitu untuk mempromosi program pembayaran elektronik bagi peniaga dan pengguna untuk menjadi masyarakat tanpa tunai.

Sehingga kini, seramai 2,235 orang peniaga telah berdaftar dengan inisiatif ini. Ini kerana, inisiatif ini melibatkan pelbagai agensi kerajaan iaitu kerajaan negeri, Bank Negara Malaysia, penyediaan dompet-e utama dan program-program khidmat nasihat juga diadakan bersama dengan PBT dan sebagainya.

Untuk makluman, program ini telah dilaksanakan pada 6 April yang lalu di Pasar Tani Putrajaya, pada 30 Oktober dilancarkan di Kuala Berang, Hulu Terengganu dan pada 28 November di Kapit. Kita merancang lima lagi program yang sebegini dilaksanakan pada tahun hadapan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Timbalan Menteri. Program bagus, cuma soalan tambahan saya, setakat mana kekuatan internet terutama di luar bandar untuk mengukuhkan lagi kepenggunaan penggunaan dompet-e? Sejauh mana kah keselamatan siber yang mana ada sesetengah kita mengatakan kecurian identiti dan juga kehilangan maklumat tentang peribadi? Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya itu kekangan kita lihat untuk melaksanakan dompet-e ini di mana kawasan yang tidak ada liputan, ia akan menimbulkan satu masalah yang besar dan juga berkaitan dengan kebocoran maklumat peribadi.

Jadi ia akan dibincangkan dan diselaraskan dengan SKMM dan pihak berwajib untuk memastikan kawasan liputan dan juga keselamatan peribadi pengguna-pengguna dompet-e ini akan diberi jaminan keselamatan mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya mudah sahaja. Apakah keistimewaan yang diperolehi setelah sesuatu kawasan seperti Kuala Berang diisytiharkan sebagai wilayah dompet-e luar bandar? Apakah syarat-syarat untuk melayakkan kawasan-kawasan lain supaya mendapat pengisytiharan yang sama?

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini maksud saya soalan yang mudah tetapi jawapannya susah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ia biasa begitu. Datang itu mudah dan yang hendak disempurnakan susah.

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih, Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya antara kriteria atau ciri-ciri untuk menjalankan dompet-e ini, pertama macam saya katakan tadi, kawasan liputan. Ia mempunyai liputan yang luas dan mencukupi untuk melaksanakan program ini.

Kedua, berkaitan dengan keistimewaan-keistimewaan. Sebenarnya, banyak keistimewaan yang diberi terutamanya oleh penyedia dompet-e ini. Setakat ini kita ada enam pihak penyedia yang telah bekerjasama menjadi sahabat baik kita di kementerian iaitu *Grab, Shopee, Touch'nGo, Boost, Sarawak Pay* dan *Maybank*. Mereka akan memberi inisiatif-inisiatif tertentu. Contohnya, macam *Shopee*, di samping mereka memberi kemudahan dompet-e ini sebanyak RM50 bagi mereka yang mendaftar. Kemudian mereka memberi lagi kereta tolak untuk peniaga-peniaga yang terlibat.

Bagi kawasan-kawasan atau Ahli Yang Berhormat yang berminat untuk mengadakan program ini di tempat masing-masing, boleh berhubung dengan pegawai kita. *Insyaa-Allah* jika semuanya memenuhi kriteria yang diperlukan, kita akan laksanakan kerana kita hendak mengurangkan penggunaan duit fiat ini dalam edaran *market* atau pasaran. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No. 12 – Yang Berhormat Puan Susan Chemerai Anding tidak hadir]

13. Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, jumlah pelajar OKU yang telah berjaya menamatkan persekolahan di MRSM serta usaha kementerian dalam menggalakkan lebih ramai OKU untuk memasuki MRSM.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator, sejak tahun 2018, seramai 10 orang pelajar OKU yang telah menamatkan pengajian di MRSM, dan seramai 12 orang pelajar sedang meneruskan pengajian di MRSM pada tahun 2021.

Antara mereka yang telah pun menamatkan itu adalah sekarang ini ada 10 orang di sini. Saya tidak akan sebut nama mereka tetapi mereka di antara tahun 2018 dan tahun 2020 telah menamatkan. Sekarang, mereka ada yang mengikuti latihan industri politeknik dalam jurusan Diploma Animasi, ada yang menyambung pelajaran di Matrikulasi, ada yang sedang menuntut di USIM, *Bachelor of Computer Science*, dengan izin. Ada yang sedang menuntut di UMP, dengan izin, *electrical engineering, electronic industry*. Ada di UniKL, dengan izin, *Diploma in Medical Imaging*. Di UIAM- Asasi Kejuruteraan dan Sains Komputer. Di UiTM Machang, dengan izin, *Business Study*. Di UiTM Dengkil dalam bidang Asasi TESL. Di UniKL, *Diploma in Radiology*, dengan izin, dan ada yang berhenti daripada MRSM.

Mereka yang sedang menuntut pula, ini 10 orang ya. Mereka yang sedang menuntut di Batu Pahat, Betong, Kota Putra, Kuantan, Merbok, TGS Baling, Semporna, PDRM Kuala Klawang dua orang, dan juga di Johor Bahru. Selain itu, iklan dan promosi untuk kemasukan ke MRSM juga dibuka sentiasa kepada golongan OKU. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya, apa bentuk inisiatif yang telah disediakan oleh kementerian serta MARA di MRSM bagi memastikan prasarana adalah mesra kepada pelajar OKU kita, serta sekiranya ada sebarang biasiswa khusus yang disediakan oleh MARA kepada OKU yang dilanjutkan pelajaran di MRSM? Terima kasih.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Memang pelbagai inisiatif dibuat oleh kerajaan.

Antaranya ialah dengan menyediakan peruntukan kepada MARA bagi menambah baik infrastruktur dan juga kemudahan di semua MRSM dan institusi pendidikan MARA supaya lebih mesra OKU dan sekarang dan sedang dibina dan akan ditambah lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat pula, MARA juga tidak mempunyai apa-apa biasiswa khusus untuk pelajar OKU ini sebagai tambahan. Walau bagaimanapun, MARA mempunyai Program Bantuan Untuk Pendidikan yang dipanggil BUDI yang bagi membantu pelajar daripada kalangan keluarga dengan pendapatan di bawah isi rumah RM1,500 ke bawah dengan jumlah tanggungan sekurang-kurangnya lima orang. Program BUDI melibatkan bantuan pengecualian wang caruman, pemberian wang saku dan kelengkapan persekolahan seperti pakaian seragam dan alat tulis.

Selain itu, MARA juga menyediakan bantuan daripada segi pengecualian wang caruman dan pemberian wang saku kepada pelajar daripada kumpulan isi rumah B40. Pemberian bantuan ini tertakluk kepada proses penilaian oleh pihak MARA. Namun, apatah lagi jika keluarga B40 dan OKU pula, sudah pastinya pihak MARA akan memberi perhatian, *insya-Allah* jika layak dan mampu untuk mengikuti pembelajaran di mana-mana institusi MARA. Terima kasih.

■1120

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias. Tidak ada?

[Soalan No. 14 – YB. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Pengelannya tidak ada, barangnya tiada. Soalannya ada, penyoalnya tiada.

Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid.

15. Dato' Isa bin Ab. Hamid minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah pengundi belia Orang Asli kategori umur 18-21 tahun setelah pindaan Akta SPR dilaksanakan pada tahun 2022, dan usaha SPR dalam memberi kesedaran tanggungjawab pengundi di pedalaman.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai jumlah penghuni belia Orang Asli kategori umur 18 tahun hingga 21 tahun setelah Pindaan Akta SPR dilaksanakan pada tahun 2022. Jadi, Suruhanjaya Pilihan Raya sedang dalam persiapan untuk melaksanakan pindaan Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan iaitu berhubung dengan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik sebagaimana yang telah pun diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas.

Jadi, persiapan sedang dilaksanakan oleh pihak SPRM ini meliputi pindaan kepada Peraturan-peraturan Pilihan Raya, Pendaftaran Pemilih 2002 dan juga undang-undang lain yang berkaitan. Penyediaan SOP dan juga penyediaan sistem serta infrastruktur bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.

Untuk makluman dan juga perhatian Yang Berhormat, Seksyen 3(a), dan (b) Akta Perlembagaan (Pindaan) 2019 berhubung dengan pindaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik telah pun diwartakan pada 1 Disember 2021 sebagai PU(B)615/2021 yang akan berkuat kuasa pada 15 Disember 2021.

Manakala pindaan kepada perundangan subsidiari berkaitan pilihan raya iaitu Peraturan-peraturan Pilihan Raya, Pendaftaran Pemilih (Pindaan) 2021 dan Peraturan-peraturan Pilihan Raya Perjalanan Pilihan Raya (Pindaan) 2021 berhubung dengan pindaan umur kelayakan umur pengundi 18 tahun dan pendaftaran secara automatik telah pun diwartakan pada 30 November 2021 sebagai PU(A)433/2021 dan PU(A)434/2021 dan berkuat kuasa pada 15 Disember 2021.

Justeru, pada masa sekarang SPR tidak mempunyai maklumat jumlah pengundi bagi meliputi bakal pemilih daripada kalangan belia Orang Asli berumur 18 tahun hingga 21 tahun memandangkan nama bakal pemilih berumur 18 tahun dan ke atas ini masih lagi dalam proses pra pendaftaran pemilih dan belum diperakukan mengikut Peraturan-peraturan Pilihan Raya Pendaftaran Pemilih (Pindaan) 2021.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon tambahan masa sedikit. Usaha SPR dalam memberi kesedaran tanggungjawab pengundi di dalam kawasan pedalaman. Jadi, mulai tahun 2017 sehingga kini, melalui Akademi Pilihan Raya (APR), APR telah pun menjalankan kerjasama strategik dengan beberapa buah agensi kerajaan untuk kita sama-sama melaksanakan program pendidikan pengundi.

Jadi, program ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada peri pentingnya demokrasi, aplikasi demokrasi melalui platform pilihan raya, proses pilihan raya yang dijalankan Malaysia, tanggungjawab sebagai seorang pengundi dan implikasinya terhadap negara serta menjelaskan isu-isu serta cabaran yang sering dibangkitkan sewaktu pilihan raya diadakan.

Jadi, harapan pemegang taruh melalui pelaksanaan program ini adalah untuk melahirkan warganegara Malaysia yang bertanggungjawab dalam menentukan masa depan secara inklusif dan dimensi pelaksanaan program ini adalah bersifat holistik mencakupi setiap lapisan masyarakat termasuklah warganegara yang menetap di dalam kawasan pedalaman.

Jadi, melalui program pendidikan pengundi juga dilaksanakan dalam program anjuran SPR, melalui misinya dan program ini memberi fokus kepada warganegara yang menetap di kawasan pedalaman, yang kurang berpeluang untuk akses kepada pembangunan dan juga pendidikan tetapi menggunakan kaedah simplifikasi yang mudah dan juga menarik dengan penganjuran aktiviti bersifat tidak formal berkaitan dengan demokrasi dan juga proses pilihan raya di Malaysia. Jadi, ini adalah sama-sama untuk kita bangkitkan semangat kenegaraan dan juga kepentingan untuk suara memilih dalam pilihan raya demi pembentukan negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Soalan tambahan. Terima kasih jawapan Yang Berhormat Menteri yang jelas dan panjang. Saya ingin bertanya, oleh sebab kita di pedalaman agak sukar bergerak ke pusat DUN mengundi iaitu sehingga 10 kilometer ke-20 meter *off the road* melalui jalan tanah merah. Begitu juga di kawasan bandar yang agak padat.

Saya ingin bertanya, adakah pihak SPR bercadang untuk menambah pusat DUN mengundi di lokaliti yang sangat praktikal seperti dinyatakan tadi? Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Satu soalan yang saya kira cukup relevan sekali. Jadi, kalau kita tengok dengan keadaan semasa dalam hari ini, negara kita berhadapan dengan pandemik COVID-19 bukan hanya disebabkan oleh pertambahan jumlah pengundi disebabkan oleh Undi 18 tetapi disebabkan oleh beberapa kaedah ataupun peraturan yang ketat sewaktu kita hendak membuang undi dan sebagainya.

Jadi, pihak SPR juga akan mewujudkan lebih banyak pusat mengundi tambahan ke atas daerah yang mempunyai bilangan pemilih yang tinggi. Urusan pengemaskinian daerah mengundi ini akan dilaksanakan oleh pihak SPR dari semasa ke semasa selaras dengan seksyen 7, subseksyen 2 iaitu Akta Pilihan Raya 1958 yang mana pihak SPR akan memastikan pewujudan pusat-pusat pengundian baharu ini akan memudahkan pemilih untuk keluar mengundi pada masa hadapan, termasuklah di kawasan pedalaman juga Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, SPR masih lagi belum ada statistik untuk bilangan pemilih kerana ia belum diwartakan lagi. Untuk tahu jumlah pertambahan pusat daerah mengundi yang akan ditambah, kita perlu tahu asasnya iaitu jumlah bilangan pemilih terlebih dahulu dan juga bilangan pengundi ini hanya boleh tahu selepas daftar pemilih ini diwartakan. Buat masa ini, Undi 18 secara automatik telah berkuat kuasa tetapi belum diwartakan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong.

16. Datuk Wira Koh Nai Kwong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, jumlah Lesen Pemberi Pinjam Wang (PPW) yang diluluskan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican]: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada soalan Yang Berhormat. Untuk maklumat Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2021, jumlah pemegang Lesen Pemberi Pinjam Wang (PPW) yang berdaftar di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah berjumlah 4,844.

Semua pemegang lesen PPW ini adalah tertakluk di bawah peruntukan-peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 ataupun lebih dikenali sebagai Akta 400 serta peraturan-peraturan berkaitan. Lesen Pemberi Pinjam Wang diluluskan berdasarkan syarat dan kriteria pelesenan seperti berikut:

- (i) wajib untuk Lulus Tapisan Polis;
- (ii) tidak diisytiharkan bankrap;
- (iii) bebas daripada aktiviti-aktiviti penggubahan wang haram dan pembiayaan keganasan ataupun AMLA;

- (iv) syarikat mesti berstatus syarikat sendirian berhad ataupun berhad; dan
- (v) syarikat mesti mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh iaitu mempunyai modal berbayar minimum sebanyak RM2.2 juta.

Untuk makluman, daripada segi ranking, negeri yang mencatatkan bilangan syarikat kredit komuniti yang tertinggi ialah Sabah iaitu 1,011. Manakala yang paling kecil jumlah bilangannya adalah Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu tiga. Terima kasih.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu jelas tadi.

Soalan tambahan saya adalah semasa memperbaharui Lesen Pemberi Pinjam Wang, apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi? Adakah syarat-syarat ini termasuk pemegang lesen mesti mencapai keuntungan tahunan sekurang-kurangnya RM500 ribu? Terima kasih.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican: Waktu ini tidak ada sebenarnya dikenakan secara spesifik, malahan untuk makluman Yang Berhormat, ada juga syarikat-syarikat pemberi pinjam wang yang telah diberi lesen yang tidak aktif dan ada juga yang semi aktif.

Tidak ada pada waktu ini sebarang pengenaan untuk *to revoke license* kerana atas dasar tersebut. Ini kerana ada kalanya *the nature* ataupun kaedah yang digunakan oleh syarikat pemberi pinjam wang ini ada kalanya, datang daripada pemaju-pemaju perumahan. Mereka ada syarikat pemberi pinjam wang untuk diberi pembiayaan sama ada kepada sub kontraktor-sub kontraktor mereka.

■1130

Maka keaktifan syarikat-syarikat peminjam wang yang ber-*nature*-kan ini, dengan izin, kadang-kadang ia adalah pada tahap semi aktif. Jadi, pada waktu sekarang tidak ada kenaan kepada tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sesi soal jawab sudah selesai dan kita bermula dengan peraturan seterusnya. Dipersilakan.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.30 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Wira Hajah Mas Ermeyati binti Samsudin]: Tuan Yang di-Pertua,

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menjawab ke atas perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 21 Disember 2021.”

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Timbalan Menteri. Saya mohon seorang menyokong.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Tuan Yang di-Pertua saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2022

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [16 Disember 2021]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana semua telah sedia maklum hari ini bermula giliran kementerian-kementerian menjawab kepada perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022. Kita hanya mempunyai dua hari diperuntukkan untuk giliran ini sebelum rang undang-undang ini diputuskan. Terdapat 27 kementerian kesemuanya, justeru ingin saya tegaskan bahawa sistem 'mengekonomikan' ucapan bagi pihak Menteri harus di pohon dan dipinta.

Saya menentukan supaya 15 minit diberikan kepada setiap Menteri menggulung dan sekiranya tidak selesai dalam tempoh tersebut maka dipohon jawapan bertulis di kemukakan kepada pihak yang berkenaan dan salinan ke Pejabat Setiausaha.

Saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk mula menjawab.

11.33 pg.

Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, yang arif dan budiman, saya akur dengan ketetapan yang telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas keprihatinan empat orang ahli Yang Berhormat Senator terhadap kementerian saya yang membahaskan dan menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan.

Saya ingin memulakan ucapan saya bagi menjawab isu-su yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias, Yang Berhormat Senator Dato' Zaidi bin Haji Suhaili dan Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose, mengenai harga tiket penerbangan dari Semenanjung ke Sabah, Sarawak dan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, harga tiket penerbangan ditentukan menggunakan kaedah dinamik yang antara lain mengambil kira kadar penawaran dan permintaan yang didorong oleh pasaran. Syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, kadar ekonomi dan faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Di samping itu, syarikat penerbangan juga mempraktikkan konsep subsidi silang atau, dengan izin, *cross-subsidization* dalam menetapkan harga tambang dan mana-mana laluan penerbangan yang mencatatkan keuntungan akan menampung kos operasi di laluan-laluan yang tidak mencatat keuntungan.

Melalui konsep ini syarikat penerbangan mampu menawarkan harga penerbangan yang rendah dan mampu dibeli oleh penumpang. Pelaksanaan konsep ini bagaimanapun amat bergantung kepada kemampuan syarikat penerbangan untuk menawarkan jaringan penerbangan yang meluas berdasarkan permintaan.

Harga tiket yang tinggi bagi penerbangan antara Semenanjung dan Sarawak, antara lain merupakan kesan daripada pelaksanaan had kapasiti penerbangan oleh kerajaan negeri dalam usaha untuk menangani penularan wabak COVID-19. Sebagai contoh pada mulanya iaitu pada bulan Jun ia hanya dibenarkan 22 frekuensi untuk seminggu. Ia telah ditambah menjadi 87, ditambah kepada 223 dan akhirnya 302. Ini menunjukkan bahawa ia dibuat secara berperingkat.

Sesi libat urus dengan pihak syarikat penerbangan Malaysia Airlines Berhad (MAB), *AirAsia*, *Malindo Air* telah pun diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 3 November 2021 dan 26 November 2021 bagi membincangkan isu berkaitan kenaikan harga tiket penerbangan khususnya ke Sarawak.

Semasa sesi-sesi libat urus tersebut saya telah menekankan keperluan untuk pihak syarikat mengurangkan harga tambang bagi membolehkan lebih ramai penumpang dapat menikmati tambang penerbangan yang lebih rendah pada tempoh akhir tahun khususnya. Sejurus pertemuan tersebut Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan *AirAsia* telah berjanji untuk menambah penerbangan tambahan ke Sarawak pada bulan Disember. Sekali gus berupaya mengurangkan kadar tambang ke negeri tersebut.

Semua syarikat penerbangan negara telah menyatakan komitmen yang sama tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri Sarawak membenarkan peningkatan kekerapan penerbangan bagi laluan-laluan ke pelbagai destinasi di Sarawak.

Harga tiket penerbangan dijangka kembali ke paras purata apabila jumlah kekerapan penerbangan beroperasi seperti biasa. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri Sarawak wajar mempertimbangkan untuk mempermudah kan protokol kesihatan bagi kemasukan penumpang ke Sarawak. Perkara ini juga perlu disokong oleh peningkatan keyakinan penumpang untuk terbang di fasa endemik.

Dalam hal ini, Kementerian Pengangkutan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) sentiasa memantau harga tiket penerbangan bagi sektor Kuala Lumpur dan bandar-bandar utama di Sabah dan Sarawak termasuk pada musim perayaan. Berdasarkan pemantauan terkini yang dilaksanakan oleh MAVCOM pada 15 Disember baru-baru ini, kebanyakan penerbangan bagi laluan-laluan di antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak bagi tarikh penerbangan antara 22 hingga 31 Disember 2021 merekodkan harga tiket yang lebih rendah atau menghampiri purata harga tiket pada tahun 2019 bagi kebanyakan laluan.

Tuan Yang di-Pertua, manakala bagi harga tiket penerbangan bagi laluan-laluan ke Sabah dan juga ke Labuan, berdasarkan semakan dan pemantauan terkini oleh MAVCOM, kebanyakan penerbangan bagi laluan-laluan tersebut bagi tarikh penerbangan antara 9 hingga 15 Disember 2021 telah merekodkan harga tiket yang agak tinggi terutamanya bagi laluan Kuala Lumpur-Kota Kinabalu, disebabkan peningkatan sempena musim cuti dan perayaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kebanyakan pihak berkuasa penerbangan awam di negara-negara lain tidak mengawal harga tiket penerbangan bagi laluan antarabangsa atau domestik. Bagi negara-negara yang mengenakan peraturan penetapan harga tiket seperti Indonesia. Pengawalan harga telah menimbulkan implikasi negatif seperti peningkatan purata harga tiket penerbangan.

Dalam situasi ini syarikat penerbangan didapati telah mengambil kesempatan daripada harga siling tiket penerbangan yang ditetapkan oleh kerajaan untuk memaksimumkan keuntungan mereka walaupun semasa di luar waktu kemuncak.

Justeru, sebarang cadangan untuk menetapkan harga siling adalah tidak digalakkan bagi tujuan mengelakkan manipulasi oleh syarikat-syarikat penerbangan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan sentiasa terbuka dalam menerima sebarang cadangan berhubung dengan perkara ini dan masa itu waktu yang sama telah mengarahkan MAVCOM untuk terus memantau harga tiket penerbangan domestik dari semasa ke semasa.

Berhubung dengan kadar tambang perkhidmatan penerbangan luar bandar atau *Rural Air Services* yang dikendalikan oleh *MASwings* bagi laluan-laluan ke Labuan. Kadar tambang yang dikenakan adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh kerajaan sepertimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Julai 2011.

Ingin saya maklumkan pada Dewan, ada perbezaan sedikit apa yang saya katakan penerbangan daripada Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan perbezaannya *Rural Air Services*. Di mana ia adalah ditampung oleh kerajaan setiap tahun, RM209 juta. Oleh sebab itu, kita tetapkan kos siling supaya tidak membebankan rakyat di Sabah, Sarawak dan termasuk juga di Labuan.

Kadar siling yang ditetapkan bagi laluan Miri, Labuan dan Kota Kinabalu masing-masing iaitu RM116 dan RM137 sehala. Harga siling yang ditetapkan ini adalah tidak termasuk bayaran lain termasuk cukai, yuran dan caj.

■1140

Sehingga kini, tiada kenaikan harga siling yang telah dilaksanakan atau diumumkan oleh kerajaan sejak tahun 2011. Pihak operator iaitu *MASwings* yang melaksanakan perkhidmatan RAS tidak akan menaikkan tambang dengan sewenang-wenangnya kerana tertakluk kepada harga siling yang telah ditetapkan di bawah perjanjian *Public Service Obligation (PSO) for Rural Air Services (RAS)*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir...

Dato' Zaidi bin Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Yang Berhormat Menteri. Boleh saya minta penjelasan sedikit?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Boleh.

Dato' Zaidi bin Haji Suhaili: Saya yang membangkitkan isu ini dalam perbahasan yang lalu. Saya menyedari bahawa kawalan harga tambang kapal terbang itu memanglah sesuatu yang ada kalanya perlu dikawal dan ada kalanya di luar kawalan kita.

Akan tetapi, apa yang saya cadangkan ialah kalau sekiranya Kementerian Pengangkutan bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa yang melibatkan Kementerian Pengangkutan, melibatkan syarikat-syarikat penerbangan dan juga MAVCOM serta wakil-wakil daripada kerajaan negeri- di Sarawak misalnya ada Kementerian Pengangkutan supaya boleh duduk bersama untuk memantau dari semasa ke semasa kadar harga tiket kapal terbang.

Ini kerana perkara ini adalah seolah-olah bermusim. Ada kalanya tambang naik terlalu tinggi, ada kalanya berpatutan. Ini kerana bagi kita di Sarawak dan Sabah, pengangkutan udara merupakan- macam infra rakyat. Inilah sahaja pengangkutan yang kita gunakan untuk berulang-alik dari destinasi-destinasi tertentu dari Sarawak, Sabah ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya.

Jadi, dalam hal ini saya rasa Kementerian Pengangkutan dan juga Kerajaan Sarawak dan Sabah tidak semestinya melepas tangan perkara ini sebagai- dalam satu keadaan kita kata *free hand* keadaan yang bebas. Akan tetapi, mesti ada sedikit sebanyak ada interaksi, ada timbal balas, dialog dan sebagainya di antara syarikat-syarikat penerbangan dan juga kerajaan, sama ada kerajaan negeri mahupun Kerajaan Persekutuan supaya perkara ini tidak ada kalanya kita katakan luar daripada kawalan *customer* ataupun penumpang-penumpang fasal mereka begitu tertindas. Jadi, mesti ada pembelaan daripada kerajaan dalam hal ini, terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini satu soalan pencerahan yang sangat baik kerana ramai tidak faham. Apabila saya sebut kita tidak *regulate* ataupun tidak mengawal selia harga, saya gunakan contoh Indonesia. Kalau kita letak harga siling, dia akan kenakan sentiasa harga siling. Jadi, waktu kemuncak dan tidak kemuncak dia akan gunakan yang itu.

Kedua, dalam konteks apa yang saya sebut tadi, kita mempunyai satu mekanisme yang dikatakan *dynamic pricing* di mana kita benarkan syarikat penerbangan. Akan tetapi, dalam kes untuk Sarawak, oleh sebab ada Sarawak *State Disaster Management Committee* (SDMC) yang dikendalikan kerajaan negeri dan dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan Sarawak, saya sentiasa berbincang dengan mereka. Oleh sebab itulah pada awalnya hanya dibenarkan 22, kalau ikut akta, kuasa adalah pada MAVCOM.

Jadi, soalan Yang Berhormat minta supaya kita tubuhkan sebuah jawatankuasa, sebenarnya kita sudah ada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM). Peranannya iaitu memberi permit untuk mereka terbang. Kalau kita lihat sebelum pandemik, sampai 520 frekuensi penerbangan dari Kuala Lumpur ke Sabah dan Sarawak. Akan tetapi, oleh sebab ada sekatan perjalanan oleh pihak kerajaan negeri, 22 tambah 87, 223, 302.

Saya berdialog dengan syarikat penerbangan, apa yang diminta, tolong jangan sekat pergerakan kita sebab apa, apabila disekat, sebelum itu ada waktu di mana dia tidak boleh kerap sangat iaitu mesti ada *buffer* iaitu selang itu dia kena 90 minit menyebabkan mereka susah untuk mengendalikan penerbangan dari satu tempat dari destinasi A, B, C, D. Itu yang menyebabkan kita terpaksa gugurkan perkara ini dan kita dapat kerjasama yang erat daripada Kerajaan Sarawak yang mana mereka telah membuang idea ini dan kita dalam ke arah kita hendak tambah daripada 300 lebih dan kita dapat lagi tambahan.

Bukan kata kita melepaskan tangan kepada SDMC, tetapi kuasa pada kita, kita sedar bahawa kita kena menghormati orang Sarawak. Kerajaan Sarawak itu memang mereka pentingkan soal imigresen. Jadi, apabila mereka menyekat tidak beri masuk, itu jadi masalah kepada kita. Kita hantar ke sana, mereka tidak boleh masuk. Jadi kita kena bekerjasama dan hubungan akrab antara Kerajaan Pusat dengan Sarawak ini telah membawa hasil dan kita nampak kita dapat melandaikan kadar harga itu.

Saya teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias telah membangkitkan mengenai frekuensi penerbangan ke Labuan. Kerajaan komited untuk memastikan ketersambungan antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dikekalkan dan jumlah kekerapan ini munasabah selaras dengan permintaan semasa.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan tempatan atau asing untuk menjadikan Labuan sebagai destinasi penerbangan mereka. Akan tetapi, walau bagaimanapun, kita melihat komersial *viability* bergantung kepada syarikat masing-masing.

Untuk makluman, Malaysia Airlines Berhad telah menambah kekerapan perkhidmatan penerbangan terus bagi laluan Kuala Lumpur ke Labuan daripada tujuh kali seminggu kepada 15 kali seminggu mulai 11 Disember 2021. Manakala *MASwings* turut menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Miri- Labuan, Kota Kinabalu-Labuan masing-masing kekerapan penerbangan sebanyak 14 kali seminggu dan 21 kali seminggu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan berhubung dengan penaiktarafan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan pesat dan kemakmuran ekonomi yang di kecapai oleh sesebuah negara dan negeri berkait langsung dengan perwujudan aset-aset infrastruktur pelabuhan yang moden sebagai pintu masuk utama barangan import dan eksport dan juga kecekapan pengurusan dan mengawal selia segala pengoperasian pelabuhan.

Pintu masuk utama bagi barangan import dan eksport di negeri Sabah ialah Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar. Jumlah kontena yang dikendalikan setakat tahun 2019 merupakan 379,384 TEUs manakala pencapaian pada tahun 2020 adalah menurun sebanyak enam peratus berbanding dengan tahun sebelumnya disebabkan oleh impak COVID-19.

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan geran sebanyak RM1.027 bilion untuk melaksanakan pembesaran Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar sebagai hab *transshipment*. Dana Kerajaan Persekutuan telah diurus oleh *Sabah Economic Development And Investment Authority* (SEDIA) di bawah *Sabah Development Corridor*. Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah merupakan pemilik projek manakala Sabah Port Sdn. Berhad bertindak sebagai pelaksanaan projek.

Projek Pembesaran Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar telah dimulakan pada 31 Oktober 2021 dan dijangka siap pada 28 Februari 2025. Pembesaran projek ini akan memberi tambahan pembesaran dermaga daripada 500 meter kepada 936 meter untuk mengendalikan kapal-kapal dagang utama berkapasiti 600 DWT.

Pengerukan untuk mendalamkan dasar labuhan daripada 12 meter kepada 15 meter, penambahan tanah sebanyak 21 hektar untuk operasi yad. Dengan pembesaran ini, kapasiti pelabuhan tersebut akan bertambah daripada 500 ribu TEUs kepada 1.25 juta TEUs. Selain daripada kapasiti, pelabuhan tersebut akan meningkatkan kecekapan pengendalian kontena sekurang-kurangnya pada kadar 25 pergerakan sejam pada setiap masa, keperluan sekurang-kurangnya dua *key cranes* untuk kapal yang beroperasi.

Strategi dan pelan tindakan telah dirancang untuk memastikan kejayaan inisiatif hab *transshipment* ini antaranya adalah dengan memposisikan Teluk Sepanggar ini sebagai *Regional Transshipment Hub* dan tambah nilai kargo di antara Kalimantan Selatan, Filipina dan juga Asia Utara mengintegrasikan *Kota Kinabalu Industrial Park* sebagai zon bebas ekonomi dengan *Sepanggar Free Trade Zone* untuk melancarkan operasi kargo *transshipment* dan memposisikan Sandakan, Lahad datu dan Tawau sebagai *Regional Trading Hubs* di Borneo dengan mengembangkan peranan pelabuhan Sandakan, Tawau dan Lahad Datu untuk mengambil peluang dalam potensi *Asian Economic Corridor* (AEC). Pelabuhan-pelabuhan ini akan berfungsi *feeder* kepada SBCP. Jadi, inisiatif *transshipment hub* ini dijangka akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi yang akan menyumbangkan penjanaan kargo yang lebih banyak.

Sebagai penutup, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan dalam masa 15 minit saya sempat menjawab kesemua soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dipersilakan.

■1150

11.50 pg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan selamat pagi.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022 Peringkat Dasar di Dewan yang mulia ini, dan menyentuh aspek-aspek berkaitan pelaburan dan perindustrian.

Saya dan kementerian amat mengalu-alukan dan prihatin terhadap semua pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan untuk diintegrasikan dengan pelbagai inisiatif kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara, agar terus maju dan kekal mampan demi kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah memohon penjelasan mengenai langkah-langkah kerajaan untuk mengembalikan semula keyakinan syarikat-syarikat besar yang telah melabur di Malaysia dan langkah-langkah kerajaan untuk menarik syarikat-syarikat baharu untuk kembali melabur di dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah, menjadi keutamaan kerajaan untuk memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan utama termasuk syarikat-syarikat multinasional yang sedia ada dan baharu melalui pelbagai langkah yang strategik dan bersasar dalam meningkatkan dan mengekalkan keyakinan syarikat-syarikat.

Antara langkah-langkah terkini yang sedang giat dilaksanakan oleh kerajaan melalui MITI bagi menarik dan mengembangkan pelaburan bernilai tinggi daripada syarikat-syarikat multinasional adalah termasuk:

Pertama, memperkenalkan Dasar Pelaburan Baharu berdasarkan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) yang mensasarkan pelaburan berkualiti tinggi berintensif modal dan teknologi, dengan berteraskan kepada elemen-elemen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Pembaharuan kepada agenda pelaburan ini melibatkan lima buah teras utama iaitu meningkatkan kompleksiti ekonomi, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, memperluaskan rangkaian domestik, membangunkan kluster baharu dan sedia ada serta mempertingkatkan keterangkuman.

Dalam hal ini, MITI telah bekerjasama dengan pelbagai pemegang taruh yang berkepentingan termasuk sektor swasta menerusi penganjuran beberapa sesi bengkel dan libat urus pada Oktober dan November 2021 bagi memperincikan agenda pelaburan negara dan menumpukan usaha ke arah mempertingkatkan pelaburan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang menepati elemen-elemen ESG;

Kedua, memanfaatkan Perjanjian Perdagangan Bebas sedia ada terutamanya daripada segi penjana pelaburan dan akses pasaran yang lebih luas, termasuk juga meratifikasi Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang dijangka akan berupaya mempertingkatkan pelaburan daripada negara-negara ahli yang terlibat, selain daripada menjana pasaran eksport bagi produk tempatan dengan lebih luas;

Ketiga, menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan ke Eropah dari 12 hingga 22 Oktober 2021, yang mana Yang Berhormat Menteri Kanan MITI bertemu dengan syarikat-syarikat pelabur dari Jerman, Republik Perancis dan *United Kingdom* dalam industri bernilai tinggi dan berteknologi tinggi yang strategik bagi memantapkan ekosistem dan rantai industri di Malaysia; dan

Keempat, memberikan fasilitasi berterusan dan menyeluruh kepada para pelabur melalui Pusat Sehati (OSC) di MIDA bagi menilai permohonan pelawat perniagaan yang layak untuk memasuki Malaysia bagi tujuan perdagangan dan pelaburan serta mewujudkan Unit Penyelarasan dan Kemajuan Projek (PACU) di bawah MIDA. PACU bertujuan bagi memudahcarakan pelaksanaan projek pelaburan dalam tempoh masa yang ditetapkan pelabur.

Selain itu, inisiatif E10 ataupun Permit Pembinaan Ekspres yang diperkenalkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) melibatkan kolaborasi rapat antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi mengurangkan tempoh masa perancangan serta kelulusan pelaksanaan sesuatu projek pengilangan.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa dalam tempoh Januari sehingga September 2021, inisiatif-inisiatif yang diambil oleh kerajaan ini berjaya memperlihatkan prestasi pelaburan yang menggalakkan dengan merekodkan pelaburan tertinggi.

Sejak tahun 2015, sebanyak 3,037 projek telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM177.8 bilion dan dijangka akan menjana 79,899 peluang pekerjaan baharu. Daripada jumlah pelaburan tersebut, RM106.1 bilion atau 59.7 peratus merupakan pelaburan asing. Malah, jumlah pelaburan yang diluluskan ini mencatatkan peningkatan sebanyak 51.5 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan bagi tempoh yang sama pada tahun 2020.

Bagi tahun 2021 sahaja, terdapat banyak syarikat multinasional dalam industri berteknologi tinggi dan berintensif modal membuat keputusan untuk melabur dan mengembangkan pelaburan mereka di Malaysia. Sekali gus mempamerkan keyakinan tinggi terhadap potensi Malaysia sebagai destinasi pelaburan di rantau ini. Ini termasuk syarikat *Austria Technologie & Systemtechnik AG* (AT&S) yang berpangkalan di Austria, yang komited untuk melabur sebanyak RM8.5 bilion bagi pengeluaran *integrated circuit substrates*, dengan izin. SK Nexilis dari Republik Korea dengan pelaburan sebanyak RM4.2 bilion, pengeluar kerajang tembaga yang turut menghasilkan bateri kenderaan elektrik dan pembuat kereta terkemuka Jerman, *Porsche AG* telah mengumumkan keputusannya untuk membuka kilang pemasangan kereta *Porsche* di Kulim, Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat sedia ada di Malaysia seperti pengeluar semikonduktor global dari Jerman, *Infineon Technologies* turut memilih *Kulim Hi-Tech Park* bagi mengembangkan tapak pembuatannya di Malaysia bernilai RM11.5 bilion dalam pengeluaran epitoksi silikon karbida dan gallium nitrida.

Selain itu, anak syarikat *Taiyo Yuden Company Limited* dari Jepun memperluaskan kemudahan pembuatan kapasitor seramik pelbagai lapisannya di Kuching, Sarawak dengan jumlah pelaburan bernilai RM680 juta sebagai langkah strategik untuk meningkatkan kapasiti pengeluarannya di Rantau ASEAN.

Sungguhpun perkembangan ini amat dibanggakan, kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan Malaysia berada di atas landasan yang kukuh bukan sahaja dalam menangani isu dan cabaran sosioekonomi semasa akibat pandemik COVID-19 tetapi juga untuk mencapai pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang mampan.

Bagi tujuan ini, antara inisiatif yang akan terus dilaksanakan MIDA untuk menarik pelaburan ke dalam negara adalah seperti berikut:

Pertama, menawarkan pakej pengecualian cukai istimewa di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi menggalakkan syarikat asing memindahkan operasi mereka ke Malaysia ataupun menubuhkan operasi baharu dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rangkaian bekalan antarabangsa;

Kedua, penubuhan Pejabat Pelaburan Digital (DIO) pada 22 April 2021 menerusi usaha sama MIDA dan MDEC sebagai sebuah platform tunggal untuk menyelaras, menilai, memberi khidmat nasihat dan memudah cara pelaburan digital di negara ini. Menerusi DIO, proses pelaburan dapat dipercepatkan di mana strategi pelaburan antara pihak berkepentingan akan diselaraskan untuk menentukan lokasi terbaik, ketersediaan pakej insentif cukai dan hal-hal lain yang berkaitan dengan pelaburan digital; dan

Ketiga, pakej pengecualian cukai istimewa bagi pengeluar produk farmaseutikal termasuk vaksin telah diperkenalkan di bawah Belanjawan 2021 untuk menarik pelaburan ke dalam sektor ini. Di bawah pakej ini, syarikat baharu dan sedia ada di Malaysia akan menikmati kadar cukai kosong peratus hingga 10 peratus selama 10 tahun dan kadar cukai 10 peratus untuk 10 tahun yang berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu mohon penjelasan mengenai peluang-peluang yang akan disediakan oleh MITI melalui SME Corp. dan agensi-agensi lain dalam bajet tahun hadapan bagi pengusaha-pengusaha industri yang terkesan dengan COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu, dimaklumkan bahawa SME Corp. merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDEC). Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta agensi-agensi di bawah MITI sentiasa menyokong pembangunan industri dan telah menggariskan beberapa inisiatif bagi menyejajarkan pemulihan industri yang terkesan akibat pandemik COVID-19 serta memastikan industri kekal mampan dan berdaya saing.

Inisiatif-inisiatif ini terbahagi kepada usaha menarik pelaburan yang mampu menjana peluang pekerjaan kepada industri tempatan, mempertingkatkan tahap automasi dan pendigitalan syarikat khususnya Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS), pembiayaan perbelanjaan modal serta aliran tunai dan promosi eksport.

■1200

Berhubung dengan pelaburan MITI melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) menyediakan dana khas pelaburan strategik RM2 bilion yang ditawarkan untuk menarik pelaburan asing melengkapkan rantaian nilai industri dan merencanakan pekerjaan berteraskan pengetahuan serta peluang pembangunan PMKS tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek mempertingkatkan automasi dan pendigitalan. Peruntukan tambahan sebanyak RM45 juta bagi program dasar *Industry4wr*d yang mana RM37.5 juta telah dikhaskan untuk Program Dana Intervensi bagi tempoh dua tahun yang dapat dinikmati oleh syarikat-syarikat PMKS yang telah menjalani penilaian kesediaan atau ringkasannya RA untuk pelaksanaan pelan intervensi peralihan ke Industri 4.0 supaya menjadi lebih produktif dan berdaya saing dalam rantaian nilai global.

Selain itu, peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta bagi geran automasi pintar diberikan kepada 200 buah syarikat pembuatan dan perkhidmatan untuk mengautomasikan proses perniagaan mereka. Sebagai usaha memperkukuhkan pembiayaan perbelanjaan modal dan aliran tunai industri, geran padanan RM100 juta akan diberikan bagi membantu PMKS bumiputera industri aeroangkasa meliputi pembiayaan pembangunan industri, adaptasi teknologi baharu dan perbelanjaan modal serta menangani masalah aliran tunai untuk tempoh dua tahun.

Usaha ini amat penting bagi mengekalkan momentum industri untuk mencapai sasaran Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia 2030. Sebagai tambahan, RM80 juta juga telah diperuntukkan untuk melatih 20 ribu orang pekerja yang menyokong kluster industri seperti pemeliharaan, pembaikan dan kendalian operasi atau, dengan izin, *Maintenance Repair and Overhaul* (MRO) di Subang, *electrical* dan elektronik di Kulim dan kimia di Gebeng.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, inisiatif untuk menjaga keselamatan kerja iaitu inisiatif *Safe@Work* diperkenalkan bagi menggalakkan amalan perkilangan terbaik dalam menangani COVID-19. Inisiatif yang telah dilanjutkan sehingga tahun 2022 ini menawarkan potongan cukai tambahan kepada syarikat perkilangan dan juga perkhidmatan berkaitan sehingga RM50 ribu bagi perbelanjaan sewaan premis penginapan atau kemudahan tempat tinggal pekerja.

Bagi memperkasakan industri HALAL, sejumlah RM25 juta diperuntukkan kepada *HALAL Development Corporation* (HDC) untuk melaksanakan pelbagai inisiatif peningkatan daya saing industri HALAL termasuk Program Penjenamaan Digital Produk HALAL PMKS dan program peningkatan ke boleh pasaran produk HALAL PMKS.

MITI melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) kekal komited dalam menggalakkan usahawan mikro kecil dan luar bandar untuk memanfaatkan platform digital bagi memasarkan barangan tempatan di pasaran antarabangsa. Program eTRADE di bawah seliaan MATRADE merupakan satu inisiatif untuk mempergiatkan penggunaan platform e-dagang di kalangan syarikat-syarikat tempatan. Program eTRADE telah dijenamakan semula sebagai eTRADE 2.0 dan ditambah baik dengan peningkatan had bantuan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Menerusi Program eTRADE dan eTRADE 2.0, syarikat yang tidak dapat memasarkan produk secara fizikal di luar negara boleh berbuat demikian di platform-platform e-dagang antarabangsa seperti *Alibaba*, *Amazon by Malaysia*, *eBay*, *Halal Street*, *JD.com*, *MyBiz* dan lain-lain. Program ini dapat memastikan kelangsungan perniagaan syarikat khususnya semasa pandemik. Bagi tahun 2022 Program eTRADE 2.0 di bawah MATRADE akan menerima peruntukan sebanyak RM2.5 juta bagi membantu 330 PMKS untuk menyertai platform e-dagang rentas sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, MITI kekal komited untuk melaksanakan program dan inisiatif bagi menyegerakan pemulihan ekonomi negara yang terkesan dengan pandemik COVID-19. Dasar pelaburan baharu berasaskan kepada NIA akan menetapkan hala tuju, usaha-usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti, strategik dan berteknologi termaju selari dengan elemen-elemen ESG. MITI yakin hasil pelaburan langsung asing dan tempatan yang dijana akan menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan Keluarga Malaysia. Marilah kita sama-sama berlitizam bergading bahu semoga kedudukan ekonomi negara akan bertambah cerdas, mampan dan makmur demi mencapai aspirasi Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Lim Ban Hong, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Kementerian Pertahanan. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

12.05 tgh.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz]: Saya mohon izin ya, buka *mask*.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz: Okey, terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana izin saya mengambil bahagian dalam sesi penggulungan jawapan bagi Rang Undang-undang Pembekalan Tahun 2022 Kementerian Pertahanan di dalam Dewan Yang Mulia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak seluruh warga Kementerian Pertahanan serta Angkatan Tentera Malaysia, saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Menteri Kewangan kerana tetap mengutamakan sektor pertahanan negara melalui peruntukan sebanyak RM16.14 bilion kepada MinDef dalam Bajet 2022.

Ketika negara dan seluruh dunia masih berperang dengan pandemik COVID-19 sekali gus menuntut kerajaan memberi tumpuan terhadap usaha membaik pulih sektor ekonomi dan membela kesejahteraan rakyat. Peruntukan ini amatlah bermakna dan kami di MinDef amat bersyukur kerana perhatian tetap diberikan kepada MinDef dan ATM.

MinDef di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein selaku Menteri Kanan Pertahanan akan memastikan ia digunakan secara berhemah, teliti dan efisien.

Dengan kekangan yang kita hadapi hari ini, semua pihak perlu pastikan bahawa peruntukan ini sampai ke sasaran dan menepati matlamat tanpa sebarang bentuk ketirisan dan ketidakcekapan. Bajet 2022 bagi sektor pertahanan cukup penting. Banyak agenda yang perlu diberi perhatian. Antaranya agenda kesihatan, agenda kebajikan warga MinDef, ATM, Veteran dan perumahan. MINDEF sedar agenda-agenda ini amat penting, lebih-lebih lagi pada era pandemik yang mana ramai terkesan termasuk warga ATM tidak terkecuali.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada tiga Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan Tahun 2022 yang telah menyentuh isu-isu di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Pertahanan. Ahli-ahli Yang Berhormat Senator berkenaan ialah pertama Yang Berhormat sahabat saya Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip, yang kedua Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang dan Yang Berhormat Senator Datuk Bobby Ah Fang bin Suan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip telah membangkitkan dua isu iaitu pertama isu perolehan Littoral Combat Ship, isu ini turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Husain bin Awang dan kedua, isu perolehan helikopter McDonnell Douglas (MD530G). Isu perolehan *Littoral Combat Ship* ataupun yang dikenali sebagai LCS.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu perolehan enam buah Littoral Combat Ship Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bertanyakan berkenaan butiran pembayaran sebanyak RM6 bilion yang telah dibayar oleh kerajaan kepada syarikat pembina. Antara butiran bayaran Yang Berhormat ingin penjelasan ialah pihak manakah yang telah menerima RM6 bilion ini? Daripada jumlah pembayaran berkenaan, berapakah yang telah dibuat pembayaran bagi peluru berpandu jenis MICA dan NSM serta sistem persenjataan yang lain dan jangkaan kos sebenar yang akan dibayar apabila semua LCS siap nanti?

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pertahanan telah melaksanakan bayaran sebanyak RM6.08 bilion untuk perolehan *Littoral Combat Ship* (Laut China Selatan) kepada Syarikat *Boustead Naval Shipyard* iaitu syarikat pembina kapal LCS berdasarkan kontrak perolehan. Berhubung pertanyaan Yang Berhormat sama ada pembayaran untuk perolehan sistem persenjataan bagi LCS, kementerian tidak melaksanakan perolehan sistem persenjataan untuk LCS bersekali dengan perolehan LCS.

■1210

Sebaliknya, kementerian membuat perolehan secara berasingan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian sedang memberikan penelitian khusus demi memastikan pembinaan LCS ini dapat diteruskan bagi mengukuhkan lagi sistem pertahanan dan kawalan perairan negara kita.

Oleh yang demikian, kementerian ini sedang melihat semula perancangan perolehan LCS ini termasuk kos yang terlibat bersama dengan agensi pusat seperti Kementerian Kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri serta akan mengemukakan pelan pemuliharaan bagi perolehan ini kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan sewajarnya.

Jika perkara ini dipersetujui oleh Jemaah Menteri iaitu Kabinet, maka kita yakin, *insya-Allah* kapal LCS yang pertama dapat siap pada tahun 2025. Bagi pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang pula, kenapakah syarikat yang telah gagal menyiapkan pembinaan LCS ini terus diberi kepercayaan untuk meneruskan projek pembinaan LCS ini? Pelan projek pemuliharaan projek LCS yang kini sedang diteliti semula di peringkat agensi pusat akan menentukan hala tuju pembinaan LCS termasuk syarikat yang akan melaksanakannya kelak.

Berhubung dengan permohonan Yang Berhormat supaya laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan, berkaitan perolehan LCS didedahkan kepada umum, suka saya memaklumkan bahawa jawatankuasa ini telah ditubuhkan atas arahan Jemaah Menteri pada 30 Mei 2018. Justeru, kementerian tidak ada mandat kuasa untuk mendedahkan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Kedua, isu perolehan helikopter McDonnell Douglas (MD-530G). Tuan Yang di-Pertua, mohon boleh minum. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Minum, minum.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz: Tadi ada orang merokok dekat luar, saya.. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip, sahabat saya ini turut membangkitkan pertanyaan mengenai status perolehan helikopter McDonnell Douglas MD-530G, serta memohon kepastian tarikh penerimaan sebenar bagi helikopter ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, keenam-enam buah helikopter MD 530G dijangka tiba di Malaysia pada bulan Februari 2022, Yang Berhormat. *Insyah-Allah* pada tahun depan Februari kita akan menerima helikopter MD 530G ini. Kemudian, isu Tuan Yang di-Pertua seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan, ada ke sini?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz: Ada? Maaf ya kalau *pronunciation* nama ini, Bobbey kah, Bobbey?

Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan: Bobbey.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz: Bobbey. Maaf ya Datuk, yang telah membangkitkan dua isu iaitu satu, Datuk Bobbey telah membangkitkan usaha Angkatan Tentera Malaysia dalam mengukuhkan keselamatan kawasan maritim Sabah dan yang kedua, tindakan yang diambil oleh Angkatan Tentera Malaysia terhadap laporan yang mana 600 orang anggota Sulu bersedia untuk menawan Sabah.

Bagi soalan yang pertama. Isu mengukuhkan keselamatan kawasan maritim Sabah. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan memandang serius tentang isu keselamatan negara dan ke arah itu, pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan untuk memastikan kedaulatan negara terus dipelihara daripada sebarang bentuk ancaman.

Angkatan Tentera Malaysia sentiasa meneruskan usahanya untuk memperkukuhkan pertahanan dan kedaulatan negara termasuklah di negeri Sabah yang melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Bagi memastikan keselamatan di kawasan maritim Sabah terjamin daripada ancaman-ancaman luar, ATM khususnya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bersama pihak penguatkuasaan maritim negara telah meningkatkan keupayaan dan kerjasama di Laut China Selatan dan Laut Sulu.

ATM ketika ini masih mengekalkan atur gerak- *troop* dan aset daripada ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia sepanjang masa 24 jam dan tujuh hari seminggu dalam mengukuhkan kawalan keselamatan di kawasan tanggungjawab daripada dibolosi penjenayah rentas sempadan atau ancaman-ancaman yang lain serta memperagakan kehadiran bagi mencegah sebarang ancaman keselamatan.

Oleh sebab itu, bila orang bertanya adakah selamat untuk ke Sabah, saya kata selamat. Kalau hendak pergi melancong, hendak bercuti di Sabah, tidak perlu risau. Pada masa ini, ATM sedang mempertingkatkan keupayaan radar sedia ada dan dalam proses penambahan radar baru di Pantai Timur Sabah iaitu Kudat. Kementerian Pertahanan dalam perancangan untuk mempertingkatkan kawalan keselamatan bagi keseluruhan kawasan maritim Sabah.

Sebagai makluman, Malaysia telah memeterai persepakatan dengan Filipina dan Indonesia melalui satu *agreement* yang kita panggil *Trilateral Cooperative Arrangement on Immediate Measures to Address Security Issues in The Maritime Areas of Common Concern* pada 14 Julai 2016 dan sentiasa mengadakan rondaan bersama bagi menghalang atau menghadapi ancaman keselamatan yang melibatkan pengganas serta jenayah rentas sempadan seperti rampasan kapal, aktiviti penculikan dan pelanunan di kawasan sempadan perairan Laut Sulu dan Laut Sulawesi.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk mengenai isu 600 orang anggota Sulu bersedia untuk menawan Sabah. Tuan Yang di-Pertua, bagi isu yang terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey, berhubung laporan media yang dikeluarkan oleh *South China Morning Post*, bertarikh 1 Disember 2021 mengenai dakwaan 600 orang tentera Sulu sedang merancang untuk menceroboh Sabah.

MINDEF dan ATM sememangnya memberi perhatian serius terhadap laporan berkenaan sama ada boleh dipercayai atau tidak. Ia mesti disahkan secara bebas kerana laporan tersebut kesahihannya belum dapat disahkan. Walau bagaimanapun, agensi perisikan dan keselamatan negara juga sudah mengambil maklum tentang perkara yang dilaporkan dan sedang bekerjasama dengan agensi-agensis perisikan dan keselamatan di Filipina dan serantau. Bahagian Staf Perisikan Pertahanan ATM yang kita panggil BSPP, juga sedang sentiasa memantau perkembangan yang sedang berlaku dan menilai indikator-indikator yang boleh menjejaskan keselamatan negara.

Melalui operasi dan perisikan pihak ATM, tiada petunjuk ketara atau bukti kukuh atas laporan seperti mana yang dinyatakan setakat ini. Walau bagaimanapun, seperti kenyataan yang dikeluarkan oleh Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara sebelum ini, tindakan segera akan diambil bagi meningkatkan kesiapsiagaan pasukan keselamatan ke tahap tertinggi di Sabah.

Malah, Yang Berhormat Menteri Kanan Pertahanan juga telah mengarahkan ketiga-tiga perkhidmatan melalui Panglima Medan Timur Tentera Darat, Panglima Armada Timur dan Panglima Wilayah Udara Dua untuk memastikan ATM turut meningkatkan kesiap-siagaan ke tahap paling tinggi di negeri berkenaan terutama di Pantai Timur Sabah. Memelihara keamanan dan kesejahteraan Sabah sentiasa menjadi keutamaan tertinggi Kementerian Pertahanan. Walau apa jua ancaman dan cabaran sekalipun, Kementerian Pertahanan akan terus memastikan keselamatan Sabah tidak dikompromi dan kedaulatan negara tidak sewenang-wenangnya dicerobohi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri penggulungan ini, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh isu-isu di bawah bidang tanggungjawab MINDEF. Saya juga sekali lagi ingin mengulangi penghargaan kepada kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang terus mengutamakan sektor pertahanan negara dalam Bajet 2022. Semoga segala usaha dan ikhtiar kita ini berupaya memastikan kedaulatan dan keamanan tanah air tercinta terus terpelihara, *insya-Allah*.

Dengan ini saya ingin akhiri ucapan saya dengan *wabilahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

■1220

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Kementerian Kerja raya, dipersilakan.

12.20 tgh.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Arthur Joseph Kurup]: Selamat tengah hari, salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan yang telah menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya atau singkatannya KKR sepanjang minggu yang lepas.

Terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat senator mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan. Saya akan menggunakan kesempatan ini untuk memberikan jawapan bagi setiap persoalan dan cadangan-cadangan daripada Ahli Yang Berhormat Senator.

Sebelum saya pergi lebih jauh ingin saya memaklumkan bahawa KKR di bawah belanja mengurus B.27 akan menerima peruntukan sebanyak RM823.5 juta untuk tahun 2022 iaitu penurunan sebanyak 34.7 peratus berbanding RM1.26 bilion yang telah diterima untuk tahun 2021. Ini disebabkan oleh pengelasan semula beberapa peruntukan penyelenggaraan di bawah program khusus sebelum ini kepada peruntukan belanja pembangunan. Pengelasan semula peruntukan tersebut melibatkan sebanyak lima aktiviti penyelenggaraan seperti berikut:

- (i) penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Labuan bukan *pavement* sebanyak RM12 juta;
- (ii) penyelenggaraan kuarters milik JKR sebanyak RM10,300.00;
- (iii) penyelenggaraan rutin Jalan Persekutuan Sabah Sarawak dan Labuan sebanyak RM82 juta;
- (iv) penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia bukan *pavement* sebanyak RM30 juta dan
- (v) penyelenggaraan rutin Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia sebanyak RM312,115,00

Bagi peruntukan belanja pembangunan P.27, KKR telah diperuntukkan untuk tahun 2022 sebanyak RM6.483 bilion. Penambahan sebanyak RM395 juta daripada RM6.088 bilion yang telah diterima untuk tahun 2021. Belanja pembangunan ini merangkumi 170 butiran projek-projek pembangunan. Sebanyak 151 merupakan butiran projek sedia ada atau sambungan yang diperuntukkan sebanyak RM6.01 bilion.

Manakala sebanyak 19 butiran projek pembangunan iaitu dua projek bukan fizikal dan 12 projek fizikal merupakan projek baharu. Ini juga termasuk lima butiran penyesuaian semula belanja mengurus ke belanja pembangunan yang disebutkan tadi.

Untuk makluman semua Yang Berhormat Senator, ingin saya memaklumkan di sini bahawa bidang kuasa Kementerian Kerja Raya adalah berkaitan dengan Jalan Persekutuan sahaja dan prosedur bagi permohonan projek membina jalan baharu atau menaiktarafkan Jalan Persekutuan sedia ada adalah melalui kerajaan negeri berdasarkan senarai keutamaan negeri yang dikemukakan kepada kementerian ini melalui penyelarasan antara Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kerja Raya.

Senarai cadangan projek ini akan melalui proses tapisan di kementerian di mana ia akan dinilai dan diteliti berdasarkan kriteria penilaian terutamanya perancangan dalam kementerian seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya atau *Highway Network Development Plan*, dengan izin, bagi cadangan projek yang tiada dalam HNPD masih boleh dipohon untuk diangkat bagi pertimbangan agensi pusat sekiranya projek berkenaan menjadi keutamaan kerajaan negeri dan disertakan dengan justifikasi permohonan projek yang kukuh. Sehubungan dengan itu, saya menyeru semua Ahli Yang Berhormat Senator supaya membawa cadangan projek yang ingin dipohon kepada pihak kerajaan negeri terlebih dahulu supaya projek berkenaan boleh dipertimbangkan dalam senarai keutamaan negeri yang dikemukakan kepada kementerian ini.

Seterusnya, saya akan menjurus kepada jawapan untuk isu spesifik yang dibangkitkan. Dimulakan dengan Ahli Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose, mengenai isu banjir dan sistem perparitan yang terganggu dikatakan akibat daripada pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bidang kuasa kementerian ini meliputi pembinaan dan penyelenggaraan jalan persekutuan di mana peruntukan bagi projek-projek jalan persekutuan akan disalurkan melalui kementerian ini, manakala bagi jalan negeri adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri.

Bagi pengurusan sistem saliran di kawasan koridor jalan persekutuan adalah di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan atau PBT serta Kementerian Alam Sekitar dan Air atau KASA melalui Jabatan Pengairan dan Saliran atau JPS. Merujuk kepada pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah, reka bentuk jalan apabila kita buat reka bentuk ini sebelum mula pembinaan telah mengambil kira sistem perparitan dan saliran serta kadar taburan hujan, *Rights of Way (ROW)* jalan persekutuan.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya Sabah selaku pegawai penguasa projek Lebuhraya Pan Borneo sentiasa mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa bersama pihak JPS di samping memantau dan memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor mematuhi skop yang telah ditetapkan. Begitu juga apabila berlaku sebarang insiden tanah runtuh atau banjir di sepanjang kawasan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah, pihak JKR bersama-sama dengan JPS dan juga PBT akan mengambil tindakan segera untuk mengurangkan kesan yang lebih buruk kepada masyarakat setempat.

Kementerian ini bersama-sama dengan pihak JKR akan sentiasa komited dalam memastikan semua jalan persekutuan serta aset di bawah tanggungjawab kementerian ini sentiasa dalam keadaan selamat dan selesa. Yang Berhormat senator...

Datuk John Ambrose: Boleh mencelah Yang Berhormat? Saya ada ikut *meeting* majlis tindakan daerah Penampang baharu-baharu ini. Peruntukan yang diberikan oleh pihak JKR untuk membina parit ini, peruntukan untuk kampung, kadang-kadang belum ada JKR sudah buat, itu yang buat banjir. Patut sebelum *planning* itu tadi Yang Berhormat kata hendak membuat jalan raya dan parit JKR, kadang-kadang orang sambung ke parit JKR, tidak boleh. Dia mesti meminta kebenaran dari JKR atau majlis daerah minta. Ada sebuah jalan begini juga di Penampang. Itulah, Kulapis itu banjir. Itu soalan saya.

Patut- tadi Yang Berhormat cakap, kementerian akan berunding dengan majlis yang tertentu atau kementerian yang tertentu. Akan tetapi dengan soal banjir ini, kadang-kadang Pan Borneo buat sahaja jalan raya, tidak memandang kalau ada peruntukan untuk parit di kampung. Ini yang menyebabkan masalah banjir, bukan sahaja di Penampang tetapi di seluruh Sabah. Terima kasih.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat. JKR akan sentiasa mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa bersama pihak JPS dan pada masa yang sama kita telah mengadakan sesi libat urus bersama dengan pejabat daerah dan sebagainya apabila kita membuat reka bentuk untuk pembinaan jajaran Lebuhraya Pan Borneo Sabah.

Jadi, apabila ada masalah seperti macam perlu disambung kepada parit yang utama di dalam Lebuhraya Pan Borneo, kita akan memastikan bahawa kerjasama itu ada bersama dengan pihak berkuasa tempatan dan juga kerajaan negeri. Sekiranya ada tempat-tempat yang mungkin ada tidak berapa sempurna itu, saya akan memastikan bahawa pihak JKR akan mengarahkan kepada pihak konsesi untuk memastikan bahawa semua saluran air itu akan dilancarkan untuk mengelakkan lagi banjir pada masa yang akan datang.

■1230

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias telah membangkitkan tentang pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok yang telah tertangguh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, cadangan pembinaan Jambatan Labuan, Sabah yang mana salah satu pilihan jajarannya adalah dari Labuan ke Menumbok telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 9 September 2020 untuk dilaksanakan melalui proses pelawaan cadangan atau *Request For Proposal* (RFP), dengan izin, melalui memorandum bersama Jemaah Menteri di antara Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Kerja Raya.

RFP telah mula diiklankan pada 26 April 2021 dan telah tamat pada 1 November 2021. Perolehan secara RFP dapat memberi lebih pilihan kepada kerajaan daripada segi model pembiayaan dan model penswastaaan yang dikemukakan oleh pihak pembida dan ini dapat memberi kelebihan kepada kerajaan dengan pembida mematuhi aspek teknikal dan kewangan yang digariskan di dalam dokumen RFP tersebut. Seterusnya saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook mengenai jambatan rentas landasan kereta api di Wakaf Baru, Tumpat.

Kos asal projek ini RM99.50 juta dan tarikh siap asal bagi projek ini adalah pada 18 Ogos 2021. Akan tetapi berdasarkan kepada perintah kawalan pergerakan yang berkuat kuasa sebelum ini, tarikh siap semasa telah dilanjutkan ke 22 Julai 2022. Kementerian Kerja Raya komited untuk memastikan kontraktor yang dilantik akan melaksanakan projek ini mengikut jadual seperti yang telah dirancang demi keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya yang menggunakan laluan tersebut.

Yang Berhormat Senator juga telah bertanyakan tentang lesen kontraktor G1 yang telah diberikan kepada Orang Siam Bumiputera. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, keputusan kerajaan untuk membuka semula pendaftaran baharu kontraktor G1 Bumiputera adalah supaya untuk membolehkan kontraktor berkelayakan memohon untuk mendaftar sebagai kontraktor G1 Bumiputera. Keputusan ini bertujuan memberi peluang kepada generasi baharu termasuk belia lepasan pusat latihan kemahiran yang mempunyai latar belakang teknikal untuk berkecimpung dalam industri pembinaan.

Sehingga 16 Disember 2021, terdapat 11 orang pengarah atau pemilik yang berbangsa Siam bagi 10 buah syarikat kontraktor G1 Bumiputera yang berdaftar di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. Lima buah syarikat kontraktor G1 Bumiputera tersebut mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan tiga mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB). Diharap inisiatif ini dapat melahirkan lebih ramai kontraktor G1 Bumiputera yang berdaya maju dan mampan dan mampu memainkan peranan utama dalam industri pembinaan.

Kementerian Kerja Raya mengambil maklum setiap isu dan permasalahan yang diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan akan sentiasa berusaha serta komited dalam mengambil tindakan terhadap permasalahan yang berlaku. Dengan ini, sekian sahaja ucapan penggulungan saya mengenai yang menyentuh Kementerian Kerja Raya. Setiap teguran dan cadangan akan diambil perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Kerja Raya atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya saya menjemput Kementerian Belia dan Sukan. Dipersilakan, kalau panjang dibenarkan sehingga jam 1 sebab saya minta supaya Kementerian Belia ini dapat habiskan kalau boleh dalam tempoh kerana Kementerian Pendidikan dia hendak selepas pukul 2 petang nanti. Boleh Yang Berhormat ya?

12.35 tgh.

Dato' Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Belia dan Sukan]: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih. Tuan Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan amat berbesar hati serta mengalu-alukan segala persoalan, pertanyaan, pandangan serta usul yang telah dibangkitkan kepada kementerian ini.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada lima orang Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah, Yang Berhormat Senator Datuk Mohaan/l Thangarasu, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai yang telah memberikan pandangan dan cadangan berkaitan Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbahasan Belanjawan Tahun 2022.

Secara keseluruhannya, KBS menerima 9 isu utama yang telah dibangkitkan dan lima isu daripadanya adalah berkaitan dengan belia dan empat isu lain adalah berkaitan dengan sukan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembangunan belia kini memainkan peranan penting malah menjadi cerminan kepada pembangunan negara peringkat nasional mahupun antarabangsa. Malah masyarakat Malaysia semakin prihatin terhadap permasalahan isu serta cabaran yang timbul dalam kalangan belia.

Cabaran yang pada tempoh oleh para belia dalam era digital masa kini sangat hebat dan mencabar dan belia perlu kita terapkan dengan nilai-nilai murni dan semangat jati diri yang tinggi. Oleh yang demikian, perhatian kepada penyelesaian yang harus diambil perlu dititikberatkan dan KBS memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuk kementerian-kementerian lain, badan-badan bukan kerajaan serta rakyat khususnya bagi memastikan negara dapat melahirkan belia yang positif.

Memandangkan belia merupakan golongan aspirasi negara yang akan menerajui kepimpinan dan kelangsungan kehidupan pada masa akan datang serta rakan strategik pembangunan negara. Sektor industri sukan di Malaysia wajar diberi perhatian memandangkan keupayaannya untuk menyumbang secara signifikan kepada ekonomi Malaysia sebagai salah satu strategi yang digariskan di bawah bidang keutamaan memanfaatkan sukan dalam membina masyarakat yang aktif. Dalam RMKe-12, KBS akan mengambil langkah proaktif bagi membangunkan industri sukan dengan menambah baik ekosistem keseluruhan industri sukan.

Selain itu, KBS akan terus mempergiatkan usaha dalam membudayakan sukan bagi melahirkan masyarakat yang sihat dan produktif, sekali gus meningkatkan kecemerlangan sukan, membangunkan industri sukan yang mampu menjadi penyumbang kepada peluang-peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi negara.

Membangkitkan mengenai perancangan KBS dalam menangani isu homoseksualiti, LGBT, gay, HIV, khususnya melalui pendekatan-pendekatan agama, Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff telah membangkitkan isu ini. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai perancangan khusus yang spesifik dalam menangani isu golongan lesbian, gay, biseksual mahupun *transgender* atau LGBT ini. Namun, KBS bersedia bekerjasama dengan kementerian-kementerian peneraju *stakeholder*, dengan izin, yang mempunyai kepakaran dalam menangani isu LGBT seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama.

Kementerian Belia dan Sukan melalui agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Belia dan Sukan Negara dan i-LEAD lebih memberi fokus kepada pelaksanaan program-program bagi menyerlahkan potensi belia selari dengan bidang keutamaan dalam Dasar Belia Malaysia yang merangkumi pendidikan dan latihan kemahiran, kenegaraan dan jati diri, gaya hidup sihat dan sejahtera, kepimpinan, kesukarelawanan dan masyarakat sivil, keusahawanan, penyelidikan dan inovasi, profesionalisme kerja belia dan pengiktirafan.

Program-program ini dapat membantu dalam pemantapan jati diri, meningkatkan kerohanian, membina identiti positif dan menjadikan golongan belia lebih berdaya saing. Impak kepada penyertaan belia dalam program-program ini akan melahirkan golongan belia yang bermaklumat, matang dan mampu menilai serta membuat keputusan untuk tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti negatif ataupun gejala sosial.

■1240

Bagi tempoh tiga tahun ini, program-program yang berteraskan pembangunan jati diri, kerohanian dan kendiri, telah berjaya dilaksanakan oleh KBS seperti berikut.

Anak Muda Wawasan Lestari (AMWAL) yang bermatlamat untuk membentuk belia yang mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap matlamat hidup dan tanggungjawab diri, keluarga, tanggungjawab agama, bangsa dan negara. Program ini memfokuskan kepada belia-belia berisiko di kawasan *hotspot* yang meliputi 60 buah daerah yang terpilih. Bagi tahun 2019 sebanyak 60 program telah kita laksanakan dengan jumlah penyertaan seramai 2,524 orang yang terdiri daripada 1,694 orang peserta lelaki dan 830 orang peserta perempuan.

Kem Anak Muda (KAMU) berkonsepkan *summer camp*. Program ini bertujuan untuk melahirkan belia yang mempunyai kesedaran diri terhadap matlamat hidup dan tanggungjawab terhadap diri, keluarga, agama, bangsa dan negara. Program khusus kepada belia berisiko di kawasan FELDA yang terlibat dengan masalah sosial dan berpotensi melakukan jenayah. Bagi tahun 2019 sehingga tahun 2020, sebanyak lapan program telah kita laksanakan yang melibatkan seramai 555 orang peserta yang terdiri daripada 345 orang peserta lelaki dan 210 orang peserta perempuan.

Rakan Muda Ramadan merupakan program penghayatan bulan Ramadhan yang bertujuan menghidupkan amalan sunah sepanjang Ramadhan seperti tadarus, *hafazan* al-Quran, solat terawih, perkongsian tazkirah dan qiamullail.

Pelaksanaannya pada tahun 2019 hingga tahun 2021, merekodkan penyertaan seramai 15,308 orang peserta yang melibatkan peruntukan sebanyak RM498,900.

Rakan Muda Zulhijjah merupakan program kesedaran dan penghayatan secara atas talian bagi pemaknaan pengorbanan dari sudut kaca mata Islam dan sebanyak 8,500 penyertaan telah dilaksanakan secara talian.

Rakan Muda *Live!* ataupun Mai Sembang program bual bicara santai secara atas talian tentang kupasan Surah Al-Mulk bersempena *World Quran Hour* yang merekodkan 2,000 lebih penyertaan atas talian.

Program *Malaysian Future Leaders School* merupakan sebuah program nasional untuk melahirkan pemimpin masa depan. Fokus MFLS jelas terarah kepada pembentukan bakat kepimpinan generasi muda di samping memberikan penekanan kepada aspek pembangunan akhlak. Konsep Jamboree Kem Anak Muda merupakan kesinambungan daripada Program Kem Anak Muda dan Anak Muda Wawasan Lestari.

Pada tahun 2020, program seperti Kem Anak Muda (KAMU) Fit Masjid dan EXXO Camp@Rakan Muda telah dirancang untuk diteruskan pelaksanaannya oleh Jabatan Belia dan Sukan. Semoga dengan pelaksanaan program ini secara berterusan, ia dapat membantu menangani isu golongan lesbian, gay, biseksual dan *transgender* dalam kalangan belia.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris pula membangkitkan sejauh manakah peluang dan syarat kemasukan ke Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara ke IPTA dan pemberian pinjaman kepada pelajar lepasan IKTBN. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai peluang dan syarat kemasukan ke IPTA bagi lepasan pelajar ILKBS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, graduan lepasan diploma TVET iaitu Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia adalah layak dan berpeluang memohon melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Teknologi di beberapa IPTA. Di mana dalam kes ini, pelajar lepasan ILKBS boleh melanjutkan pelajaran ke *Malaysian Technical University Network* (MTUN) yang terdiri dari Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Teknikal Malaysia, Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Malaysia Perlis dengan syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh Senat Universiti berkenaan.

KBS melalui Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia juga telah mengadakan program kerjasama artikulasi bagi pelajar DKM dari ILKBS untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Kuala Lumpur.

Selain itu, KBS telah mengadakan kerjasama dengan Universiti Tun Abdul Razak bagi memberi peluang kepada pelajar ILKBS menyambung pelajaran dalam Ijazah Sarjana Muda Pengurusan ataupun Keusahawanan. Ini akan memberi nilai tambah kepada semua pelajar ILKBS tanpa mengira bidang kemahiran tetapi berminat meneruskan pengajian dalam keusahawanan. Ia adalah juga selari dengan sasaran KBS dalam menghasilkan belia berkemahiran yang bukan sahaja memenuhi keperluan industri, malah berupaya menjana ekonomi belia dengan mencipta pekerjaan sendiri melalui keusahawanan.

Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah juga membangkitkan mengenai status pelaksanaan dan pencapaian terkini *blueprint* e-sukan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara inisiatif-inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan hasil daripada *blueprint* e-sukan oleh kementerian dengan kerjasama pemegang taruh adalah:

- (i) menganjurkan pelbagai kejohanan dan program untuk memberikan pendedahan dan mencungkil bakat-bakat baharu dalam e-sukan menerusi *Malaysia Esports Championship*, *Malaysia Esports League*, Kejohanan e-sukan di peringkat negeri, kejohanan *MyBorneo E-Force Invitational*, Program My eSports Hari Sukan Negara 2021 dan *ES/ Challenge* sebanyak enam siri;
- (ii) penubuhan pusat latihan e-sukan di Majlis Sukan Negara Bukit Jalil bagi atlet-atlet kebangsaan menjalani latihan bagi menyertai temasya sukan antarabangsa dan penubuhan 14 studio e-sukan negeri sebagai platform bagi latihan dan penganjuran kejohanan di peringkat negeri;
- (iii) Bengkal Pembangunan Kapasiti seperti *ES/ Masterclass* bagi meningkatkan kemahiran teknikal dan strategi permainan, kaedah terbaik pengurusan pasukan dan laluan kerjasama profesional dalam e-sukan, advokasi; dan

- (iv) membangunkan garis panduan pengawalseliaan e-sukan kebangsaan ataupun *national esports regulatory guideline*, dan akhirnya, pembangunan garis panduan berkenaan sains dan perubahan sukan khusus bagi e-sukan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pasukan e-sukan Malaysia juga telah berjaya meraih satu Pingat Emas di temasya Sukan SEA 2019 di Manila. Oleh itu, kementerian bersama pemegang taruh sukan e-sukan akan meneruskan inisiatif-inisiatif yang dirancang menerusi *blueprint* e-sukan Malaysia agar sukan ini terus menempa nama di peringkat antarabangsa dan secara tidak langsung, menjana ekonomi negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan e-sukan ini terus maju dan menyumbang pingat kepada negara, beberapa penambahbaikan langkah-langkah proaktif, kajian sedang dan akan dilaksanakan iaitu menganjurkan program e-sukan secara hibrid, melaksanakan program persediaan latihan atlet sukan e-sukan, mewujudkan persekitaran digital yang kompetitif di studio-studio, mempelbagaikan kerjasama dengan badan korporat dan mengeratkan kerjasama dengan penerbit permainan serta meneruskan hubungan baik bersama persatuan-persatuan e-sukan negeri dan merancang pelaksanaan kajian khusus bagi industri e-sukan serta pembinaan sebuah hab e-sukan kebangsaan ataupun *e-sport integrated hub* yang bakal menjadi pusat utama pembangunan e-sukan negara dan dijangka siap pada 2021.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai telah membangkitkan usul berkaitan penambahan peruntukan bagi program pembangunan kemahiran dan projek pembangunan i-LEAD pada tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021 dan bagaimana peningkatan kepada program tersebut akan digunakan secara optimum dalam meningkatkan kemahiran belia serta mekanisme yang sedia ada untuk mengukur kejayaan program-program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ingin menarik perhatian berkaitan penyertaan peruntukan bagi projek pembangunan i-LEAD RM13 juta untuk tahun 2020 berbanding dengan RM3 juta adalah tidak benar. Ini kerana ia dahulunya, bekalan makan bermasak dan sebagainya tidak dimaktubkan ataupun tidak dituliskan dalam belanjawan.

Selain itu Yang Berhormat juga memohon penjelasan mengenai perbezaan daripada segi matlamat program dan objektif program bagi *Malaysian Future Leaders* dan pengurangan peruntukan MFLS 2020 berbanding 2021. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian melalui Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan amat memahami mengenai kepentingan jati diri terutamanya golongan belia.

■1250

Malaysian Future Leaders School (MFLS) merupakan sebuah program nasional untuk melahirkan kepimpinan masa hadapan. Fokus MFLS jelas ke arah untuk pembentukan bakat kepimpinan generasi muda.

Peruntukan bagi bajet Butiran 031000 – *Malaysian Future Leaders School* (MFLS) pada tahun 2021 adalah RM16 juta yang meliputi pelaksanaan program dan gaji kakitangan kontrak.

Namun, peruntukan bagi bajet Butiran 031000 – *Malaysian Future Leaders School* (MFLS) untuk tahun 2020 telah dipecahkan mengikut objektif iaitu Butiran 031000 – *Malaysian Future Leaders School* (MFLS) dengan jumlah RM598,8030,600 bekalan makanan bermasak dengan jumlah sebanyak RM4 juta dan Butiran 030200 – Emolumen Kakitangan Kontrak sebanyak RM6 juta.

Jumlah peruntukan keseluruhannya iaitu RM15.95 juta bagi tahun 2022. Sebenarnya ia adalah berkurangan dan bukan bertambah, sebanyak RM45 ribu sahaja iaitu RM0.05 juta. Usul berkaitan program bekalan makanan bermasak serta penjelasan lebih lanjut mengenai program tersebut seperti objektif program, cara mengukuhkan kejayaan program dan justifikasi untuk dana untuk program tersebut juga turut diketengahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu ada membangkitkan isu mengenai kemampuan sukan Orang Kurang Upaya secara mampan dan menyeluruh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberikan hak dan layanan yang saksama kepada golongan Orang Kurang Upaya bagi menjalani kehidupan harian seperti anggota masyarakat yang lain termasuk dalam aspek sukan. Kebanyakan fasiliti-fasiliti sukan yang dibina oleh kerajaan telah pun dilengkapi dengan fasiliti dan kemudahan yang mesra OKU bagi tujuan latihan mahupun riadah dengan mengambil kira keperluan mereka terutamanya yang menggunakan kerusi roda. Aktiviti penganjuran kejohanan temasya serta program latihan atlet yang dilaksanakan di peringkat tertinggi juga setaraf dengan masyarakat yang lain.

Bagi mengenal pasti bakat sukan di peringkat akar umbi, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan pemegang taruh terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Kebajikan Malaysia bagi mencungkil bakat-bakat baru sukan terutamanya di sekolah yang mempunyai aliran pendidikan khas. Kementerian dengan kerjasama Persatuan Sukan Dan Rekreasi Orang Kurang Upaya (PESRON) negeri-negeri dan pemegang taruh yang lain akan terus menganjurkan Klinik Pengenalan Sukan OKU dan kem-kem bakat di peringkat zon dan juga sirkit kebangsaan bagi program mengenal pasti dan pembentukan bakat OKU yang dapat diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi iaitu Sukan Para SUKMA yang kini sedang mencapai status taraf dengan temasya SUKMA yang dianjurkan setiap dua tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan fasiliti yang digunakan bagi menjalankan program latihan serta pertandingan kepada atlet-atlet OKU melibatkan fasiliti sukan yang lama seperti mana yang digunakan oleh atlet-atlet yang lain. Di antara fasiliti-fasiliti kepunyaan kerajaan merupakan sekolah-sekolah, pusat-pusat pemulihan dalam komuniti, pusat-pusat latihan kepunyaan kerajaan negeri atau majlis sukan negeri dan sebagainya.

Di peringkat kebangsaan pula, Pusat Kecemerlangan Paralimpik Kampung Pandan Kuala Lumpur merupakan sebuah pusat latihan atlet OKU ataupun dikenali sekarang ini dengan panggilan Para dilengkapi dengan hostel, perkhidmatan, sokongan makanan dan logistik serta kepakaran jurulatih bagi membolehkan atlet-atlet ini menjalani latihan berintensiti tinggi secara sepenuh masa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sejak Kementerian melalui Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Majlis Paralimpik Malaysia mengambil alih pengurusan program latihan atlet prestasi tinggi Para bermula pada tahun 2007, program tersebut terus berkembang dengan pesat sehingga berjaya memecahkan kebuntuan memenangi bukannya satu malahan tiga Pingat Emas di Paralimpik Rio 2016 dan diulangi semula di Paralimpik Tokyo 2020. Selain itu, atlet para juga berjaya menduduki ranking dunia pada tahun ini adalah seperti Cheah Liek Hou daripada sukan badminton, ranking kedua. Didin Teresoh daripada sukan badminton, ranking ketujuh dan Bonnie Bunyau Gustin daripada sukan *powerlifting*, ranking yang pertama.

Kejayaan-kejayaan ini telah mendorong dan membuka minat individu OKU mahupun keluarganya yang sebelum ini memencilkan diri disebabkan kekurangannya, kini mula keluar untuk menyertai aktiviti-aktiviti dan program-program sukan. Justeru itu, tidak ada sebarang alasan untuk kita mengabaikan perkembangan positif pembangunan sukan OKU atau Para yang selama ini telah memberikan impak dan *outcome* yang berkesan kepada komuniti orang kurang upaya di Malaysia.

Selain itu, Yang Berhormat juga mengulas berkaitan peruntukan sebanyak RM10 juta kepada pihak MSN dalam Bajet 2022 bagi golongan OKU yang dilihat tidak mencukupi dan perlu dinilai semula. Peruntukan yang diberikan sememangnya tidak mencukupi bagi 12 jenis sukan yang berada dalam Program Latihan Atlet OKU secara sepenuh masa di bawah kendalian MSN. Anggaran sejumlah RM16 juta untuk tempoh setahun diperlukan bagi menampung keperluan atlet-atlet OKU. Atlet-atlet ini disediakan dengan program latihan yang tersusun, kemudahan penginapan, makanan, elaun latihan, jurulatih yang berpengalaman, penyertaan kejohanan kebangsaan dan antarabangsa, kem binaan dan sebagainya.

Selain daripada itu, MSN turut mempunyai penggerak-penggerak sukan Paralimpik di peringkat negeri-negeri yang dilantik bagi menawarkan program latihan spesifik untuk atlet-atlet dan pelapis Para dan program ini akan disusuli dengan penyertaan ke temasya Para SUKMA yang merupakan temasya dwi-tahunan khusus untuk sukan-sukan yang melibatkan atlet-atlet Para di segenap peringkat dan dari seluruh pelusok negara.

Pengurusan MSN sentiasa akan mengambil langkah untuk mendapatkan tajaan menerusi sektor-sektor swasta untuk membiayai program latihan ini selain bergantung juga kepada peruntukan daripada pihak kerajaan. Antara inisiatif penajaan yang pernah dilakukan oleh MSN khusus untuk atlet Para ialah penajaan syarikat FWD Takaful yang menaja sejumlah RM5 juta bagi tempoh dua tahun untuk pelaksanaan program latihan atlet Para di peringkat kebangsaan.

Yang Berhormat juga menyeru KBS melalui jabatan belia dan sukan negeri dan daerah untuk bekerjasama dengan Kementerian lain untuk mengenal pasti sekolah institusi atau NGO untuk dijadikan sebagai pusat latihan asas. Bagi mencungkil bakat-bakat sukan di kalangan kanak-kanak OKU untuk semua kategori dan umur, Jabatan Belia dan Sukan Negara selalu agensi yang bertanggungjawab mencari bakat-bakat baru orang kurang upaya telah menjalinkan kerjasama strategik bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui program-program mengenal pasti bakat antaranya seperti program *iTalent* dan *iTrain* yang dilaksanakan setiap tahun secara bersama.

Yang Berhormat juga membahaskan mengenai masa depan suka bola negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ranking bola sepak negara ditentukan menerusi formula ranking FIFA yang telah dikemaskinikan pada tahun 2018. Perubahan formula pengiraan ini juga dilihat memberikan impak kepada pemberat perlawanan dengan mengambi kira perlawanan persahabatan seperti *less importance* dan perlawanan kejohanan kepada *more importance*.

Formula pengiraan yang baru ini akan menjadikan proses pengiraan lebih tepat menyingkirkan potensi manipulasi mata ranking dan membuka peluang yang lebih saksama untuk pasukan.

Yang Berhormat turut membangkitkan isu berkaitan inisiatif perlawanan bola sepak di kalangan pihak korporat seperti pihak bank dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa berbesar hati dan menyambut baik kerjasama di kalangan badan korporat untuk turut membangunkan bola sepak negara bagi menggalakkan dan memperkasakan penglibatan sektor swasta dan pembangunan bola sepak negara, pelbagai inisiatif telah pun dilaksanakan oleh kementerian antaranya insentif pengecualian cukai telah diperkenalkan menerusi MSN dan MOM, individu atau badan korporat yang memberikan sumbangan bagi pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan akan mendapatkan pengecualian cukai yang termaktub di bawah seksyen 44, Akta Cukai Pendapatan 1967 dan juga menyemarakkan semula program rakan strategik bagi merancakkan lagi ekosistem bola sepak negara menerusi pelbagai aspek antaranya penjenamaan produk.

Pihak FAM juga bekerjasama dengan pelbagai pihak penaja bagi pengurusan sukan bola sepak antaranya ialah Telekom Malaysia, Bank Islam, *Malaysia Airlines*, *Nike* dan sebagainya. Bagi program-program pembangunan bola sepak negara yang dilaksanakan MSN dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Malaysia, beberapa tawaran yang lebih komprehensif akan disediakan untuk menggalakkan kolaborasi badan korporat.

Yang Berhormat juga mengetengahkan usul berkaitan kerjaya atlet yang telah bersara serta kerjasama yang diwujudkan bersama-sama syarikat GLC, agensi-agensi kerajaan dan jabatan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Majlis Sukan Negara sentiasa memandang serius dalam memastikan masa depan atlet-atlet negara terjamin. Justeru itu, Program *Malaysian Athlete Career and Education* (MACE), MSN telah diwujudkan pada tahun 2016. Ini menjadi salah sebuah platform untuk menjaga kebajikan dan kepentingan atlet sama ada bagi yang masih berada dalam program majlis mahupun selepas bersara nanti. MACE mempunyai tiga buah komponen utama yang diberikan penekanan iaitu pendidikan, kerjaya dan kebajikan.

Program *track* satu inisiatif di bawah teras kerjaya MACE iaitu mencari peluang pekerjaan di syarikat berkaitan kerajaan, syarikat swasta, jabatan kerajaan sama ada secara sepenuh masa mahupun separa masa. Dalam aspek pendidikan pula, MACE menjadi tunjang bagi penyediaan laluan pendidikan sehinggakan atlet-atlet dapat melanjutkan pengajian ke menara gading tanpa mengorbankan karier sukan. Inisiatif yang telah dilaksanakan telah berjaya- antara atlet-atlet yang telah berjaya melanjutkan pendidikan di peringkat IPTA, IPTS adalah seperti Pandalela Rinong di Universiti Malaya, Leong Mun Yee di Universiti Putra Malaysia, Anis Amira di UiTM dan Zairil Shahril di Universiti Putra Malaysia.

Walau bagaimanapun, kementerian tidak menafikan kewujudan isu-isu kebajikan atlet khususnya kepada atlet veteran seperti mana yang berlaku sebelum ini. Bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, MACE menjadi tunjang bagi memastikan kebajikan atlet-atlet yang ada kini terpelihara semasa dan selepas bersara nanti dari arena sukan. Kami yakin atlet-atlet sekarang tidak akan berdepan lagi dengan masalah kebajikan pada masa hadapan nanti melainkan ia disebabkan oleh faktor-faktor individu.

Selain itu, MACE juga bekerjasama dengan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) yang merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang telah dipertanggungjawabkan bagi menguruskan hal ehwal kebajikan bekas atlet negara termasuklah atlet kelainan upaya.

Akhir kata, diharapkan agar kesemua jawapan yang diberikan tadi dapat menjawab semua persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Namun, sekiranya terdapat sebarang usul, pertanyaan, cadangan atau persoalan yang tidak dapat dijawab, saya akan kemukakan jawapan tersebut secara bertulis selepas ini. Saya turut berharap agar kita dapat bersama-sama bekerjasama berganding bahu untuk menyerlahkan potensi belia dan mengangkat martabat sukan negara ke arah kegemilangan Keluarga Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Timbalan Menteri Belia dan Sukan atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.04 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, disambung susulan giliran menjawab bagi Jabatan Perdana Menteri.

Dengan sukacitanya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi). Silakan.

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi sedikit ruang kepada saya untuk memberi beberapa pencerahan kepada hal-hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2022. Seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator telah menyentuh hal-hal berkaitan dengan tugas saya di Jabatan Perdana Menteri, berkaitan ekonomi:

- (i) Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff;
- (ii) Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek;
- (iii) Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad;
- (iv) Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying;
- (v) Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah;
- (vi) Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose; dan
- (vii) Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee.

Tuan Yang di-Pertua, empat perkara utama telah dibangkitkan oleh tujuh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Pertama berkaitan dengan peruntukan pembangunan Kerajaan Pusat.

Kedua, kaedah kita mengukur dan membasmi kemiskinan dalam negara kita. Ketiga, hal-hal yang berkaitan dengan kereta api laju antara Kuala Lumpur dan Singapura, *high speed rail* (HSR) dan akhir sekali hal-hal berkaitan dengan bayaran hasil minyak dan gas kepada negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin memberi sedikit pencerahan kepada sahabat saya Yang Berhormat Datuk John Ambrose yang mencadangkan agar peruntukan pembangunan terus disalurkan kepada kerajaan negeri. Ini kerana mengikut Yang Berhormat Datuk John Ambrose, kerajaan negeri lebih tahu tentang urusan pembangunan dalam negeri masing-masing.

Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying pula menggesa supaya peruntukan lebih tinggi diberikan kepada negeri seperti Pulau Pinang. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semua kementerian dan kerajaan negeri memaklumkan kepada kerajaan khususnya kepada kami di Unit Perancangan Ekonomi bahawa peruntukan yang diluluskan tidak mencukupi. Ini perkara biasalah. Akan tetapi memandangkan kedudukan kewangan kerajaan adalah mencabar, tahun lalu 2020, selepas itu 2021 dan juga tahun 2020 berikutan krisis kesihatan dan ekonomi akibat pandemik COVID-19, maka hasil Kerajaan Pusat telah jatuh, manakala perbelanjaan pula meningkat bagi menjaga kebajikan rakyat dan juga perniagaan khususnya perniagaan kecil dan sederhana.

Mengenai agihan peruntukan pembangunan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957, Ketua Setiausaha merupakan pegawai yang dilantik sebagai Pegawai Pengawal yang bertanggungjawab ke atas setiap perbelanjaan peruntukan pembangunan yang diluluskan di bawah kementerian masing-masing. Tanggungjawab ini termasuk ke atas pencapaian pelaksanaan projek-projek pembangunan di peringkat negeri.

Namun begitu, setiap kementerian diberi peranan supaya mengadakan konsultasi dengan pihak kerajaan negeri pada setiap tahun sebelum permohonan projek-projek pembangunan dikemukakan untuk pertimbangan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Kementerian perlu mengambil kira keutamaan kerajaan negeri dalam menyusun keutamaan projek masing-masing. Dengan ini, kementerian perlu membuat penilaian ke atas keutamaan bagi seluruh negara dengan mengambil kira keutamaan kerajaan negeri.

Setelah pembentangan belanjawan di Dewan Rakyat dibuat, senarai projek pembangunan diluluskan di negeri-negeri diedarkan kepada semua Setiausaha Kerajaan Negeri bagi membolehkan agensi kerajaan negeri seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri dan pihak berkuasa tempatan bersedia bagi membantu dan memudah cara Kementerian Persekutuan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek yang diluluskan oleh Kerajaan Pusat.

Secara amnya, projek-projek pembangunan akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya ataupun Jabatan Pengairan dan Saliran. Sebagai contoh, bagi melaksanakan projek sekolah baharu, Kementerian Pelajaran melalui Jabatan Pelajaran Negeri mengadakan perundingan dengan kerajaan negeri bagi menentukan keutamaan termasuk penentuan lokasi projek-projek tertentu.

Untuk makluman Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying pula, negeri Pulau Pinang tidak pernah diabaikan dalam bahagian peruntukan pembangunan. Antara contoh kelulusan untuk Pulau Pinang adalah seperti berikut, tahun ini dan tahun hadapan, Projek Naik Taraf Pembangunan Punca Air di Skim Pengairan Sungai Acheh, Projek Jalan Baharu dari Bagan Sungai Pinang ke Kampung Pulau Betong, Balik Pulau, Menaik Taraf Jambatan Merentasi Sungai Kerian. Itu antara contoh projek-projek yang diluluskan untuk Pulau Pinang.

Pada masa ini, agihan peruntukan pembangunan adalah tidak bergantung kepada sumbangan KDNK memandangkan tahap pembangunan antara negeri masih tidak seimbang. Terdapat enam buah negeri yang dikategorikan sebagai negeri kurang membangun dan perlu diberi keutamaan dalam agihan peruntukan pembangunan tanpa mengabaikan keperluan negeri-negeri lain. Negeri-negeri tersebut adalah Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Sekurang-kurangnya 50 peratus daripada peruntukan pembangunan asas diberikan kepada negeri-negeri tersebut iaitu enam buah negeri yang kurang maju tersebut.

Saya ingin maklumkan bahawa peruntukan yang diluluskan mengikut jenis projek pembangunan seperti pembinaan fasiliti kesihatan, sekolah dan jalan raya. Negeri-negeri yang lebih maju seperti Pulau Pinang telah mempunyai banyak fasiliti berkenaan termasuk yang dibangunkan oleh pihak swasta berbanding dengan negeri-negeri yang kurang membangun. Yang kita buat ini ialah selaras dengan konsep Persekutuan, dengan izin, *Federalism*. Konsep ini membolehkan hasil daripada semua Negeri Bersekutu disatukan dan kemudiannya diagihkan semula kepada negeri-negeri berasaskan fokus keutamaan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada isu bagaimana kita mengukur kemiskinan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek. Yang Berhormat bertanya sama ada pengukuran pendapatan garis kemiskinan masih relevan dan meminta kerajaan mengkaji metodologi penentuan garis kemiskinan pelbagai dimensi supaya menggunakan indikator yang lebih lentur atau fleksibel.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini pengukuran kemiskinan di Malaysia berdasarkan tiga kaedah iaitu miskin mutlak, miskin relatif dan pelbagai dimensi. Kemiskinan mutlak diukur menggunakan pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang masih relevan. PGK merujuk kepada jumlah pendapatan bulanan isi rumah yang diperlukan untuk memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan bagi membolehkan setiap ahli isi rumah menjalani kehidupan yang sihat dan aktif. Syor Yang Berhormat untuk menggunakan indikator penggunaan bagi mengukur kemiskinan telah pun diambil kira dalam pengiraan PGK sebelum ini kerana pengukuran ini adalah berdasarkan kepada konsep kos penggunaan keperluan asas isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya memaklumkan bahawa miskin tegar merupakan kemiskinan yang tidak mampu ahli keluarga ataupun keluarga isi rumah yang tidak mampu untuk menampung keperluan asas makanan bagi kehidupan aktif dan sihat.

■1440

Sehubungan ini, melalui pemacu perubahan enam dalam RMKe-12, kerajaan menasarkankan miskin tegar sifar pada tahun 2025. Untuk menjamin pelaksanaan yang lebih berfokus, Unit Kemiskinan yang khusus telah ditubuhkan di EPU, pejabat saya, Unit Kemiskinan telah pun ditubuhkan juga di beberapa buah negeri dan beberapa buah daerah di seluruh negara telah pun mengambil inisiatif yang sama. Pada petang ini saya akan memberi taklimat kepada kesemua pegawai atau pengarah pembangunan negeri seluruh negara untuk memberi pencerahan yang lebih tentang konsep miskin tegar dan hasrat kita untuk menghapuskan miskin tegar menjelang tahun 2025.

Kerajaan sudah membuat keputusan bahawa bermula bulan Mac tahun hadapan kita akan memilih 50 lokaliti yang melibatkan seluruh negara bagi kita melaksanakan pendekatan untuk menghapuskan miskin tegar secara lebih komprehensif dan holistik.

Bagi melaksanakan usaha basmi miskin tegar ini, kerajaan akan mengguna pakai data eKasih yang dibangunkan oleh ICU dan ICU sekarang ini sedang dalam proses untuk memutih dan memurnikan data tersebut supaya ia tepat dan kena pada sasaran apabila diberi bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai *Multidimensional Poverty Index* (MPI), dengan izin, dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek. Memanglah perkara ini kita ambil kira dan kerajaan menggunakan ini sebagai salah satu indikator miskin di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga cadangan supaya kerajaan beransur-ansur bergerak daripada model berasaskan kebajikan kepada model yang lebih inklusif dan bersifat mencegah kemiskinan dan menangani kerentanan. Bagi membasmi miskin tegar secara holistik, kerajaan akan menumpukan kepada golongan miskin tegar yang produktif, yang boleh meningkatkan pendapatan, kesihatan, kemahiran dan pendidikan mereka secara mampan. Manakala bagi golongan miskin tegar yang terlantar atau sakit, bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan agensi lain akan diteruskan seperti biasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah. Ingin mengetahui langkah-langkah kerajaan memperkasakan golongan B40. Kerajaan akan melaksanakan beberapa langkah jangka pendek yang terkandung dalam belanjawan negara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Antaranya, Bantuan Keluarga Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM8.2 bilion untuk 9.6 juta orang penerima yang layak. Seterusnya, kerajaan juga akan meneruskan pelbagai pemberian subsidi dan insentif bagi industri pertanian, jaminan makanan dan komoditi dengan peruntukan lebih RM1.7 bilion. Ini antara peruntukan yang disediakan dalam belanjawan.

Dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan khususnya bantuan tunai, kerajaan juga akan meningkatkan usaha memperbanyakkan program kebajikan produktif supaya setiap isi rumah dapat meningkatkan kapasiti dan keupayaan bagi meningkatkan pendapatan dan seterusnya taraf hidup mereka secara mampan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi jangka sederhana dan jangka panjang di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, kerajaan akan meneruskan dasar dan juga strategi untuk meningkatkan pendapatan kuasa beli serta kesejahteraan rakyat terutamanya isi rumah miskin dalam kalangan B40. Antaranya, program peningkatan pendapatan serta peningkatan keupayaan. Contohnya Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar B40, menambah baik akses kepada keperluan asas termasuk pendidikan, kesihatan dan perumahan antara lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee untuk kerajaan Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura. Sememangnya kita akui daripada hasil kajian yang telah dibuat sedikit masa dahulu, HSR dari Kuala Lumpur ke Singapura akan memberi lebih faedah ekonomi dan peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, kedua-dua negara gagal mencapai persetujuan berhubung struktur projek yang mengakibatkan perjanjian bilateral mengenai Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi atau HSR dari Kuala Lumpur ke Singapura terbatal pada 31 Disember tahun lepas.

Sepertimana semua sedia maklum, cadangan untuk merunding semula projek HSR antara Kuala Lumpur dan Singapura telah dibangkitkan dalam pertemuan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri Singapura pada 29 November lalu. Perdana Menteri Singapura terbuka untuk menerima cadangan baharu dari Malaysia untuk projek ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menekankan bahawa cadangan ini masih terlalu awal untuk dibincangkan secara terperinci dan belum ada maklumat yang dapat dikongsikan setakat ini dengan Ahli Yang Berhormat.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya dari Kelantan, Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff dan Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad membangkitkan tentang bayaran hasil minyak dan gas kepada negeri Kelantan.

Berkaitan dengan perkara ini, saya ingin maklumkan bahawa pada 2 November lalu Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan telah menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Susulan daripada surat tersebut, pada 16 November lalu, Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan telah mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di mana hal-hal berkaitan dengan bayaran untuk minyak dan hasil kepada negeri Kelantan telah dibincangkan.

Susulan kepada surat bertarikh 2 November, dan pertemuan 16 November, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memanggil pihak-pihak berkenaan iaitu Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Menteri Undang-undang dan Jabatan Peguam Negara untuk diberi pencerahan tentang perkara ini. Kami telah pun memberi taklimat sepenuhnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercadang untuk mengadakan pertemuan dengan Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan pada masa yang sesuai.

Pada masa ini, kita sedia maklum bahawa ada hal dan tugas yang penting termasuklah banjir yang sedang melanda kita di Lembah Klang dan seluruh negara seperti Pahang dan lain-lain.

Maka, *insya-Allah* pertemuan akan diadakan pada masa yang sesuai antara Perdana Menteri dengan Menteri Besar Kelantan di mana hal-hal yang dibangkitkan dalam surat terkandung 2 November dan kunjungan hormat pada 16 November akan dibincangkan dengan lebih lanjut. Kita berharap bahawa beberapa perkara yang dibincangkan pada 16 hari bulan lalu akan dapat dicari penyelesaian.

Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, beberapa pencerahan yang dapat saya berikan, dapat kongsi dengan Ahli Yang Berhormat. Sekali lagi bagi pihak Unit Perancang Ekonomi, saya merakamkan setinggi terima kasih kepada tujuh Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan hal-hal yang melibatkan pembangunan di seluruh negara.

Harapan saya semoga pencerahan tersebut akan dapat memberi pencerahan. Jika ada hal-hal yang perlu dibincangkan lebih lanjut *insya-Allah* pihak kami sentiasa terbuka untuk mengadakan perbincangan lebih lanjut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Ekonomi.

Dengan sukacita dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad.

2.47 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara yang telah membangkitkan isu berkaitan dengan hal ehwal Islam dalam perbahasan Belanjawan 2022. Saya membahagikan ucapan penggulungan Belanjawan 2022 kepada lima bahagian iaitu:

- (i) pendidikan;
- (ii) pengimarahkan;
- (iii) ekonomi;
- (iv) urus tadbir; dan
- (v) perundangan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila hormati masa yang telah ditetapkan.

Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris ingin mencadangkan agar diwujudkan Program Tahfizpreneur yakni keusahawanan tahfiz secara menyeluruh bagi membantu pusat tahfiz swasta agar dapat bersaing dengan institusi pengajian swasta yang lain melalui pengaplikasian teknologi maklumat, tadbir urus dan kaedah pemasaran secara berpusat oleh kerajaan. Penggubalan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara menyediakan tiga model iaitu:

- (i) Model Tahfiz Bersepadu;
- (ii) Model Tahfiz Turath; dan
- (iii) Model Tahfiz Kemahiran ataupun TVET.

Dalam masa yang sama, kerajaan sentiasa menyokong usaha pusat tahfiz swasta untuk meningkatkan daya saing dengan menambah nilai kemahiran dan keusahawanan kepada pelajar tahfiz. Ini selari dengan Teras Tiga - Dasar Pendidikan Tahfiz Negara iaitu mewujudkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana.

Antara strategi yang digariskan di bawah teras ketiga iaitu mewujudkan kurikulum tahfiz di peringkat menengah serta Model Tahfiz Kemahiran serta penawaran kursus-kursus kemahiran kepada murid tahfiz seperti keusahawanan. Usaha ini perlu digerakkan bersama pihak berkuasa agama negeri dan agensi kerajaan yang berkaitan bagi memastikan hasrat ini tercapai.

Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid ingin tahu, adakah pihak JAKIM boleh menyediakan kelas-kelas informal kepada kanak-kanak dan Orang Asli- orang dewasa?

■1450

Untuk makluman ahli Yang Berhormat kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) sentiasa cakna dan peka terhadap pendidikan agama yang disampaikan kepada masyarakat Orang Asli.

Oleh yang demikian, JAKIM telah mengadakan kelas pengajian fardu ain kepada masyarakat Orang Asli Islam yang dilaksanakan oleh 243 orang Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) di seluruh negara.

Dalam masa yang sama, pelan intervensi agama mendepani COVID-19-19, Piagam C19 di bawah inisiatif dua pemantapan sistem pendidikan Islam diwujudkan bagi menyahut seruan kerajaan dalam menyantuni Keluarga Malaysia. Inisiatif yang kedua Piagam C19 ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi pencapaian pendidikan Islam secara inklusif kepada semua anggota masyarakat termasuklah masyarakat Orang Asli. Bagi menyahut seruan ini, JAKIM melalui bahagian dakwah telah mengadakan 10,450 Kelas Pengajian Fardu Ain kepada masyarakat Orang Asli Islam pada tahun 2021 di Semenanjung Malaysia.

Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Yahaya ingin tahu unjuran pendaftaran institusi pendidikan Islam khususnya melibatkan kelulusan pihak berwajib. Yang Berhormat ingin mendapat kepastian sama ada pihak yang terlibat dalam institusi pendidikan ini mempunyai garis panduan rasmi terhadap keperluan dan prosedur yang perlu dipatuhi oleh setiap institusi bagi tujuan menyelaras maklumat institusi pendidikan Islam di bawah penyelarasan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI).

JAKIM telah membangunkan Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) yang mana semua maklumat institusi pendidikan Islam yang berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri dikemaskinikan dalam SIMPENI. Data SIMPENI pada tahun 2019 hingga tahun 2021 dan unjuran pendaftaran institusi pendidikan Islam yang merangkumi tadika Islam negeri, tadika Islam swasta, sekolah rendah agama negeri, sekolah menengah agama negeri, maahad tahfiz negeri dan swasta, sekolah rendah agama rakyat, sekolah menengah agama rakyat, pondok, sekolah rendah dan menengah swasta serta kolej tahfiz negeri bagi tiga tahun yang akan datang adalah seperti berikut. Bagi tahun 2022, sebanyak 4,402 buah, bagi tahun 2023 sebanyak 4,447 buah dan bagi tahun 2024 sebanyak 4,490 buah.

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap institusi pendidikan Islam yang berada di bawah penyelarasan LEPAI yang ditubuhkan di negeri-negeri adalah tertakluk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam dan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa di negeri berkenaan. Di peringkat Persekutuan, kerajaan melalui JAKIM juga amat mengambil berat berhubung isu pendaftaran institusi pendidikan Islam di negeri-negeri.

Sehubungan dengan itu, di bawah inisiatif Dasar Pendidikan Tahfiz Negara di PTN, JAKIM dengan kerjasama pihak berkuasa agama negeri telah menerbitkan garis panduan penubuhan dan pendaftaran institusi tahfiz bagi memastikan penubuhan institusi berkenaan mengikut peraturan dan piawaian yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya ingin tahu peranan kerajaan dalam membangun dan menampung dana masjid dan surau di sekitar Wilayah Persekutuan yang terkesan akibat kurangnya sumbangan orang ramai kerana COVID-19. Di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, Hal Ehwal Agama Islam, termasuklah urusan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri menerusi agama Islam negeri-negeri di Wilayah Persekutuan melalui Agama Islam Wilayah Persekutuan merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam menguruskan zakat serta pengurusan masjid dan surau.

Seperti sedia maklum negara telah dilanda penularan wabak COVID-19. Oleh itu, MAIWP dan JAWI telah mengambil langkah proaktif dan komprehensif dalam menyediakan inisiatif kepada masjid dan surau di Wilayah Persekutuan. Antara bantuan yang disalurkan ialah:

- (i) pembiayaan kos operasi masjid dan surau di Wilayah Persekutuan bagi tahun 2021 sebanyak RM11.71 juta melibatkan 799 buah masjid dan surau;
- (ii) pelaksanaan Program Dapur It'am kepada masjid dan surau iaitu agihan makanan kepada orang ramai berjumlah RM22.16 juta melibatkan 70 buah masjid dan surau Jumaat;
- (iii) pelaksanaan Gerobok Rezeki di 89 buah masjid dan 123 buah surau berjumlah RM937 ribu; dan
- (iv) bantuan Ihya' Ramadan bagi aktiviti Pengimarahhan Ramadhan berjumlah RM9.23 juta kepada 790 buah masjid dan surau meliputi RM15 ribu kepada masjid, RM12,500 kepada surau Jumaat dan surau biasa RM11 ribu.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Mohon penjelasan. Saya bertanya berkenaan dengan Surau Presint 8 di Putrajaya Yang Berhormat Menteri, sama ada kerajaan sanggup bagi balik RM6.5 juta itu kepada kami di Putrajaya untuk membina surau tersebut kembali dengan 100 peratus bantuan kerajaan.

Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Lepas ini, ada lepas ini.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus, bagus.

Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad: Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya ingin tahu berkaitan isu kos pembinaan Surau Al-Ittifaqiyyah di Presint 8 yang telah ditarik balik yang dikatakan MAIWP tidak lagi menampung kos 100 peratus untuk pembinaan mana-mana surau lagi. Yang Berhormat menggesa agar MAIWP memulangkan baki kos yang ditarik balik agar projek ini dapat diteruskan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui Jawatankuasa Baitulmal pada 16 April 2018 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6,518 ribu untuk membiayai cadangan pembinaan surau tersebut.

Walau bagaimanapun, cadangan projek tersebut telah ditangguhkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Penyelaras Pembangunan Projek JAWI, MAIWP pada 6 Jun 2018. Mesyuarat tersebut telah memutuskan supaya semua projek baharu yang masih belum dimulakan perlu ditangguhkan untuk tempoh lima tahun. Keputusan ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan pada 12 September 2012 yang telah memutuskan bahawa MAIWP hendaklah memberi keutamaan perbelanjaan zakat terhadap asnaf, fakir miskin dan muafak berbanding dengan Asnaf Fi Sabilillah.

Ini bagi memastikan agar kadar kemiskinan dapat dikurangkan khususnya di Wilayah Persekutuan. Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan juga berpandangan bahawa keutamaan perbelanjaan hendaklah ditumpukan kepada agihan zakat iaitu kepada asnaf yang ditetapkan. Manakala perbelanjaan bagi pembangunan infrastruktur seperti pembangunan masjid, pembangunan tanah kubur sewajarnya dipohon daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, MAIWP hanya meneruskan projek pembinaan yang sedia ada dan tiada projek pembangunan baharu dijalankan menggunakan peruntukan zakat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri mencadangkan agar wakaf menjadi instrumen utama yang boleh memberikan satu sumbangan besar kepada ummah selain zakat. Kerajaan telah menjadikan wakaf sebagai instrumen Kewangan Sosial Islam untuk merencanakan pembangunan ekonomi negara seperti mana digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12, dan Bajet 2022. Bagi menyahut seruan ini, Majlis Agama Islam Negeri dan Yayasan Wakaf Malaysia turut memperkenalkan pelbagai produk wakaf bagi kesejahteraan ummah seperti wakaf air, wakaf bencana, wakaf halal, wakaf pertanian dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin ingin tahu sejauh mana JAWHAR mampu mengemudi semua Majlis Agama Islam Negeri dalam menetapkan beberapa perkara berikut:

- (i) mengadakan kerjasama dalam JAWHAR dan MAIM dalam bersetuju tentang makna umum berkaitan wakaf memandangkan terdapat perbezaan mengenainya dalam undang-undang bertulis;
- (ii) mengharmonikan pertembungan antara mahkamah syariah dengan mahkamah sivil apabila melibatkan harta wakaf dan orang bukan Islam; dan
- (iii) menyediakan standard umum dan laporan audit berkaitan harta wakaf supaya ia lebih telus dan berintegriti.

Sebagaimana ahli Yang Berhormat sedia maklum wakaf termasuk dalam senarai bidang kuasa negeri mengikut Butiran 1, Senarai 2, Jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri-negeri, selaku pemegang amanah tunggal bagi semua urusan wakaf di negeri masing-masing, termasuk perkara berkaitan taraf wakaf adalah bertanggungjawab untuk memastikan perkara ini diurus dengan sebaiknya.

■1500

JAWHAR telah menjalinkan hubungan yang baik dengan semua Majlis Agama Islam Negeri dalam membangunkan wakaf di negara ini. Walaupun terdapat perbezaan takrif wakaf dalam sebahagian undang-undang bertulis negeri-negeri, namun ia tidak menghalang JAWHAR dan Majlis Agama Islam Negeri untuk bekerjasama.

Ini memandangkan objektif utama kedua-dua agensi ini adalah bagi memperkasakan wakaf untuk manfaat sosioekonomi ummah seperti mengadakan sesi perbincangan dengan semua Majlis Agama Islam Negeri bagi menyelaras dan membincangkan pelbagai isu berbangkit berkaitan wakaf.

Bagi mengharmonikan pengurusan wakaf, JAWHAR telah menerbitkan lapan manual pengurusan wakaf seperti Manual Pengurusan Tanah Wakaf, Manual Pengurusan Wakaf Tunai dan Manual Pengurusan Agihan Wakaf. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan juga akan melaksanakan laporan penyata kewangan berdasarkan piawaian perakaunan Islam bagi Baitulmal, zakat dan wakaf mulai pelaporan penyata kewangan bagi tahun 2021.

Pemakaian ini telah dipersetujui melalui Mesyuarat MAIWP Kali Ke-155 Bilangan 2/2021 pada 18 Jun 2021. Pelaksanaan ini iaitu mengikut fasa pertama pada tahun 2021, fasa kedua pada tahun 2022, fasa ketiga tahun 2023 dan fasa keempat pada tahun 2024. Pemakaian sepenuhnya piawaian ini adalah pada tahun 2025 hingga pada tahun 2027.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam juga ingin tahu, apakah perincian pembangunan tanah wakaf di negara ini? Apakah jenis pembangunan yang akan dijalankan di tanah ini? Pihak manakah yang akan terlibat dalam membangunkan projek tersebut? Siapakah yang bakal dapat manfaat daripada projek tersebut? Berapa jumlah pelaburan yang akan dilaksanakan? Bilakah tarikh pembangunan projek tanah wakaf ini akan dapat disiapkan?

Berdasarkan kajian Pelan Induk Transformasi Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia yang diterbitkan pada tahun 2016, sejumlah 30,888.89 hektar tanah wakaf telah direkodkan seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,504.72 hektar tanah wakaf telah dibangunkan yang melibatkan enam kategori projek iaitu keagamaan, pendidikan, kesihatan, pertanian, industri makanan, penternakan, perladangan, perumahan serta perniagaan dan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang ingin tahu, adakah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia mempunyai perancangan- Tuan Yang di-Pertua, macam mana?

Tuan Yang di-Pertua: Dia telah dibuat keputusan, mana-mana bahagian yang tidak dapat dilisankan, dihantar dalam tulisan.

Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh ditambah sedikit barangkali sebab tadi tergantung ayat itu.

Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang ingin tahu, adakah JAKIM mempunyai perancangan untuk bersama-sama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi menguruskan isu kekurangan perjawatan bagi pengambilan pegawai JAKIM yang baharu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, JAKIM sentiasa bekerjasama erat dengan pihak berautoriti seperti Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam pengurusan perjawatan JAKIM. Pelaksanaan pengambilan pegawai-pegawai Skim Perkhidmatan Hal Ehwal Islam lantikan baharu. Pelantikan pegawai baharu adalah tertakluk kepada kelulusan pengisian yang dibenarkan serta bergantung kepada peruntukan yang mencukupi.

Jadi *hat* selebihnya, saya akan hantar.

Tuan Yang di-Pertua: Hantarkan dalam bentuk tulisan. *Insha-Allah*.

Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid.

3.04 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022 yang telah diadakan, seramai sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengajukan beberapa pertanyaan, cadangan dan pandangan terhadap portfolio Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas).

Oleh itu izinkan saya untuk menjawab semua pertanyaan, cadangan ataupun pandangan yang telah disuarakan oleh semua Ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan tersebut mengikut agensi-agensinya iaitu:

- (i) Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU);
- (ii) Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU);
- (iii) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan hal-hal lain mengenai Bahagian Pengurusan Harta; dan,
- (iv) Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU).

Pertama, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris bertanya, ingin tahu apa bentuk model baharu bagi memperkasakan agenda pembangunan bumiputera khususnya dalam bidang pendidikan, ekonomi dan keusahawanan yang turut memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar seperti golongan belia dan wanita.

Kerajaan telah melancarkan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) pada 6 Disember 2021. Sebagai hala tuju dan model baharu bagi memperkasakan ekonomi dan sosioekonomi bumiputera bagi tempoh 10 tahun akan datang, TPB2030 menggariskan strategi jelas melalui program pembangunan dan inisiatif yang diselaraskan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 serta di dokong oleh RMKe-12 yang terangkum dalam konteks Keluarga Malaysia.

TPB2030 dibangunkan berpaksikan kepada tujuh Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA), tiga bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA). Kesemua- bidang ekonomi tersebut bernilai dan berimpak tinggi ini akan disokong oleh tujuh bidang keutamaan yang dipilih daripada Rancangan Malaysia Kedua Belas yang mana ia turut merangkumi bidang keutamaan seperti memperkukuhkan pendidikan dan memperkasakan modal insan, meningkatkan daya tahan dan keamanan perniagaan bumiputera dan meningkatkan penciptaan kekayaan bumiputera.

Kesemua inisiatif dan program intervensi strategik yang akan dirangka dan dibangunkan berlandaskan bidang keutamaan seperti yang dinyatakan ini akan dilaksanakan secara inklusif, merangkumi usahawan daripada kalangan masyarakat bandar dan luar bandar, kaum wanita dan juga belia. Di bawah model baharu ini juga, agensi bermandat bumiputera seperti TERAJU, PUNB, Ekuinas dan Yayasan Peneraju turut diberi mandat untuk memacu dan meningkatkan penyertaan bumiputera dalam perniagaan dan pendidikan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin ingin tahu, apa hasil pembangunan positif yang diperolehi oleh golongan bumiputera secara khusus dengan peruntukan yang konsisten sebanyak RM11.4 bilion yang telah diperuntukkan untuk pembangunan bumiputera.

Seperti yang diumumkan di dalam Bajet 2022, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM11.0 bilion bagi melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah payung pembangunan bumiputera. Ini bagi memastikan agenda pemerkasaan ekonomi dan sosioekonomi bumiputera terus diberi keutamaan dalam usaha untuk merapatkan jurang antara kaum di negara ini, lebih-lebih lagi ketika negara sedang bangkit daripada kemelut pandemik COVID-19.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM6.6 bilion diperuntukkan bagi tujuan memperkukuhkan pendidikan dan memperkasakan modal insan melalui program-program di bawah kendalian institusi pengajian seperti agensi bermandat bumiputera seperti MARA, UiTM serta Yayasan Peneraju dalam bentuk pinjaman pendidikan, program menaik taraf sijil ke diploma serta program bagi melahirkan profesional bumiputera di dalam bidang seperti perubatan, kejuruteraan dan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, manakala bagi tujuan memperkasakan usahawan bumiputera pula, sebanyak RM4.0 bilion diperuntukkan bagi melaksanakan pelbagai program peningkatan kapasiti dan pembiayaan perniagaan yang dikendalikan oleh agensi bermandat bumiputera seperti TERAJU, PUNB dan juga TEKUN.

Selain itu juga, dalam mengembalikan keupayaan perniagaan, kerajaan telah memperuntukkan dana bernilai RM2.1 bilion melalui pelaburan ekuiti dan separa ekuiti yang akan diperkenalkan melalui Bajet 2022. Kaedah ini akan diterajui oleh SME Bank dengan kerjasama TERAJU dan Bank Simpanan Nasional dengan dana bernilai RM600 juta dan terbuka kepada semua terutamanya usahawan bumiputera. Kerajaan akan melaporkan hasil yang diperolehi setelah perbelanjaan pembangunan dilakukan pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua peruntukan yang diumumkan oleh kerajaan di dalam Bajet 2022 ini tidak lain bertujuan untuk memperkasakan ekonomi dan sosioekonomi bumiputera serta mengembalikan keupayaan keseluruhan perniagaan bumiputera yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19, di samping mengembangkan perniagaan bumiputera ke peringkat yang lebih tinggi dengan lebih inklusif termasuk Wilayah Sabah dan Sarawak berdasarkan keperluan dan merit.

■1510

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah ingin tahu apakah nilai-nilai dalam Keluarga Malaysia yang boleh dicapai untuk menjadikan negara ini menjadi maju dan inklusif pada masa hadapan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 Ogos 2021 telah memperkenalkan konsep Keluarga Malaysia dalam ucapan sulung beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia Kesembilan. Nilai-nilai Keluarga Malaysia membolehkan negara ini bersifat lebih inklusif dalam terus memulihkan negara selepas pandemik COVID-19 bagi mencapai status Malaysia sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi pada masa hadapan. Nilai-nilai tersebut adalah keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

Nilai keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran Keluarga Malaysia ini menjadi teras dalam menjayakan setiap perancangan dan pelaksanaan program, projek oleh setiap kementerian, jabatan, agensi selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 yang telah dirangka dengan mengambil kira semua lapisan umur, kesaksamaan gender, wilayah, taraf ekonomi dan kaum. Konsep Keluarga Malaysia ini diterjemahkan dalam penggubalan dasar kerajaan yang menggariskan perancangan strategik yang komprehensif bagi membolehkan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi demi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memastikan tiada sesiapa yang tertinggal dalam mengecap nikmat pembangunan negara.

Perikatan tiga nilai Keluarga Malaysia ini sifatnya lebih inklusif, ia merentasi sempadan, agama, bangsa dan kaum. Kita menyedari kewujudan sesebuah keluarga yang berkahwin dengan pelbagai bangsa dan agama tetapi nilai kekeluargaan telah mengikat mereka. Konsep Keluarga Malaysia diambil kerana keutuhan negara terikat dengan nilai-nilai didikan sempurna dalam sesebuah keluarga.

Bagi menyemarakkan konsep Keluarga Malaysia, di samping melakukan pemberitahuan kejayaan Jemaah Menteri dalam 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia, kerajaan telah mengadakan Aspirasi 100 Hari Keluarga Malaysia pada 9 hingga 12 Disember 2021. Ia telah menjadi satu usaha menyebarkan luas manifestasi hasrat dan komitmen kerajaan agar dapat difahami dan dihayati setiap lapisan masyarakat.

Antara usaha lain untuk menyemarakkan konsep Keluarga Malaysia adalah dengan menubuhkan Yayasan Keluarga Malaysia, mengenal pasti produk-produk Keluarga Malaysia dan melaksanakan program-program Kempen Keluarga Malaysia seperti Bulan Keluarga Malaysia dan Citra Warna Keluarga Malaysia. Selain itu, kerajaan juga akan memperkenalkan mekanisme keberhasilan kebahagiaan dan petunjuk prestasi utama sebagai instrumen untuk mengukur kepuasan hati rakyat terhadap pelaksanaan produk-produk Keluarga Malaysia.

Sememangnya Tuan Yang di-Pertua, konsep Keluarga Malaysia ini jelas dengan usaha-usaha kerajaan yang menyediakan pelbagai Bantuan Prihatin Rakyat merangkumi aspek kebajikan, kesihatan, kemudahan infrastruktur bagi menyejahterakan hidup dan memastikan pemulihan ekonomi negara berjaya.

Krisis berkembar yang dialami masa ini iaitu krisis ekonomi dan krisis kesihatan telah menyediakan peluang kepada kita untuk merencana semula Pelan Pembangunan Negara untuk semua kaum bagi membolehkan kekayaan negara dinikmati seluruh Keluarga Malaysia dengan adil dan saksama. Pegangan kerajaan ini menerapkan falsafah Keluarga Malaysia dalam penggubalan polisi-polisi agar matlamat akhir untuk menang bersama tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair bertanyakan Agenda Pembangunan Pendidikan seperti peningkatan pencapaian akademik, infrastruktur, isu kekurangan guru dan sistem kuota di bawah Yayasan Keluarga Malaysia. Yang Berhormat, Yayasan Keluarga Malaysia merupakan sebuah institusi bukan bersifat keuntungan dan tidak mengira agama dan bangsa. Yayasan Keluarga Malaysia akan mentadbir, menyelaras dan mengurus bantuan-bantuan yang disalurkan dengan objektif utama antaranya memberi atau menguruskan bantuan kewangan atau bantuan bukan kewangan untuk kebajikan dan pendidikan kepada kanak-kanak atau remaja yang kehilangan ibu dan bapa atau penjaga atau kedua-duanya akibat pandemik COVID-19, kemalangan dan lain-lain bencana seumpamanya sehingga mereka mencapai usia 18 tahun.

Sehingga 10 Oktober 2021, statistik daripada Kementerian Pendidikan iaitu seramai 5,173 orang murid sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah kehilangan ibu atau bapa atau penjaga akibat pandemik COVID-19. Daripada jumlah ini, seramai 114 orang murid telah kehilangan kedua-dua ibu bapa manakala 132 orang telah kehilangan penjaga. Dalam hal ini, Yayasan Keluarga Malaysia akan berperanan sebagai sebuah institusi yang akan membantu anak-anak Keluarga Malaysia dalam memperoleh sokongan terutamanya daripada aspek kebajikan dan pendidikan sehingga mereka mencapai usia 18 tahun.

Dalam keadaan-keadaan tertentu, Yayasan Keluarga Malaysia juga boleh memberi bantuan kebajikan dan pendidikan sehingga ke peringkat pengajian tinggi dan kemahiran tinggi. Yayasan Keluarga Malaysia juga akan menjana dana, mentadbir, menyelaras dan mengurus segala jenis bantuan daripada pihak kerajaan, pihak swasta, badan bukan kerajaan dan juga persendirian atau orang perseorangan. Yayasan Keluarga Malaysia turut berperanan mengatur, menjalankan, mempromosi dan membiayai program-program berbentuk perkhidmatan sokongan keluarga dan komuniti bagi pembangunan modal insan untuk kelangsungan hidup kanak-kanak dan remaja ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dewan, Agenda Pembangunan Pendidikan seperti peningkatan pencapaian akademik, infrastruktur, isu kekurangan guru, sistem kuota dan sebagainya bukanlah di bawah skop dan objektif penubuhan Yayasan Keluarga Malaysia.

Keistimewaan baharu yang dibawa oleh Yayasan Keluarga Malaysia Tuan Yang di-Pertua, dalam mewujudkan keseimbangan dalam aspek perkhidmatan pendidikan yang kondusif adalah seperti mana konsep Keluarga Malaysia yang diuar-uarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa harus berganding bahu untuk membantu mereka yang terkesan daripada impak-impak negatif akibat pandemik COVID-19 terutamanya dalam memastikan kepentingan terbaik kanak-kanak dan remaja yang terkesan akibat impak pandemik COVID-19 ini terjaga. Inisiatif ini membuktikan maksud keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran Keluarga Malaysia.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, persoalan dari Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong mencadangkan supaya kadar pencen penjawat awam dikaji semula supaya selari dengan kos sara hidup semasa. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, Skim Pencen Malaysia merupakan Skim Pencen Pekerjaan yang di mana kadar pencen diterima adalah bergantung pada tempoh perkhidmatan dan gaji akhir yang diterima oleh seseorang pegawai. Pelbagai penambahbaikan berkaitan kadar pencen telah dilaksanakan oleh kerajaan seperti berikut:

- (i) peningkatan kadar pencen terendah bagi pegawai yang mempunyai sekurang-kurangnya 25 tahun perkhidmatan yang boleh di masuk kira daripada RM720 kepada RM820 sebulan pada tahun 2012;
- (ii) kenaikan pencen dua peratus bagi setiap tahun mulai tahun 2013;
- (iii) kenaikan kadar pencen terendah bagi pegawai yang mempunyai sekurang-kurangnya 25 tahun perkhidmatan yang boleh di masuk kira daripada RM820 kepada RM950 sebulan pada tahun 2016; dan
- (iv) kenaikan kadar pencen terendah bagi pegawai yang mempunyai sekurang-kurangnya 25 tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan daripada RM950 kepada RM1,000 sebulan pada tahun 2018.

Semakan semula kadar pencen terendah yang telah dilaksanakan pada tahun 2012, 2016 dan 2018 menunjukkan bahawa, boleh saya habiskan Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan ayat itu.

Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid: Bahawa kerajaan sentiasa bersedia menyemak isu kebajikan pesara dari semasa ke semasa. Saya ada lagi beberapa persoalan yang perlu dijawab. Saya akan beri secara bertulis Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang memberi cadangan dan pandangan kepada Portfolio Tugas-tugas Khas. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid. Semoga jawapan bertulis itu diedarkan bagi manfaat pihak yang berkaitan.

Dijemput Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkaitan Undang-undang.

■1520

3.20 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan juga salam Keluarga Malaysia Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan juga terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan isu-isu di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Belanjawan Tahun 2022 berteraskan Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 29 Oktober yang lalu.

Untuk makluman Dewan, seramai lima Ahli Yang Berhormat telah pun membahaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan Parlimen Undang-undang iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Yahaya, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang, Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Mat Arip dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Yahaya telah pun membangkitkan tentang Pelan Antirasuah Kebangsaan yang memerlukan daya kekuatan politik bagi bersama-sama membanteras rasuah habis-habisan. Yang Berhormat juga ingin tahu sama ada kerajaan mempunyai perancangan teliti terhadap penggubalan sesuatu dasar perolehan awam yang melibatkan semua peringkat kementerian, agensi perkhidmatan awam ataupun Menteri supaya ruang rasuah dapat kita tutup serapatnya selaras dengan bidang keutamaan perolehan awam pada strategi tiga iaitu mempertingkatkan keberkesanan dan ketulusan perolehan awam.

Untuk makluman dan juga pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan pada hari ini komited untuk menjadikan proses perolehan awam lebih tulus dan salah satu daripada enam bidang yang berisiko telah pun dikenal pasti dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) melibatkan perolehan awam.

Terdapat 16 inisiatif di dalam bidang keutamaan yang perlu dilaksanakan bagi bersama-sama mempertingkatkan keberkesanan dan juga ketulusan dalam perolehan awam. Berdasarkan laporan semakan semula Pelan Antirasuah Nasional (NACP), inisiatif 3.1.1 adalah sama untuk memperkenalkan dasar perolehan yang komprehensif berhubung dengan perisytiharan konflik kepentingan semasa proses perolehan. Ia diberi tempoh masa bermula Januari 2021 hingga Disember 2022.

Manakala Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pula bekerjasama rapat dengan Kementerian Kewangan untuk bersama-sama meningkatkan pelaksanaan persepakatan integriti termasuk dengan mewujudkan mekanisme pengawasan, pemantauan bagi sama-sama membanteras rasuah dalam perolehan awam. Pihak Kementerian Kewangan juga telah pun melaksanakan pindaan kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PP/PK1 dalam sama-sama mengedarkan rang pindaan PP/PK1 kepada kementerian dan juga agensi bagi tujuan mendapatkan input tambahan dan juga maklum balas bagi pelaksanaan inisiatif 3.1.1 tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook ingin tahu mengapa kerajaan tidak berhasrat untuk melantik seorang Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama Bukan Islam bagi bersama-sama menjaga kebajikan rakyat bukan Islam yang meliputi 40 peratus populasi Malaysia. Sebagaimana yang Yang Berhormat maklum perkara ini pernah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat ketika sesi perbahasan usul mengenai Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) di Dewan Negara pada 4 Oktober yang lepas.

Pertanyaan tersebut telah pun dijawab secara bertulis dan buat masa ini kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk mewujudkan satu jawatan Timbalan Menteri yang bertanggungjawab mengenai agama lain selain daripada agama Islam. Kerajaan juga mengambil maklum akan cadangan daripada Yang Berhormat. Walau bagaimanapun sebarang cadangan yang melibatkan perubahan struktur di dalam kerajaan, perlulah dikaji dengan teliti bagi mengelakkan sebarang pertindihan fungsi dan juga tugas.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang ingin tahu adakah pemeriksaan audit yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara meliputi semua entiti kerajaan ataupun hanya melibatkan kementerian, jabatan ataupun agensi yang terpilih sahaja. Jadi untuk maklumat Yang Berhormat, Ketua Audit Negara telah pun diberi mandat untuk mengaudit perbelanjaan negara melalui beberapa pengauditan dan telah pun menyedia empat jenis Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) iaitu:

- (i) LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan;
- (ii) LKAN pengauditan pematuhan kementerian dan Jabatan Persekutuan;
- (iii) LKAN aktiviti kementerian, Jabatan Kerajaan Persekutuan; dan
- (iv) LKAN pengauditan syarikat Kerajaan Persekutuan.

Pengauditan terhadap penyata kewangan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun Persekutuan dan juga negeri, pihak berkuasa tempatan, majlis agama Islam dan juga entiti awam yang lain bertujuan untuk sama-sama memberikan pendapat, sama ada penyata kewangan bagi tahun kewangan berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang sebenar dan juga saksama serta rekod perakaunan mengenainya diselenggarakan dengan teratur, kemas dan juga baik.

Jabatan Audit Negara melaksanakan 473 pengauditan penyata kewangan merangkumi pengesahan satu penyata kewangan Kerajaan Persekutuan, 13 pernyataan kewangan kerajaan negeri, 147 penyata kewangan badan berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, akaun amanah dan agensi lain serta 312 penyata kewangan badan berkanun negeri, pihak berkuasa tempatan dan juga Malis Agama Islam, 12 buah negeri tidak termasuk Pahang.

Pengauditan pematuhan juga telah dijalankan mulai dari tahun 2019 selaras dengan ISSAI 4000 dan 4100. Pengauditan ini telah pun dilaksanakan di setiap kementerian, jabatan dan juga agensi Persekutuan dan juga negeri. Tumpuan pengauditan ini dibuat secara dengan lebih mendalam kepada sesuatu bidang utama audit berdasarkan, dengan izin, *risk profiling*. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K iaitu mengenal pasti elemen pemborosan, pembaziran, pembayaran tidak teratur dan kehilangan ataupun kerugian wang awam yang membawa kepada ketirisan wang awam.

Pengauditan aktiviti kementerian, jabatan kerajaan dilaksanakan bagi menentukan ia dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, berhemah dan juga berkesan bagi sama-sama mencapai objektif yang telah pun kita tetapkan. Pengauditan juga dibuat berdasarkan aktiviti, projek ataupun program yang dilaksanakan oleh kementerian, jabatan dan agensi sama ada di peringkat Persekutuan, negeri, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan serta majlis-majlis agama.

Pertimbangan dan pemilihan aktiviti projek, aktiviti program juga adalah berdasarkan pada faktor materialiti kewangan, tahap risiko, impak berpotensi dan pengauditan dan lain-lain faktor yang telah pun diambil kira berdasarkan standard pengauditan antarabangsa ISSAI 3000, ISSAI 3100 dan ISSAI 3200.

Pengauditan terhadap pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan negeri ini adalah bertujuan bagi sama-sama dapat mencapai nilai objektif syarikat dan juga aspek tadbir urus korporat yang baik, pengurusan aktiviti dan juga kedudukan kewangan syarikat. Warta Kerajaan bertarikh 30 September 2017 berkenaan dengan perintah audit, akaun syarikat 2017 telah pun memberi mandat kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap 1,858 buah syarikat.

Pengauditan terhadap syarikat yang telah diwartakan ini adalah berdasarkan dan juga berasaskan pada analisis risiko dan juga pusingan ataupun penggiliran pengauditan. Di samping itu, sebagaimana yang saya sebut sebentar tadi iaitu aspek materialiti kewangan risiko dan juga pengurusan yang baik, jangkaan impak audit auditibiliti, signifikan, visibiliti dan liputan juga diambil kira.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator, pengauditan oleh Jabatan Audit Negara ini meliputi Kerajaan Persekutuan dan semua kerajaan negeri dan semua badan berkanun Persekutuan dan negeri, semua pihak berkuasa tempatan dan majlis agama Islam yang berjumlah 473. Sebahagian syarikat Kerajaan Persekutuan dan negeri yang diwartakan berjumlah 1,858 buah syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Mat Arip mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) membentangkan status transformasi Parlimen setiap bulan kepada badan legislatif melalui Yang di-Pertua Dewan Negara.

■1530

Untuk makluman Yang Berhormat, status terkini draf Undang-undang Akta Perkhidmatan Parlimen baharu merupakan draf pertama Undang-undang Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah disemak oleh Jabatan Peguam Negara dan Parlimen Malaysia dalam proses memurnikan draf RUU tersebut melalui sesi libat urus bersama dengan JPA, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Perdana Menteri. Draf Rang Undang-undang Akta Perkhidmatan Parlimen kini sedang diperhalusi bagi tujuan memantapkan lagi rang undang-undang berkenaan.

Rang Undang-undang Akta Perkhidmatan Parlimen ini dijangka selesai digubal pada Mac Tahun 2022. Jabatan Perdana Menteri melalui Parlimen dan juga undang-undang menyambut baik cadangan yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, pemakluman status transformasi Parlimen kepada badan legislatif bergantung kepada perkembangan semasa dan juga pandangan yang diperolehi sepanjang libat urus dengan pihak-pihak berkaitan, perbincangan di dalam Jawatankuasa Pemandu Transformasi dan juga Kestabilan Politik, pembentangan kepada Jemaah Menteri serta persediaan rang undang-undang untuk dibentangkan di Parlimen.

Ini selaras dengan Perkara 43(3), Perlembagaan Persekutuan di mana Jemaah Menteri bertanggungjawab secara bersama dalam Parlimen status agenda transformasi Parlimen berkaitan dengan skop dan juga fungsi Parlimen Malaysia, sedia untuk dilaporkan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin bertanyakan, adakah kerajaan bercadang untuk menempatkan pegawai integriti dan pegawai SPRM di tempat-tempat ataupun agensi kawalan sempadan sebagai salah satu usaha untuk sama-sama memastikan integriti anggota kawalan keselamatan, ia harus terpelihara.

Untuk makluman Yang Berhormat, kawalan sempadan negara kini diterajui oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Pasukan Gerakan Am (PGA) setelah Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dibubarkan pada tahun 2021. Jadi, selain daripada PGA, agensi utama lain berkaitan dengan kawalan sempadan ini ialah Jabatan Imigresen Malaysia dan juga Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Pegawai integriti SPRM telah ditempatkan di Ibu Pejabat JKDM dan juga Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Pada tahun 2021, Pegawai Integriti SPRM juga turut diperluaskan di semua Jabatan Imigresen Malaysia termasuk negeri-negeri yang mempunyai persempadanan negara. Buat masa ini, SPRM tidak ada perancangan khusus untuk menempatkan Pegawai Integriti SPRM ke dalam PGA kawalan sempadan, memandangkan pemantauan tahap integriti warga PGA adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIIPS), Polis Diraja Malaysia.

Setakat ini sahajalah penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan bagi kali ini dan sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu yang berkaitan dengan Parlimen dan undang-undang. Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin atas penggulungan beliau yang tepat dalam masa yang telah diperuntukkan.

Selesai dengan itu maka kita beralih kepada Kementerian Pendidikan.

3.34 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas pembentangan Belanjawan 2022 di Dewan yang mulia ini yang bertemakan 'Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera'.

Dalam belanjawan tersebut sejumlah RM52.625 bilion atau 16 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan kerajaan telah diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ini menjadikan KPM penerima peruntukan terbesar bagi Belanjawan 2022. KPM menggalas tanggungjawab yang besar dalam memastikan setiap sen daripada peruntukan tersebut dibelanjakan dengan cekap serta dapat memberi impak yang optimum kepada pembangunan pendidikan negara khususnya pengoperasian institusi pendidikan bawah KPM.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan serta memberikan pandangan, saranan, teguran dan cadangan dalam pelbagai aspek berkaitan KPM dalam perbahasan Belanjawan 2022 mulai 14 hingga 16 Disember 2021. Terdapat lebih 40 perkara, pertanyaan, isu serta cadangan berkaitan KPM yang dibangkitkan oleh 17 Ahli Yang Berhormat Senator.

Saya ingin mulakan penjelasan mengenai perkara berkaitan dengan peruntukan penyelenggaraan. Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook dan Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu membangkitkan tentang peruntukan penyelenggaraan dalam Belanjawan 2022.

KPM mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana telah memperuntukkan sejumlah RM900 juta dalam Belanjawan 2022 bagi tujuan penyelenggaraan sekolah dan institusi pendidikan di bawah KPM. KPM juga telah diberi tanggungjawab sepenuhnya dalam menguruskan pengagihan peruntukan tersebut sepertimana yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyelenggarakan sepenuhnya sekolah kerajaan. Pada masa yang sama, kerajaan boleh memberi sumbangan bantuan kepada sekolah bantuan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, terdapat 10,229 buah sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan di bawah pengendalian KPM. Jumlah sekolah ini boleh dicerakinkan seperti berikut.

JENIS SEKOLAH	SEKOLAH KERAJAAN	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN
Sekolah Rendah	5,626	18
Sekolah Menengah	2,072	4
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	416	885
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil	162	365
Sekolah Mubaligh	10	368
<i>Conforming School</i>	9	65
Sekolah Agama	-	229

Selain daripada sekolah yang saya sebutkan tadi terdapat juga beberapa buah institusi di bawah pengendalian KPM. Oleh yang demikian, peruntukan RM900 juta secara relatifnya terhad dengan mengambil kira jumlah sekolah dan institusi pendidikan di bawah pengendalian KPM. Justeru, ia perlu diagihkan dengan cermat, teliti dan berhemat bagi memastikan impak yang optimum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, berdasarkan jumlah RM900 juta yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2022 sebanyak RM850 juta akan digunakan untuk menyenggara sekolah dan bukan sekolah manakala peruntukan sebanyak RM50 juta akan digunakan untuk menaik taraf atau membina dewan terbuka. Daripada jumlah RM850 juta yang dikhaskan untuk penyenggaraan sekolah dan bukan sekolah, pecahan agihan adalah seperti berikut:

- (i) RM720 juta untuk penyelenggaraan sekolah bawah pengendalian KPM;
- (ii) RM30 juta untuk peruntukan tambahan kritikal;
- (iii) RM50 juta untuk penyelenggaraan institusi pendidikan bawah pengendalian KPM; dan
- (iv) RM50 juta untuk pembaikan cerun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM akan mengagihkan peruntukan penyelenggaraan bagi tahun 2022 berdasarkan formula yang telah diperkenalkan pada tahun 2021. Formula ini mengambil kira bilangan dan jenis sekolah sama ada kategori sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan.

Dalam menggunakan formula ini, asas perkiraan adalah berdasarkan purata daripada peruntukan RM720 juta bagi 10,229 buah sekolah iaitu sebanyak RM70,388 setiap sekolah. Siling peruntukan bagi sekolah bantuan kerajaan dikira berdasarkan 90 peratus daripada purata tersebut didarabkan dengan bilangan 1,934 buah sekolah bantuan kerajaan. Ini menjadikan siling peruntukan untuk sekolah bantuan kerajaan sebanyak RM122.52 juta.

■1540

Siling peruntukan bagi 8,295 buah sekolah kerajaan pula, berdasarkan peruntukan penyelenggaraan sekolah sebanyak RM720 juta ditolak siling sekolah bantuan kerajaan. Ini menjadikan siling peruntukan untuk sekolah kerajaan merupakan RM597.48 juta. Oleh yang demikian, berdasarkan formula ini, siling peruntukan bagi jenis sekolah adalah seperti berikut:

- (i) RM554.48 juta bagi sekolah dan sekolah menengah berstatus sekolah kerajaan termasuk sekolah berasrama penuh dan kolej vokasional;
- (ii) RM1.39 juta bagi sekolah rendah dan sekolah menengah berstatus sekolah bantuan kerajaan;
- (iii) RM86.03 juta bagi sekolah jenis kebangsaan Cina berstatus kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan;
- (iv) RM34.79 juta bagi sekolah jenis kebangsaan Tamil berstatus sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan;
- (v) RM24.03 juta bagi sekolah mubaligh berstatus sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan;
- (vi) RM4.77 juta bagi sekolah *conforming* berstatus sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan; dan
- (vii) RM14.51 juta bagi sekolah agama bantuan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM sedar bahawa terdapat jenis sekolah yang menerima peruntukan siling yang lebih rendah berbanding dengan yang lain.

Untuk itu sebanyak RM30 juta daripada RM850 juta peruntukan penyelenggaraan sekolah dan institusi pendidikan adalah dikhususkan bagi menampung mana-mana keperluan penyelenggaraan kritikal untuk jenis sekolah yang peruntukan silingnya RM35 juta dan ke bawah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator jua, sekolah yang memerlukan peruntukan penyelenggaraan ini perlu mengemukakan permohonan kepada KPM sama ada sesebuah sekolah akan menerima sejumlah peruntukan ataupun tidak bergantung kepada tahap kerosakan dan kos pembaikan yang sebenar.

Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili, Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz, Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai dan Datuk John Ambrose menyentuh perkara berkaitan bangunan daif di sekolah. KPM sentiasa memberi perhatian kepada usaha menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat dan kondusif untuk kegunaan murid dan warga sekolah di seluruh negara.

Sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11, tahun 2016 sehingga 2020 dan Rancangan Malaysia Ke-12 bagi perancangan berulang atau *Rolling Plan* Pertama tahun 2021 sebanyak 879 projek menaiktarafkan dan membangun semula bangunan daif di sekolah telah diluluskan dan di seluruh negara dan dengan kos keseluruhan berjumlah RM4.397 bilion. Sehingga 17 Disember 2021, sebanyak 587 projek telah siap, 126 projek berada dalam fasa pembinaan, manakala 166 projek berada dalam fasa pra-bina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan projek pembangunan semula atau menaiktarafkan bangunan sekolah yang daif adalah berdasarkan analisis *Score Great Impact* bagi menentukan tahap keadaan komponen fizikal, atau fasiliti bangunan di sekolah. Skor ini mempunyai tujuh tahap skala. Skala satu hingga empat merujuk kepada keadaan bangunan yang masih berfungsi dan selamat digunakan.

Manakala skala lima adalah bangunan yang dilaporkan oleh pihak sekolah sebagai tidak selamat dan memerlukan penyelenggaraan. Skala enam pula merujuk kepada bangunan yang tidak selamat dengan pengesahan kepada pihak teknikal, pejabat pendidikan daerah atau jabatan pendidikan negeri. Sementara skala tujuh merujuk kepada bangunan yang tidak selamat dengan pengesahan syor roboh dari Jabatan Kerja Raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bilangan sekolah yang mempunyai bilangan bangunan daif berskala enam dan skala tujuh adalah bersifat dinamik dan akan berubah berdasarkan kondisi bangunan dari semasa ke semasa. Keutamaan KPM adalah kepada bangunan yang berada pada skala enam dan tujuh untuk dibina bangunan gantian mengikut keperluan. Pembinaan bangunan gantian ini dilaksanakan secara berfasa melalui peruntukan yang diluluskan oleh agensi pusat bagi setiap perancangan berulang atau *Rolling Plan* dari Rancangan Malaysia lima tahun.

Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair dan Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili bertanyakan tentang proses penilaian untuk menentukan keperluan penyelenggaraan sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kerja-kerja penyelenggaraan yang akan dilaksanakan di sekolah akan dipertimbangkan berdasarkan keutamaan dan Syor Gred Impak yang disyorkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri, atau Jabatan Kerja Raya.

Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz turut menyentuh tentang kuarters guru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sehingga 30 KKPM2021, KPM mempunyai sebanyak 47,947 unit Kuarters Guru di seluruh negara merangkumi 29,207 unit atau 60.92 peratus sedang diduduki. Sementara 18,740 unit atau 39.08 peratus lagi unit yang kosong.

Menguruskan kuarters guru, KPM mengambil dua pendekatan iaitu penyelenggaraan Kuarters Guru berpenghuni dan mengoptimumkan Kuarters Guru yang kosong. KPM telah membelanjakan sebanyak RM170.85 juta bagi menyelenggarakan dan membaiki sebanyak 27,857 unit Kuarters Guru dalam tempoh tahun 2019 sehingga tahun 2021. Sebagai langkah mengoptimumkan penggunaan Kuarters Guru kosong pula, KPM telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas yang bertindak merangka strategik dan pelan tindakan menyeluruh bagi menangani isu Kuarters Guru yang tidak didiami.

Antara tindakan yang telah diambil bagi mengisi kekosongan Kuarters Guru adalah dengan bekerjasama dengan semua agensi kerajaan bagi menawarkan Kuarters Guru yang kosong kepada kementerian dan agensi yang berminat. Data sehingga 15 Oktober 2021 menunjukkan sebanyak 352 unit Kuarters Guru dihuni oleh kakitangan selain daripada KPM seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Selain itu, dari tahun 2011 sehingga tahun 2021, KPM juga telah menyewakan sebanyak 566 unit Kuarters Guru yang kosong kepada pihak agensi awam dan swasta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 478 unit disewakan kepada universiti awam dan swasta. Manakala 88 buah unit disewakan kepada syarikat swasta. Kuarters Guru yang disewa ini adalah untuk penginapan pelajar dan pekerja.

Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris mencadangkan agar Makmal Komputer Sekolah dinaiktarafkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM akan menaiktarafkan peralatan teknologi maklumat dan telekomunikasi di Makmal Komputer Sekolah dengan menyediakan 75,354 unit komputer riba, 3,804 unit pencetak, 3,800 unit projektor, dan 3,228 unit pengecas bagi keperluan pengajaran dan pembelajaran di Makmal Komputer Sekolah termasuk bagi menggantikan peralatan yang telah usang. Peralatan ini dijangka akan diedarkan bermula Mac 2022...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

Dato' Dr. Mah Hang Soon: Ya. Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai tentang kos penyediaan Rancangan Makanan Tambahan, KPM mengambil maklum bahawa jumlah RM2.50 agak rendah dengan mengambil kira kos bahan mentah semasa serta menu RMT yang perlu disediakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, perkara ini sedang dibincangkan pada peringkat kementerian bersama agensi pusat untuk melihat apakah pendekatan yang paling sesuai bagi membolehkan KPM memberikan yang terbaik kepada penerima bantuan ini.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan, Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin, Senator Dato' Ahmad bin Yahaya dan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri menyentuh tentang isu buli di sekolah.

KPM sentiasa memandang serius isu buli yang melibatkan murid sekolah bahawa KPM akan sentiasa mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya. Mengambil kira bahawa isu buli ini telah berlarutan sekian lama, KPM sedang merangka satu- rangka menyeluruh bagi membanteras buli di sekolah termasuk dalam kalangan murid asrama.

■1550

Kerangka baharu ini melibatkan pengukuhan dan penambahbaikan kepada pendekatan sedia ada dengan tumpuan kepada empat- komponen utama iaitu penyedaran, pelaporan, penghukuman dan pemantauan.

Dalam konteks penyedaran, KPM akan memperkenalkan konsep 'Sekolahku Sejahtera'. Penekanan ini bertujuan memupuk dan menerapkan nilai-nilai penting kehidupan dalam kalangan warga sekolah termasuk murid. Nilai-nilai yang diterap dan dididik oleh guru secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti kurikulum mahupun ko-kurikulum. Ini bagi memastikan murid dapat benar-benar menghayatinya, seterusnya menjadi sebahagian daripada amalan dalam hidup mereka sama ada di sekolah ataupun di luar sekolah. Penerapan elemen selamat, sihat, seronok, empati, jati diri, adab sopan, harmoni dan rasional dalam kalangan warga sekolah akan dapat membentuk keperibadian murid yang menyedari bahawa buli perlu dibanteras sepenuhnya.

Dalam konteks pelaporan, KPM telah menyediakan saluran pelaporan bagi membolehkan pihak sekolah melaporkan kes buli kepada kementerian.

Berhubung dengan penghukuman di peringkat sekolah, KPM mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8/2010 yang menyentuh tentang hukuman terhadap pelaku buli di sekolah atau di asrama.

Bagi aspek pemantauan pula pada masa ini, pemantauan di sekolah dilaksanakan oleh pentadbir, guru dan warden yang terdiri daripada kalangan guru. KPM menyedari bahawa komponen pemantauan ini perlu terus diperkukuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan oleh kekangan masa, soalan-soalan yang tidak sempat saya jawab, akan saya salurkan secara bertulis. Di sini saya ingin sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah dan diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab bagi pihak kementerian beliau.

Saya jemput Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

3.52 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan “Terima Kasih Keluarga Agro”, kepada semua peladang, penternak dan nelayan di Malaysia sempena penganjuran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2021 yang akan bermula pada 21 hingga 23 Disember dan akan dimaklumkan tarikh yang baru iaitu di WTC, Kuala Lumpur. Tema ‘Terima Kasih Keluarga Agro’ diangkat bagi merakamkan penghargaan MAFI terhadap perjuangan semua peladang, penternak dan nelayan sebagai *frontliner* ekonomi terutamanya sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

Terhadap 9 orang Ahli Yang Berhormat Senator Dewan Negara yang telah menyentuh perkara di bawah bidang kuasa MAFI dalam sesi perbahasan belanjawan kali ini yang telah berlangsung dari 14 hingga 16 Disember 2021 merangkumi empat isu utama yang akan saya jawab satu demi satu.

Isu yang pertama iaitulah isu kenaikan harga dan import makanan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya, Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, Yang Berhormat Senator Dato’ Haji Jefridin bin Haji Atan dan Yang Berhormat Senator Dato’ Juhannis binti Abd Aziz.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil tindakan secara kolektif bagi menangani isu berkaitan harga ayam, sayur dan juga baja serta racun pertanian dengan penubuhan *task force* rentas kementerian membabitkan KPDNHEP, MoF dan juga MAFI.

Pada masa ini, harga ayam di beberapa buah negeri telah pun menunjukkan trend penurunan. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan harga merupakan jumlah jualan di peringkat runcit yang merosot ketika harga ayam mencecah RM10 per kilogram menyebabkan terjadinya pembetulan harga. Saya percaya, isu kenaikan harga makanan akan turut dijawab oleh KPDNHEP dengan lebih tuntas apabila tiba giliran kementerian tersebut nanti.

Dengan pulihnya pengeluaran di negara pengeksport kepada kapasiti asal bagi sebatian bahan kimia yang digunakan untuk penghasilan baja dan racun, dijangkakan harga baja dan racun juga akan mengalami pembetulan pada suku pertama tahun hadapan.

Dana sebanyak RM200 juta sebagai pinjaman agromakanan pada kadar faedah sifar peratus di samping moratorium bayaran balik pinjaman selama enam bulan di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) dan Agrobank bagi manfaat pengusaha tanaman yang terkesan. Kerajaan juga akan menambah peruntukan tambahan sebanyak RM62 juta melalui Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) bagi subsidi dan insentif padi di bawah Bajet 2022 yang berjumlah keseluruhannya ialah RM1.5 bilion.

Keputusan kerajaan untuk mengeluarkan AP bagi mengimport masuk ayam bulat dari luar negara mendapat reaksi bercampur daripada khalayak ramai. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan rakyat Malaysia bagi daging ayam adalah dua juta ekor sehari, sedangkan jumlah kelulusan AP yang akan MAFI mengeluarkan sehingga Februari 2022 puratanya 62 ribu ekor sehari. Yakni bersamaan 3.1 peratus sahaja daripada jumlah penggunaan harian semasa. Sehubungan dengan itu, adalah kurang tepat untuk mengatakan langkah membenarkan import sementara ayam bulat ini akan membunuh penternak kecil terutamanya bumiputera...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada ayam yang tidak bulat kah?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh: “Ayam bulat” ayam yang belum di proses, dipanggil. Itu istilah dia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya lah, sebab bulat ini macam-macam.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh: Ya, macam-macam bulat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Tidak masuk dalam masa ya yang itu.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh: Nama orang pun ada- Bulat... *[Ketawa]* Okey pengeluaran AP ayam bulat tidak bersifat kekal. Sebaliknya hanya sementara menunggu bekalan ayam kembali stabil dengan harga yang tidak membebaskan pengguna.

Satu lagi isu berkenaan kebenaran import ayam bulat yang dimomokkan kepada pengguna Muslim terutamanya status halal ayam tersebut. Masyarakat Islam tidak perlu bimbang kerana kelulusan ayam yang hendak diimport telah disemak dan diteliti oleh DVS yang mengesahkan semua loji pemprosesan di negara pengeksport adalah sah halal dan diiktiraf oleh JAKIM. MAFI melahirkan rasa kesal apabila ada pihak tanpa usul periksa, menyebarkan berita tidak benar tentang status halal ayam-ayam berkenaan.

Pihak JAKIM memaklumkan bahawa pihaknya akan menegur individu yang menghasilkan kandungan media sosial yang menakutkan umat Islam mengenai status kehalalan ayam import tersebut.

Seterusnya, isu dakwaan monopoli AP oleh beberapa buah syarikat tertentu yang mengakibatkan harga makanan import menjadi mahal. Sebenarnya suka saya jelaskan, MAFI hanya melaksanakan kawalan kuota import *Approved Permit* (AP) ke atas keluaran pertanian terpilih sahaja iaitu kelapa biji tua, kubis bulat, susu cair, keratan ayam dan beras sahaja.

Pada masa yang sama, pelaksanaan AP sebenarnya dapat menghalang berlakunya lambakan keluaran pertanian terpilih tersebut di pasaran yang boleh menjejaskan daya saing dan pengeluaran pertanian dan pengilangan tempatan. Pengimportan produk-produk hasil ternakan seperti daging lembu, kerbau, kambing dan beribiri serta haiwan hidup telah diliberalisasikan di mana semua syarikat pengimport yang berdaftar, diberikan peluang untuk mengimport produk tanpa had dari luar negara dan loji atau ladang yang telah menjalani pengauditan dan diluluskan oleh Kerajaan Malaysia termasuk mendapat pengesahan halal daripada pihak JAKIM.

■1600

Tiada isu monopoli import oleh mana-mana syarikat kerana MAFI sentiasa terbuka kepada permohonan daripada mana-mana syarikat yang menepati kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Permohonan kuota import dinilai daripada aspek kelayakan syarikat pemohon berdasarkan kriteria yang ditetapkan seperti kapasiti pengeluaran melalui bilangan kelengkapan dan mesin pemproses yang beroperasi bagi memastikan objektif supaya bekalan mencukupi dan tidak berlaku lambakan pertimbangan. Permohonan juga diberikan kepada anggaran tahunan permintaan serta pengeluaran tempatan.

Isu yang kedua Tuan Yang di-Pertua iaitulah dasar dan program berkaitan sekuriti makanan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz, Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili. Menjawab pertanyaan beberapa Ahli Yang Berhormat yang memohon penjelasan mengapa kedudukan Malaysia dalam *Global Food Security Index* (GFSI) yang dikeluarkan oleh *The Economist Intelligence Unit* (EIU) menurun daripada kedudukan 28 pada tahun 2019 kepada kedudukan 43 pada tahun 2020.

Suka saya jelaskan bahawa kedudukan GFSI bagi Malaysia sebenarnya telah disemak semula dan diletakkan pada kedudukan 44 berdasarkan kepada pembetulan markah terhadap indeks tersebut setelah kategori *Natural Resources and Resilience* berdasarkan kepada pembentukan markah dan dijadikan faktor pengubahan. Ini bermakna kedudukan GFSI 2020 Malaysia satu- anak tangga, lebih tinggi berbanding tahun 2019.

Malahan, kajian Prestasi Sekuriti Makanan Negara melalui GFSI 2021 menunjukkan Malaysia di kedudukan 39 dalam kalangan 113 buah negara seluruh dunia. Ini bermakna Malaysia menunjukkan peningkatan sebanyak sembilan- anak tangga, berbanding tahun 2020 setelah mengambil kira pembetulan GFSI 2020 yang meletakkan Malaysia di kedudukan ke-48 pula.

Seterusnya, pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai Perbelanjaan Tabung Jaminan Bekalan Makanan. Dimaklumkan sehingga 30 November 2021, prestasi yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- (i) PRE 2020 99.23 peratus atau RM49.62 juta daripada RM50 juta;
- (ii) PRIHATIN 8.07 peratus atau RM167.33 juta daripada RM190 juta; dan
- (iii) PENJANA 100 peratus atau RM227.3 juta daripada RM227.3 juta.

Terdapat juga Ahli Yang Berhormat yang berminat untuk mengetahui perkembangan terkini hala tuju Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Aspirasi program TKPM sejak pelancarannya pada tahun 2000 adalah bertujuan untuk mewujudkan kawasan pengeluaran makanan kekal berskala besar dan komersial yang melibatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pengusaha untuk meningkatkan pengeluaran tanaman makanan yang selamat dan berkualiti.

TKPM juga telah menyaksikan peningkatan produktiviti pengeluaran daripada tujuh metrik tan per hektar tahun 2001 kepada 13 metrik tan per hektar tahun 2020. Pada masa kini lebih 60 peratus daripada peserta TKPM berjaya memperoleh pendapatan RM3,000 ke atas sepanjang tempah RMKe-12. Kerajaan bercadang untuk menambah lapan lagi TKPM yang baru.

Melalui Dasar Agromakanan Negara 2.0 di bawah Teras Dasar yang pertama mendukung pemodenan dan pertanian pintar MAFI akan meneroka kerjasama dengan syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi bagi menyelesaikan masalah capaian internet di bawah TKPM supaya sistem pengurusan ladang sedia ada boleh dinaiktarafkan kepada *SMART Management System* menggunakan aplikasi IoT penglibatan syarikat pelaksana sebagai penyedia teknologi, pemasaran produk pertanian dan pemprosesan adalah sangat dialu-alukan.

Sebagai makluman Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili, *AgroFood facility* layak untuk dimanfaatkan oleh semua PMKS pertanian Malaysia termasuk di Sarawak yang memenuhi kriteria berikut:

- (i) berdaftar dengan SSM atau pejabat daerah jika di Sabah dan Sarawak atau badan bertauliah bagi penyedia perkhidmatan profesional;
- (ii) sekiranya sebahagian pemegang syer PMKS tersebut merupakan GLC, jumlahnya hendaklah tidak melebihi 20 peratus; dan
- (iii) sekurang-kurangnya 50 peratus daripada pemegang syer hendaklah warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia.

PMKS pertanian yang berminat untuk mendapatkan pembiayaan hendaklah memastikan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah pengeluaran dijual dalam pasaran tempatan. Bagi menyokong agenda Jaminan Bekalan Makanan Negara bagi sebarang pertanyaan, pemohon boleh terus menghubungi mana-mana cawangan Agrobank yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketiga iaitulah berkaitan sektor padi dan beras. MAFI menghargai teguran beberapa Ahli Yang Berhormat iaitulah Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz dan Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Yahaya. Ahli Yang Berhormat, untuk makluman terdapat kelemahan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB). Program SMART SBB merupakan hala tuju baharu MAFI dalam menyatukan tanah sawah secara pertanian kontrak atau sewaan melalui satu sistem pengurusan bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil selepas tuai. Penambahbaikan kepada SMART SBB akan dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan penilaian prestasi tahunan dan maklum balas peserta serta syarikat peneraju. Namun, masalah-masalah yang berlaku MAFI melihat ia akan dapat diselesaikan satu demi satu secara berhemat.

Selain program SMART SBB beberapa program lain juga turut diberi keutamaan seperti pengurusan nutrien dan pembajaan secara lokasi spesifik, penambahbaikan sistem pengedaran benih padi yang sah dan menggalakkan penyertaan pemain industri ke dalam program dan projek MAFI. Semua ini dilakukan bagi mengatasi masalah harga dan bekalan benih serta baja yang dihadapi pesawah saban tahun sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ketika perbahasan.

Saya kira ada sedikit baki lagi iaitulah isu yang keempat berkaitan sektor tanaman dan perikanan. Saya akan edarkan jawapan secara bertulis. Terima kasih kepada semua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh selaku Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya saya menjemput Kementerian Alam Sekitar dan Air.

4.09 ptg.

Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Mansor bin Othman]: Saya memohon izin membuka pelitup muka Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Waalikumussalam.*

■1610

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air sepanjang tempoh Usul Rang Undang-undang Perbekalan 2022 dalam sesi kali ini. Seramai lima orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan isu berkenaan pengurusan banjir dan perubahan iklim.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris membangkitkan tentang Program Denai Sungai Kebangsaan serta pelaksanaan di negeri Terengganu. Kementerian Alam Sekitar dan Air melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah memperkenalkan program pembangunan Denai Sungai Kebangsaan (DSK) yang merupakan salah satu pendekatan yang solusi berteraskan alam semula jadi iaitu MBS bagi memelihara alam sekitar seperti masalah pembuangan sampah secara haram. Program DSK ini berperanan meningkatkan cakna masyarakat terhadap keindahan sungai dan meramaikan pengunjung ke tepian sungai untuk riadah.

KASA menyasarkan pembinaan denai sepanjang 10 ribu kilometer pada tahun 2030. KASA telah mengenal pasti dua buah lokasi di negeri Terengganu untuk fasa permulaan bagi program Bina Sungai yang akan dilaksanakan pada tahun 2022 yang melibatkan Sungai Marang dan Sungai Jertih berjumlah RM300 ribu di bawah butiran projek berskala kecil di bawah inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA). Perancangan seterusnya, KASA akan mengembangkan program ini bagi sungai-sungai lain di negeri Terengganu bagi masa akan datang. Semoga dengan inisiatif ini, sungai-sungai ini akan dapat dipelihara dan membantu daripada aspek ekonomi, pelancongan dan peningkatan sosioekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah membangkitkan isu berkenaan masalah banjir di beberapa buah kawasan di Negeri Sembilan terutamanya di Lembangan Sungai Linggi. KASA juga mengambil berat dan peduli akan masalah banjir yang berlaku di beberapa buah kawasan Negeri Sembilan. Bagi penyelesaian jangka pendek, KASA melalui JPS pada tahun 2021 telah melaksanakan projek-projek penyelenggaraan 70 unit kolam takungan dengan kos berjumlah RM2.99 juta di seluruh Negeri Sembilan.

Melalui program pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir pelbagai negeri, skop kerja yang terlibat di bawah program ini merupakan kerja pengorekan sungai, muara sungai, pembinaan struktur hakisan tebing sungai, membuang kelodak, sampah, sisa pepejal, menaik taraf dan menyelenggarakan aset ataupun struktur kawalan banjir. Di bawah program ini, KASA membantu kerajaan negeri dengan menyalurkan peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja untuk mengurangkan risiko banjir di seluruh negara. Pada tahun 2021, sebanyak RM1.07 juta diperuntukkan bagi Negeri Sembilan untuk melaksanakan lima kerja di Lembangan Sungai Linggi yang melibatkan kos sebanyak RM358,270.60.

Manakala di bawah butiran Projek Berskala Kecil di bawah inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir, sebanyak RM2.235 juta telah diperuntukkan bagi Negeri Sembilan pada tahun 2021 bagi melaksanakan tiga kerja di Lembangan Sungai Linggi yang melibatkan kos sebanyak RM236 ribu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, di bawah RMKe-12 bagi projek pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir, diluluskan mengikut negeri di bawah Butiran 15200 dan melalui projek pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir RMKe-12 ini di Negeri Sembilan, sebanyak RM8.5 juta diperuntukkan pada tahun 2022. Melalui butiran ini, KASA memberi perhatian secara khusus sebagai langkah mitigasi jangka pendek. Skop kerja yang terlibat di bawah projek ini merupakan kerja pengaliran sungai, kerja-kerja menstabilkan tebing sungai, menaik taraf aset tak alih dan menaik taraf saluran dan struktur berkaitan bagi meningkatkan kualiti air sungai.

Manakala bagi penyelesaian jangka masa panjang pula, antara perancangan dan tindakan KASA adalah seperti berikut:

- (i) kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) Seremban dan Port Dickson, Negeri Sembilan telah diluluskan dalam RMKe-12 dengan kos berjumlah RM3.24 juta;
- (ii) KASA telah mewujudkan solusi jangka panjang untuk mengatasi masalah limpahan Sungai Linggi dengan pelaksanaan projek RTB Sungai Linggi telah dilaksanakan secara berfasa. RTB Sungai Linggi fasa satu hingga fasa tiga telah siap sepenuhnya pada tahun 2016 dengan kos keseluruhan sebanyak RM83.8 juta. Manakala fasa empat masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap pada tahun 2022 dengan kos projek berjumlah RM70 juta; dan
- (iii) JPS akan memohon peruntukan bagi projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Linggi fasa lima dalam *Rolling Plan* Ketiga, RMKe-12. Selain itu, model ramalan banjir bagi Lembangan Sungai Linggi terletak di bawah perancangan program Ramalan Dan Amaran Banjir fasa dua akan dibangunkan pada penghujung tahun 2022, dijangka siap pada tahun 2024.

Manakala bagi pelaksanaan tugas-tugas pemantauan berkala terhadap kerja-kerja pembinaan atau penstrukturan semula Empangan Sungai Linggi sekiranya ia akan dibuat pada tahun hadapan, adalah tertakluk kepada pemilik Empangan Sungai Linggi atau loji rawatan air tersebut iaitu Syarikat Air Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose membangkitkan isu berkenaan masalah banjir yang berlaku berdekatan Projek Lebuhraya Pan Borneo serta isu mengenai pelaksanaan projek pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Moyog.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, mengenai isu banjir yang melanda kampung-kampung berhampiran Projek Lebuhraya Pan Borneo, KASA akan susuli tindakan bersama dengan Kementerian Kerja Raya bagi lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti mempunyai risiko banjir.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian memandang serius kejadian banjir yang berlaku di kawasan Penampang. Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi masalah banjir jangka panjang di kawasan Penampang, JPS telah mencadangkan penyelesaian secara menyeluruh dengan melaksanakan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Moyog yang merangkumi pelaksanaan projek secara empat buah pakej. PLSB Sungai Moyog pakej satu dan pakej tiga- sedang dilaksanakan di tapak dan dijangka akan disiapkan pada tahun 2023. Manakala projek pakej dua telah di tender pada 17 November tahun 2021 dan pembinaan fizikal dijangka akan dimulakan pada tahun 2022.

Kementerian akan memohon kelulusan pelaksanaan projek empat, dalam permohonan projek *Rolling Plan* Ketiga, RMKe-12 untuk pertimbangan dan kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Bagi penyelesaian banjir jangka pendek, kerajaan melalui JPS Negeri Sabah akan mempertingkatkan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Penampang seperti kerja-kerja penyelenggaraan parit utama, parit monsun dan sungai. Kerja-kerja pembersihan dan pengorekan parit dilaksanakan setiap tiga bulan. Manakala penyelenggaraan sungai dilaksanakan sekali setahun.

Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz membangkitkan isu berkenaan masalah banjir yang berlaku di Lembangan Sungai Kedah serta pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Temin, Sungai Bata dan RTB Sungai Kedah, Anak Bukit. Menjawab soalan Yang Berhormat Senator, berkenaan dengan Projek Tebatan Banjir, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Temin, Sungai Bata adalah dalam perancangan kementerian.

■1620

Projek ini telah dimohon melalui *Rolling Plan* Pertama, dan *Rolling Plan* Kedua, dalam RMKe-12, namun tidak diluluskan. Kementerian akan meneruskan permohonan ini di RP3, RMKe-12 kelak.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, jambatan yang dimaksudkan ada di dalam skop projek RTB Sungai Kedah Anak Bukit yang sedang dilaksanakan. Mengikut tentatif, dijangka siap kementerian, melalui Jabatan Pengairan dan Saliran, projek ini akan siap pada tahun 2023. Masalah banjir di kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat seharusnya dapat diatasi apabila semua komponen projek siap dilaksanakan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin memohon maklumat mengenai Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS 2.0), Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA) dan juga Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pembiayaan Teknologi Hijau versi 2.0 telah dilaksanakan oleh agensi kementerian iaitu *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) dari tahun 2019, hingga 31 Disember 2020, sebagai kesinambungan daripada pelaksanaan Skim GTFS versi 1.0.

Di bawah skim pembiayaan tersebut, dengan peruntukan berjumlah RM2 bilion, sebanyak 109 projek teknologi hijau yang sedang dilaksanakan dengan kos berjumlah RM1.58 bilion dan projek teknologi hijau tersebut merangkumi enam sektor iaitu:

- (i) sektor tenaga;
- (ii) pembuatan;
- (iii) pengangkutan;
- (iv) bangunan;
- (v) sisa; dan
- (vi) air.

Selain itu, sebanyak 744 projek dan 50- aset yang berdaftar di bawah Skim Elaun Cukai Pelaburan Hijau ataupun *Green Investment Tax Allowances* telah merekodkan pelaburan hijau berjumlah RM4.81 bilion dan pelaksanaan daripada projek teknologi hijau di bawah skim tersebut juga telah mewujudkan peluang pekerjaan hijau sebanyak 3,244 orang pekerja. Sebanyak 36-penyedia perkhidmatan telah diberikan insentif Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau atau *Green Income Tax Exemption* yang berdaftar menerusi skim pengiktirafan MyHIJAU Mark.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sekali lagi saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan KASA. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mansor bin Othman, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air atas jawapan yang telah diberikan. Seterusnya, saya menjemput Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Memandangkan Kementerian ini telah bertukar giliran dengan Kementerian Dalam Negeri, maka *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Dalam Negeri seperti mana yang tertera di nombor 14 dalam senarai kementerian menjawab. Dipersilakan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Masa diberi 15 minit. Terima kasih.

4.23 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan bidang kuasa di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022.

Insya-Allah dengan segala cadangan, pandangan dan teguran oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator amat kita hargai dan akan diberi perhatian yang sewajarnya. Sebagaimana yang Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, bagi tahun 2022 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diperuntukkan sebanyak RM2.68 bilion di mana daripada jumlah ini, sebanyak RM2.5 bilion adalah di bawah peruntukan mengurus manakala RM175.42 juta di bawah peruntukan pembangunan. Malah daripada jumlah tersebut, kementerian juga turut mendapat pertambahan peruntukan sebanyak RM116.82 juta iaitu pertambahan sebanyak 4.56 peratus.

Selepas dua tahun mengharungi kesukaran akibat pandemik COVID-19, rakyat memerlukan bantuan dan sokongan, kerajaan juga bangkit semula. *Alhamdulillah*, dalam Bajet 2022 merupakan bajet yang sangat prihatin terhadap kebajikan rakyat terutama yang memerlukan bantuan selari dengan tema iaitu 'Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera'. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan dan atas keprihatinan untuk menambah baik bantuan dan peruntukan khususnya keperluan kumpulan sasar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbesar hati mendengar soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan saya cuba menjawab sebaik mungkin untuk pencerahan Yang Berhormat dan mana-mana yang tidak sempat saya jawab kerana kekangan masa, saya akan menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, memahami rakyat terpaksa bergelut dengan situasi ekonomi yang getir hari ini, kementerian telah mengkhususkan sejumlah 71 peratus atau RM1.772 bilion daripada jumlah peruntukan RM2.5 bilion- Belanja Mengurus kepada bantuan kebajikan bagi membantu mereka yang memerlukan untuk meneruskan kelangsungan hidup. Daripada RM1.772 bilion ini, bantuan untuk warga emas merupakan bantuan yang paling tinggi iaitu melibatkan kos RM607.2 juta diikuti dengan elaun pekerja OKU iaitu sebanyak RM434.5 juta dan diikuti dengan bantuan-bantuan lain yang telah disediakan.

Dalam Belanjawan 2022 juga, kerajaan telah memutuskan untuk menaikkan Pendapatan Garis Kemiskinan 2016, RM980 sebulan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan 2019 iaitu RM1,169 yang melibatkan kenaikan tambahan kos RM200 juta.

Bagi program pembangunan komuniti pula, bayaran sagu hati Program Khidmat Bantu di Rumah bagi OKU dan warga emas dinaikkan sebanyak RM12.31 juta iaitu RM17.8 juta bagi tahun 2022 berbanding dengan RM5.49 juta pada tahun 2021. Kenaikan ini bagi menampung kos sagu hati kepada sukarelawan Khidmat Bantu di Rumah daripada RM150 kepada RM400 sebulan bagi sekali lawatan untuk empat orang klien dengan kekerapan empat kali sebulan bagi setiap minggu serta sagu hati buah tangan kepada klien dalam bentuk barangan keperluan kepada klien daripada RM30 sebulan kepada RM80 sebulan.

Di samping itu, kerajaan tidak pernah melupakan sumbangan petugas-petugas kebajikan kepada masyarakat. Buktinya kerajaan telah bersetuju untuk memberikan bayaran insentif sebanyak RM200 bagi penjagaan warga emas, orang kurang upaya dan orang papa yang bertugas di 24 buah institusi kebajikan di bawah JKM. Insentif kepada Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred 19 dan Pembantu Perawatan Kebajikan Gred U11 dan U14 membabitkan implikasi kewangan sebanyak RM2.43 juta dan dijangka akan memberi manfaat kepada 1,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persiapan negara menghadapi negara tua 2030, kerajaan telah memulakan langkah awal dengan meletakkan kebajikan dan kepentingan warga emas sebagai keutamaan.

Sebagai sokongan berterusan kepada warga emas, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM635 juta untuk perbelanjaan bantuan kebajikan, institusi penjagaan dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM607 juta diperuntukkan untuk Bantuan Psikososial Ekonomi melibatkan seramai 140 ribu orang penerima. Sebanyak RM870 ribu wang saku diberikan kepada warga emas melibatkan 2,400 orang penghuni di 18 buah institusi penjagaan warga emas, RM19 juta juga diperuntukkan bagi geran operasi melibatkan sebanyak 275 NGO terutama institusi penjagaan warga emas. RM9 juta lagi diperuntukkan bagi memperkukuhkan 153 buah PAWE melibatkan peruntukan sebanyak RM7.9 juta dan RM1.1 juta untuk pengoperasian sembilan buah Unit Penyayang Warga Emas.

■1630

Pada masa yang sama, peruntukan PAWE juga dinaikkan sebanyak RM3 juta menjadikan RM7.9 juta bagi tahun 2022 berbanding dengan RM4.9 juta pada tahun 2021. Jadi, sehubungan dengan itu, saya ingin mengalu-alukan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator supaya mengambil perhatian di bahagian kawasan masing-masing supaya mengambil peluang ini untuk mewujudkan pusat aktiviti warga emas di setiap Parlimen.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Senator, bantuan kewangan, pengoperasian PAWE telah berjaya kita naikkan selepas 20 tahun iaitu daripada geran RM33,330 kepada RM50 ribu setahun bagi tahun 2022. Bantuan ini adalah amat diperlukan bagi mengaktifkan dan memperbanyakkan lagi aktiviti PAWE termasuk bayaran tenaga kerja elaun sukarela, pengoperasian dan program-program yang bersesuaian untuk warga emas.

Jika sebelum ini elaun penyelia adalah hanya kadar RM650 sahaja sebulan, bagi tahun 2022, elaun penyelia telah dinaikkan daripada RM1,100 iaitu peningkatan sebanyak RM450. Manakala bayaran elaun pembantu penyelia pula dinaikkan sebanyak RM200 menjadikan RM650 berbanding dengan RM400 sebelum ini selain daripada peruntukan bayaran sewa sebanyak RM3,000 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kita sangat prihatin tentang kebajikan OKU. Dalam Bajet 2022, di mana bajet yang mesra OKU di mana kita berterima kasih dan berbesar hati, bersyukur kerana kerajaan telah meluluskan RM105.16 juta kepada sahabat OKU untuk mengikuti latihan dan Pemulihan Dalam Komuniti iaitu PDK. Kerajaan juga telah menaikkan kadar bantuan OKU tidak berupaya bekerja daripada RM250 kepada RM300, bantuan penjaga pesakit terlantar dinaikkan daripada RM350 kepada RM500, elaun pekerja OKU dinaikkan daripada RM400 kepada RM450, sugu hati petugas Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dinaikkan daripada RM800 kepada RM1,200 dan sugu hati penyelia PDK dinaikkan daripada RM1,200 kepada RM1,500, *alhamdulillah*.

Begitu juga tentang program yang berkaitan dengan kanak-kanak dan keluarga. Kita sangat berterima kasih atas keprihatinan di mana kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM11 juta untuk penyediaan subsidi ujian mamogram dan saringan kanser serviks yang bakal memberi manfaat kepada 48 ribu- keluarga yang berisiko. Saya pasti peruntukan ini akan melegakan kaum wanita terutama golongan yang berisiko. Ia boleh mengurangkan beban golongan kurang berkemampuan dalam pengesanan awal kanser payudara dan kanser serviks.

Kerajaan juga memperuntukkan RM30 juta untuk penubuhan pengoperasian taska dan penyelenggaraan taska di tempat kerja. Inisiatif ini menunjukkan kerajaan sangat komited untuk meringankan beban wanita bekerja dan menggalakkan mereka menghantar anak-anak ke taska yang berdaftar dengan JKM. Kita juga tidak cukup dengan satu-satu berita baik juga di mana kerajaan telah mengubah syarat dengan membenarkan taska beroperasi di lokasi atas daripada aras satu atas kelulusan agensi teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi berkaitan dengan hak OKU, kementerian sangat serius dan amat mengutuk perbuatan segelintir ahli masyarakat yang mempersendakan dan berpura-pura sebagai OKU yang bertujuan menyalahgunakan hak OKU untuk kepentingan diri sendiri.

Jadi, masyarakat sivil harus sedar dan sikap positif hendaklah ditanam dalam masyarakat. Pihak kementerian sangat berterima kasih kepada komuniti OKU yang diketuai oleh Yang Berhormat Senator juga dalam Dewan ini yang terus peka dalam situasi yang berlaku. Beberapa laporan polis juga telah dibuat menggambarkan tindakan proaktif mereka dalam menyokong dan mendukung perkara tersebut.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, usaha menyemak semula Akta OKU 2008- sedang giat dijalankan oleh kementerian melalui penubuhan pasukan projek khas yang merangkumi keahlian wakil daripada pelbagai badan bukan kerajaan termasuk juga badan profesional, akademik, kementerian dan agensi yang terlibat.

Seterusnya saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff iaitu tentang isu kebajikan pembelian peralatan perubatan. Bantuan kebajikan pembelian perubatan untuk bantuan sara hidup khas diberi kepada pesakit ataupun OKU di mana Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan alat tiruan dan sokongan kepada OKU dan pesakit melarat yang memerlukan dengan syarat seperti berikut iaitu warganegara Malaysia, kumpulan sasaran JKM, tidak melebihi pendapatan dan garis kemiskinan yang telah ditetapkan oleh kerajaan, disyorkan oleh pegawai dan pegawai perubatan kerajaan. Mana-mana kes yang berkeperluan hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia.

Berdasarkan statistik JKM pada tahun 2021, terdapat 922 orang penerima dan dengan peruntukan yang dibelanjakan sebanyak RM2.2 juta dan manakala bagi penjaga iaitu JKM juga telah menyediakan bantuan penjagaan pesakit kronik terlantar yang bertujuan meringankan beban keluarga kepada yang ada ahli keluarga yang terlantar. Jadi berdasarkan statistik JKM, seramai 25,775 orang penerima dengan peruntukan RM134 juta telah disalurkan.

Menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah berkaitan dengan program inisiatif memperkasakan golongan B40 dan sokongan kaunseling akibat daripada COVID-19. Terima kasih Yang Berhormat kerana membangkitkan isu ini. Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan kepada kumpulan sasaran jabatan dan mereka yang memerlukan terdiri daripada kumpulan B40 dan berpendapatan kurang dengan julat RM4,850.

Berdasarkan statistik JKM terkini, seramai 515,581 orang penerima bantuan dengan peruntukan yang disalurkan sebanyak RM2.4 bilion. *Insyah-Allah* pada tahun hadapan kita akan menggunakan PGK baharu iaitu RM1,169 bagi kelayakan bantuan JKM. Dianggarkan dengan kenaikan PGK baharu ini, sejumlah 20 ribu kes hingga 30 ribu kes baharu akan dapat manfaat daripada perubahan PGK yang baharu ini.

Seterusnya saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin iaitu tentang bantuan dan juga berkaitan dengan kajian semula syarat bantuan JKM.

Untuk makluman Yang Berhormat, JKM telah menyediakan Skim Bantuan Penjagaan Pesakit. Minta maaf Yang Berhormat, saya kira mana-mana yang tidak ada dalam Dewan ini saya *skip* sebab masa tidak mencukupi. Jadi, saya habiskan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat di mana pada tahun lepas kerajaan telah berbelanja di mana sebanyak RM134 juta diperuntukkan dan yang mendapat manfaat sebanyak 25,775 orang penerima.

Seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan dengan soalan yang berkaitan dengan kemiskinan haid, Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek. Ada ya? Ada, saya minta maaf tidak perasan tadi. Berkaitan dengan kebersihan kit, iaitu kebersihan diri wanita. *Alhamdulillah*, kita dalam pengumuman bajet yang lalu kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membantu golongan ini yang memerlukan dan program ini melibatkan pemberian kit kebersihan tuala wanita yang melibatkan sasaran kita 130 ribu remaja wanita yang berumur 13 tahun hingga 17 tahun di kalangan B40 yang melibatkan 1,105 buah sekolah menengah terpilih di seluruh negara.

Program ini kita laksanakan di bawah LPPKN. *Insyah-Allah* program ini kita laksanakan dengan pemberian kit kebersihan kepada golongan ini dan bukan setakat itu sahaja kita mengadakan program-program motivasi untuk kesedaran mereka. Kesedaran supaya mereka mempunyai kesedaran terutama tentang kebersihan diri dan penjagaan diri.

Seterusnya dan akhirnya, masa tidak mengizinkan. Saya ingin menjawab soalan yang berkaitan dengan Skuad Wanita Bangkit ataupun Wanita Waja yang dibangkitkan yang mana daripada soalan ini daripada Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek yang bertanya tentang Skuad Waja. Skuad Waja untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini jumlah Skuad Waja yang berdaftar dengan kita sehingga 16 Disember 2021 iaitu seramai 106,643 orang ahli Skuad Waja yang telah dilatih menggunakan modul Skuad Waja yang telah dibangunkan sendiri oleh Jabatan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Institut Sosial Malaysia.

Banyak program yang kita laksanakan di bawah Skuad Waja ini terutama untuk memberi pengetahuan, kesedaran tentang ilmu berkaitan literasi undang-undang, informasi jenayah yang berlaku, begitu juga tentang peranan gender, isu berkaitan dengan anti pemerdagangan orang, gangguan seksual, jenayah siber, keldai dadah, rogol, cabul, keganasan rumah tangga dan banyak lagi isu.

Kita ada penambahbaikan lagi modul-modul yang dilaksanakan termasuk juga modul kerohanian. Jadi *insyah-Allah*, untuk perancangan tahun 2022, ahli Skuad WAJA yang sedia ada akan diberi pelbagai latihan sebagai pengukuhan terhadap modul-modul yang sedia ada akan ditambah baik lagi *insyah-Allah* untuk manfaat untuk turun ke daerah-daerah untuk menjalani program psikososial dalam komuniti.

■1640

Disebabkan masa tidak mengizinkan Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi persoalan yang tidak sempat dijawab, *insya-Allah* saya akan jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Masa yang diberi 15 minit. Terima kasih.

4.41 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Izinkan saya untuk menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana telah diizinkan untuk membahaskan ataupun menggulung Rang Undang-undang Perbekalan 2022 oleh Ahli Dewan yang mulia pada kali ini.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua anggota perkhidmatan awam yang terlibat secara langsung dan tidak langsung terutamanya pegawai dan kakitangan di KPDNHEP yang telah bertungkus lumus bagi memastikan penggubalan Bajet 2022 dan pembentangan RUU kali ini berjalan dengan baik sempurna, *insya-Allah*.

Di kesempatan ini juga, saya mewakili pihak KPDNHEP merakamkan rasa dukacita kepada rakyat Malaysia yang terkesan akibat musibah banjir yang melanda negara kita. Secara peribadi, saya juga amat bersimpati terhadap rakyat yang ditimpa bencana ini. Sehingga kini, kerajaan telah mengerakkan seluruh jentera bagi membantu dalam proses menyelamatkan serta menyalurkan bantuan segera bagi meringankan beban dan kesusahan rakyat yang terkesan kerana banjir.

Kepada rakyat Malaysia yang diuji dengan musibah ini, saya berharap agar patuhlah kepada arahan pihak berkuasa untuk pindah sekiranya diarahkan berpindah, jaga keselamatan diri dan keluarga serta jangan alpa dengan pematuhan SOP COVID-19. Sama-sama kita berdoa semoga semuanya dipermudahkan oleh Allah SWT, keadaan segera pulih dan kita dipelihara oleh Allah SWT dengan musibah ini. Bersabarlah dengan ujian ini kerana Allah SWT sentiasa bersama-sama dengan orang yang sabar. Sebagaimana Firman-Nya... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* "Tidak diuji seseorang itu kecuali apa yang mampu ditanggungnya".

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada Bajet 2022, KPDNHEP telah diperuntukkan sejumlah RM1.15 bilion iaitu peningkatan sebanyak 0.18 peratus berbanding pada tahun lepas, bagi meneruskan usaha-usaha memperkukuhkan perdagangan dalam negeri melalui penciptaan nilai dan pendigitalan adaptasi teknologi dan inovasi sebagai asas kecemerlangan organisasi selain meningkatkan perlakuan dan memperkasakan pengguna yang rasional. Di samping itu, beberapa peruntukan untuk program bersifat rakyat-*centric* ataupun berpaksikan rakyat, turut diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, antara program yang bersifat rakyat-*centric* atau berpaksikan rakyat, yang menyentuh, merasai, memahami denyut nadi rakyat ialah Program Pengedaran Barangan Keperluan Asas, LPG dan *Community Drumming* iaitu peruntukan sebanyak RM200 juta, Program Penstabilan Harga Minyak Masak dengan peruntukan sebanyak RM400 juta, Subsidi Tepung Gandum Kegunaan Am dengan peruntukan sebanyak RM40 juta dan juga Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan sebanyak RM40 juta.

Saya bersama-sama rakan-rakan pasukan di KPDNHEP sentiasa komited untuk memastikan manfaat program ini akan dioptimumkan dan sampai serta dinikmati kepada golongan sasaran dan golongan yang sepatutnya. Selain itu KPDNHEP juga memainkan peranan dalam memperkukuhkan pemulihan dan membina daya tahan ekonomi negara melalui pendekatan mencipta permintaan- *creating demand*, dengan izin, sekali gus menggerakkan aktiviti ekonomi domestik negara.

Usaha ini akan diperkasakan menerusi inisiatif dan program Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dengan peruntukan sebanyak RM20 juta dan juga pelaksanaan Program Jualan Malaysia (PJM) dengan peruntukan sebanyak RM10 juta. Adalah diharapkan semoga pelaksanaan kedua-dua aktiviti ini akan memberi nafas baharu kepada aktiviti ekonomi domestik melalui penciptaan permintaan, sekali gus memberi manfaat kepada peniaga-peniaga tempatan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang menyertai perbahasan pada kali ini. Terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan dan memberi cadangan, komen serta idea yang berkaitan dan di bawah bidang kuasa KPDNHEP.

Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili telah membangkitkan isu usaha kerajaan dalam memperkasakan persatuan pengguna dan gerakan pengguna di Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, dalam mendepani cabaran ekonomi masa kini, pihak KPDNHEP akan menumpukan usaha untuk mewujudkan pengguna pintar. Di mana ciri-ciri pengguna pintar ialah pengguna bijak dalam merancang pembelian, tahu hak-hak pengguna serta melaksanakan hak pengguna dan menyalurkan aduan di saluran yang betul.

Bagi mencapai matlamat ini, kerjasama erat semua pihak diperlukan termasuk daripada pihak persatuan pengguna. Untuk tahun 2022, pihak KPDNHEP telah diperuntukkan sebanyak RM1.3 juta untuk memperkasakan persatuan dan NGO pengguna serta melaksanakan aktiviti-aktiviti kepenggunaan seperti aktiviti meningkatkan pendayaan keupayaan pengguna dan program advokasi pengguna di peringkat setiap lapisan masyarakat.

Selain itu, terdapat Majlis Penasihat Pengguna Negara dan Majlis Gerakan Pengguna Kebangsaan yang menjadi titik pertemuan untuk berbincang dan mendapatkan pandangan berkaitan isu-isu gerakan kepenggunaan negara. Sepanjang perbahasan juga, terdapat beberapa isu berkaitan penguatkuasaan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz, Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Yahaya dan Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

Berhubung dengan isu keberadaan penguat kuasa di lapangan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz serta tindakan segera yang diambil ke atas aduan kenaikan harga sayur yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

Untuk makluman Dewan yang mulia, seramai 2,200 orang anggota penguat kuasa digerakkan untuk memantau keberadaan barangan keperluan asas pengguna di samping melakukan pemeriksaan sama ada secara rutin atau melalui operasi khas di lokasi tumpuan seperti pasar malam, premis borong dan juga peruncit di seluruh negara. Mana-mana peniaga yang cuba menyorok barang atau mengambil untung berlebihan, tindakan boleh diambil di bawah Akta Kawalan Bekalan 1976 dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk makluman, sepanjang melaksanakan Ops Pasar (Ops Sayur 2) 2021 bermula pada 27 November dan berakhir pada 12 Disember yang lalu, melibatkan sembilan jenis sayur iaitu sebanyak 289 Notis di bawah seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan telah dikeluarkan kepada peniaga. Saya juga merayu kepada pengguna untuk menyalurkan aduan mengikut saluran yang telah disediakan seperti Ez ADU ataupun *Hotline* 1800886800 dan nombor aduan *WhatsApp* 0192794317.

Berhubung dengan kenaikan harga barangan masa kini serta penetapan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Yahaya, pihak KPDNHEP mendapati wujud kenaikan kos di peringkat pengeluaran dan ia bersifat luar kawalan. Antaranya ialah gangguan rantaian bekalan kerana faktor cuaca dan bencana, kos penghantaran yang meningkat, kadar pertumbuhan yang lemah di negara pengeksporn, faktor tukaran wang asing dan permintaan yang melonjak apabila sektor ekonomi mula dibuka setelah hampir dua tahun berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

■1650

Apa yang cuba saya sampaikan adalah, berdasarkan laporan yang telah disebutkan sebentar tadi, isu kenaikan harga barang ini berlaku dan dirasakan di seluruh dunia dan faktor-faktor penyebab berlaku kenaikan ini adalah bersifat di luar kawalan.

Oleh itu, KPDNHEP mengambil langkah dengan melaksanakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan sama ada agensi kerajaan berkaitan ataupun pihak industri. Bertujuan untuk memahami, meneliti dan seterusnya mengambil langkah-langkah terbaik sebelum kerajaan merumuskan sesuatu tindakan yang boleh memelihara kepentingan semua pihak. Selain itu, kawalan harga dan penetapan harga maksimum barang terpilih akan dilaksanakan pada enam musim perayaan utama di negara ini.

Bagaimanapun, bagi memastikan kestabilan harga barangan keperluan asas susulan kenaikan harga barangan tertentu di pasaran antaranya ayam dan sayuran. Kementerian melaksanakan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia yang bermula 7 Disember yang lalu dan berakhir pada hujung tahun ini yang membabitkan sebanyak 12 jenis barangan kawalan.

Bermula 23 Disember ini pula, skim harga maksimum musim perayaan Krismas akan dilaksanakan sehingga 31 Disember. Di bawah skim ini, sebanyak lapan jenis barangan yang mendapat permintaan tinggi ketika perayaan Krismas disenaraikan sebagai Barangan Harga Terkawal. Keseluruhannya jumlah Barangan Harga Terkawal bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia dan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas melibatkan kesemua sekali 20 jenis barangan yang terdiri daripada barang-barang penting ketika itu iaitu ayam, telur ayam, sayur, daging kambing dan daging khinzir.

Berhubung dengan isu untuk menghapuskan orang tengah, saya berpandangan ia wajar dijelaskan oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Namun, pihak KPDNHEP sedar wujud ketidakcekapan dalam rantaian bekalan. Walau bagaimanapun, kita harus menerima keadaan bahawa orang tengah memang wujud dalam rantaian perniagaan.

Di peringkat KPDNHEP pula, kita akan memastikan bahawa setiap peringkat rantaian akan memainkan peranan yang sepatutnya seperti memastikan bekalan sentiasa mencukupi dan keuntungan melampau tidak berlaku di semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, berhubung dengan tugas pemantau harga seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz. Pihak KPDNHEP telah menggerakkan lebih 1,000 orang Pegawai Pemantau Harga (PPH) bagi memantau harga lebih kurang 480 item di lebih kurang 1,500 buah premis di seluruh negara. Data harga yang diperoleh penting bukan sahaja kepada pengguna sebagai rujukan untuk pembelian barangan malah kepada kementerian juga dalam memastikan pergerakan harga berlaku pada situasi yang munasabah dan terkawal.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih setinggi-tingginya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Saya percaya, pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu memperkukuhkan lagi dasar dan tanggungjawab yang telah diamankan kepada kementerian ini untuk dilaksanakan. Mudah-mudahan *insya-Allah* setiap perkara yang dibahaskan pada hari ini akan membawa keberkatan kepada semua.

Marilah kita sesama berusaha untuk memastikan setiap inisiatif, program malah peruntukan yang telah dipertanggungjawabkan kepada kementerian ini dilaksanakan dengan penuh ikhlas, dedikasi dan berlandaskan semangat Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah ulasan dan penggulungan saya pada petang ini. Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumusalam warahmatullah.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Rosol bin Wahid, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya mempersilakan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, dipersilakan.

4.54 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Ali anak Biju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan yang telah memperuntukkan sejumlah RM1.8 bilion kepada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA).

Jumlah ini merangkumi peruntukan Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM1.12 bilion dan Peruntukan Pembangunan sejumlah RM739.2 juta. Peruntukan Mengurus kementerian bertambah sebanyak 5.31 peratus manakala peruntukan Pembangunan berkurangan sebanyak 28.81 peratus berbanding dengan tahun 2021.

Bagi peruntukan Pembangunan, pecahan mengikut sektor di kementerian. Sektor Sumber Asli telah diperuntukkan sebanyak RM406.76 juta dan Sektor Tenaga sebanyak RM332.455 juta.

Di bawah peruntukan Mengurus, beberapa program khusus dasar baharu dan komitmen kewangan yang ingin diberi perhatian adalah seperti berikut:

- (i) subsidi bil elektrik diteruskan bagi tahun 2022 dengan peruntukan sebanyak RM78 juta;
- (ii) *Biodiversity Protection & Patrolling Programmed* (BP3) sebanyak RM27 juta tambahan sebanyak RM15 juta berbanding RM12 juta diterima pada tahun 2021;
- (iii) penyelenggaraan sistem eKADASTER JUPEM diberi peruntukan sebanyak RM21.5 juta bagi tahun 2022 di bawah Program dasar Baharu; dan

- (iv) perkhidmatan sistem e-Tanah telah diberi peruntukan sebanyak RM57.58 juta bagi tahun 2022 untuk pembayaran fi perkhidmatan kepada syarikat konsesi bagi transaksi urusan tanah di Pejabat Tanah Galian Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya dan Perak, berbanding RM15 juta pada tahun 2021 untuk Kuala Lumpur sahaja.

Secara keseluruhan, bajet yang diluluskan kepada kementerian berkurangan sebanyak 11.5 peratus, namun mencukupi untuk membiayai program dan projek yang akan dilaksanakan pada tahun 2022.

Kementerian juga merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan tiga orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu di bawah KETSA sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022 iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri dan Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin.

Isu pertama berkenaan elektrik di ladang ternakan. Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan penjelasan mengenai isu bekalan elektrik ke ladang ternakan. Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah memohon supaya kerajaan menangani isu perbekalan elektrik kepada ladang-ladang ayam yang telah dilihatnya mengambil masa terlalu lama sehingga empat tahun hingga lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, proses untuk mendapatkan bekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) ke ladang ternakan yang berada jauh dari penempatan masyarakat atau sumber bekalan terdekat berkemungkinan akan mengambil masa yang agak lama, terutamanya apabila melibatkan proses-proses lain seperti mendapatkan permit kelulusan pemilik jalan masuk sedia ada yang digazetkan atau proses mendapatkan kebenaran memasuki yang perlu diperoleh terlebih dahulu. Sekiranya perlu melalui tanah individu sebelum kerja-kerja rentangan kabel boleh dilakukan.

Perincian proses dan tatacara permohonan bekalan oleh TNB telah dinyatakan di dalam buku panduan TNB *Electricity Supply Application Handbook* (ESAH) yang boleh dimuat turun di laman sesawang TNB. Secara umumnya, jangka masa bagi mendapatkan sambungan bekalan elektrik 11 kilovolts ke bawah adalah di antara enam hingga 12 bulan. Walau bagaimanapun, semua ini tertakluk kepada proses mendapatkan kelulusan pemilik tanah individu seperti yang saya nyatakan di atas.

Sehubungan dengan itu, pemohon yang disarankan untuk merujuk kepada pihak TNB bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas berkenaan proses kerja, keperluan dokumen dan juga jangka masa yang diperlukan untuk mendapatkan bekalan elektrik ke premis-premis tersebut. Sekiranya ada kes-kes tertentu Yang Berhormat boleh kemukakan kepada KETSA ataupun TNB.

Isu kedua, Skim Pemeteran Tenaga Bersih. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memberikan penjelasan mengenai isu Pemeteran Tenaga Bersih. Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin memohon kerajaan supaya mengemukakan data statistik dan laporan impak terhadap inisiatif Skim Pemeteran Tenaga Boleh Baharu (NEM 3.0).

■1700

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 313.6 megawatt kuota NEM 3 telah diluluskan di bawah kategori NEM Rakyat, NEM GoMen dan NEM NOVA. Pecahan kelulusan NEM 3 mengikut kategori program adalah seperti berikut:

- (i) NEM Rakyat sebanyak 18.1 megawatt;
- (ii) NEM GoMen sebanyak 18.6 megawatt; dan
- (iii) NEM NOVA sebanyak 276.9 megawatt.

Para peserta program NEM ini akan menikmati pengurangan bil elektrik antara RM20 hingga RM30 sebulan bagi setiap kilowatt kapasiti solar yang dipasang. Daripada aspek impak limpahan ekonomi pula, pelaksanaan program NEM 3 dijangka mewujudkan nilai pelaburan sebanyak RM2.57 bilion bagi tempoh tiga tahun iaitu 2021 hingga 2023 dengan 10 ribu peluang pekerjaan melalui kira-kira 180 buah syarikat perkhidmatan solar dan 195 buah syarikat pelabur solar.

Daripada aspek pengurangan pembebasan gas rumah kaca- *greenhouse gas* pula, program NEM mampu memberi impak kepada pengurangan *greenhouse gas* sebanyak 23,623 tan *equivalent* atau tan karbon dioksida setara setahun atau bersamaan dengan keperluan penyerapan karbon oleh 732 ribu hingga 1,087,000 batang pokok.

Isu ketiga yang saya akan saya gulungkan ialah isu tanah yang belum dibangunkan di bawah Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memberikan penjelasan mengenai isu tanah. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri memohon kerajaan supaya tanah-tanah terbiar di bawah Kerajaan Persekutuan termasuk tanah rizab Melayu disewakan bagi tujuan projek pertanian sebagai langkah memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah dan belia termasuk graduan untuk menjana pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyambut baik sekiranya terdapat cadangan memajukan tanah-tanah yang terbiar atau belum dibangunkan oleh mana-mana pihak, sama ada agensi kerajaan, pihak swasta mahupun orang perseorangan bagi tujuan mengoptimalkan penggunaan tanah kepada aktiviti yang lebih menguntungkan.

Tanah-tanah Persekutuan yang masih belum dibangunkan ini telah pun mempunyai perancangan pembangunan tetapi sedang dalam proses mendapatkan peruntukan pembangunan. Bagi tanah Persekutuan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan Kerajaan Persekutuan telah mengambil beberapa inisiatif bagi memastikan tanah milik Persekutuan dapat digunakan secara optimum walaupun belum dibangunkan.

Dalam masa yang sama, inisiatif ini juga merupakan langkah untuk mengawal tanah tersebut melalui penyewaan dan pajakan bagi memastikan tanah-tanah tersebut dapat dijaga, tidak dicerobohi serta tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak sehinggakan merugikan kerajaan. Inisiatif yang dilakukan ini secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah, khususnya B40 dan belia termasuk graduan untuk menjana pendapatan masing-masing. Dengan adanya inisiatif ini, kerajaan mengharapkan agar golongan belia mengambil kesempatan yang diberikan untuk mengusahakan tanah-tanah ini dengan aktiviti pertanian secara komersial dengan bantuan daripada agensi kerajaan.

Pada saat ini, jumlah tanah Persekutuan yang telah disewakan sejak September 2021 ialah 61 lot termasuk 21 lot kepada graduan untuk diusahakan. Daripada 61 lot tersebut, 30 lot diusahakan untuk pertanian. Begitu juga dengan pembangunan tanah rizab Melayu. Meskipun ia terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, usaha-usaha membangun dan memajukan tanah rizab Melayu secara ekonomi dan produktif di samping menjadikan ia aset yang berdaya maju sedang dilaksanakan.

Dalam masa yang sama, tanah-tanah ini turut boleh dibangunkan secara usaha sama mengikut kesesuaian pembangunan setempat agar ia tidak terbiar tanpa sebarang pemajuan. Kerajaan negeri juga perlu memberikan komitmen dengan menyambut baik dan mempermudah segala urusan dan prosedur berkaitan pentadbiran tanah agar matlamat yang disasarkan oleh kerajaan dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang dibangkitkan. Saya harap daripada penjelasan ini, ia dapat menjawab kesemua soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan KeTSA. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ali anak Biju, Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya saya menjemput Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dipersilakan.

5.05 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri, KSU dan seluruh keluarga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ingin mengucapkan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan perkara berkaitan Belanjawan 2022 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Mereka ialah Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah dan Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Yahaya.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili telah bertanya mengenai jumlah anggaran kos untuk Latihan Kebombaan di Sarawak dan sama ada peruntukan ini akan digunakan untuk kajian awal bagi pembinaan Akademi Bomba dan Penyelamat, Kota Samarahan.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menyalurkan peruntukan kewangan pada Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri dan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia setiap tahun bagi pelaksanaan kursus serta latihan bagi meningkatkan kemahiran anggota bomba dan penyelamat negara.

Bagi tahun 2020 dan 2021, sebanyak RM160,350 telah diperuntukkan kepada Bahagian Latihan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sarawak bagi pelaksanaan kursus dan latihan seperti berikut:

- (i) pengukuhan HAZMAT melibatkan kerja-kerja pemadaman, penyelamat dan nyah cemar bahan-bahan kimia, *biological*, radioaktif dan nuklear;
- (ii) pengukuhan kemalangan jalan raya;
- (iii) pengukuhan latihan tingkah laku kebakaran di ruang kompartmen;
- (iv) penyelamat dan pengendali bot; dan
- (v) mencari dan menyelamatkan.

Selain itu, bagi tempoh yang sama Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak Bau juga telah diberikan peruntukan sebanyak RM166,375 dalam melaksanakan program-program yang hampir sama. Antara kursus yang dilaksanakan ialah:

- (i) ruang terhad- *confined space*, dengan izin;
- (ii) penyelamatan air;
- (iii) pengurusan komunikasi;
- (iv) teknik pemanduan;
- (v) pelesenan;
- (vi) penghapusan bahaya kebakaran; dan
- (vii) Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Pada masa ini, peruntukan yang diberikan kepada Bahagian Latihan Jabatan Bomba dan Penyelamat serta fasiliti masih berupaya untuk menampung kursus dan latihan yang diperlukan oleh Pegawai Bomba di Sarawak.

Kementerian akan terus berusaha dan membuat permohonan bagi pembinaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Kota Samarahan dalam Rancangan Malaysia Ke-12, *Rolling Plan* Ketiga dengan kos pembinaan sebanyak RM48 juta agar kompetensi dan profesional pegawai bomba terus dapat dipertingkatkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris pula memohon penjelasan KPKT mengenai beberapa perkara seperti berikut:

- (i) jumlah rumah yang dibina di bawah Dasar Perumahan Negara di negeri Terengganu;
- (ii) jumlah dan pemilikan rumah mampu milik;
- (iii) bentuk bantuan dalam mudah cara dan meluluskan pinjaman rumah mampu milik ketika pandemik COVID-19;
- (iv) kawasan atau tanah baru yang diperolehi untuk menjadikan kawasan pembinaan perumahan mampu milik; dan
- (v) tahap kerjasama pihak kerajaan dengan sektor pemaju swasta di Terengganu.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak RM1.5 bilion diperuntukkan bagi tahun 2022 untuk perumahan termasuk penyelenggaraan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM88.213 juta diperuntukkan untuk negeri Terengganu dengan pecahan seperti berikut:

- (i) PPR sebanyak RM398 juta, RM41.23 juta di Terengganu;
- (ii) SPNB sebanyak RM319 juta, RM36 juta untuk negeri Terengganu;
- (iii) PPAM sebanyak RM296 juta, RM4.38 juta di Terengganu;
- (iv) Program Bantuan Rumah untuk membina rumah baru sebanyak RM391 juta, RM3.1 juta untuk negeri Terengganu;

- (v) Penyelenggaraan Perumahan (PPP) dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) sebanyak RM125 juta, RM3.5 juta untuk Terengganu.

■1710

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga kementerian komited untuk terus menyediakan bekalan rumah mampu milik khusus bagi golongan B40 dan juga M40. Ini termasuklah rumah-rumah di bawah rumah mesra rakyat, PPR termasuk rumah dimiliki dan rumah untuk disewa. Bagi rumah mampu milik di bawah KPKT yang telah dan sedang disediakan bagi golongan B40 adalah seperti berikut. Program Perumahan Rakyat setakat ini terdapat 97,196 unit telah siap dibina. Di Terengganu terdapat PPR yang telah siap dibina pada tahun 2015, di Kuala Terengganu iaitu Padang Hiliran 1,002 unit rumah.

Sehingga kini terdapat dua buah projek PPR iaitu di Kuala Nerus 500 unit, di Besut 450 unit. Keseluruhan unit PPR di Terengganu ialah sebanyak 1,952 unit. Rumah mesra rakyat keseluruhan 48,316 unit dan di Terengganu terdapat 6,720 unit telah siap dibina. Sebanyak 846 unit dalam pembinaan dan 39 unit dalam perancangan.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Ya, sila.

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya berminat dengan rumah SPNB. Terima kasih kerana ada peruntukan yang agak besar di negeri Terengganu. Cuma saya hendak tanya sedikit, berapa lama jangka masa daripada permohonan sehingga kelulusan? Oleh sebab apa yang saya difahamkan hari ini, bertahun bukan setahun, lebih daripada dua tahun. Kalau boleh minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan sedikit.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Di Terengganu, daripada 27,580 unit SPNB, perumahan mesra rakyat SPNB. Sebanyak 318 unit dalam pembinaan dan 230 unit dalam perancangan. Sebenarnya pelaksanaan rumah mesra rakyat, kita akan buat secepat mungkin. Dahulu suatu ketika Yang Berhormat minta maaf, memang kita agak tergendala sikit kerana perubahan kerajaan dan juga daripada segi peruntukan, kita agak- dan di akhir ini kita akan pastikan bersama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Apabila memenuhi syarat-syarat yang diperlukan, *insya-Allah* kita akan proses dan kita akan berikan kelulusan secepat mungkin.

Datuk Razali bin Idris: Hendak tahu jangka masa. Sebulan? Dua bulan? Tiga bulan?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Ini tertakluk kepada permohonan yang dibuat dan syarat-syarat yang kita beri nilai. Saya kira kita akan berikan tempoh secepat mungkin dan jangka masa bergantung pada satunya, peruntukan. Tahun ini tidak silap saya, kita dapat RM390 juta semua sekali. Oleh sebab itulah *first come, first serve* Yang Berhormat Senator.

Datuk Razali bin Idris: Soalannya Tuan Yang di-Pertua. Soalannya sekarang ini, berapa lama? Setahun, enam bulan? Setahun? Dua tahun?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Saya hendak katakan, kalau kata dua minggu mungkin tidak boleh dua minggu.

Datuk Razali bin Idris: Itu yang hendak kita hendak tahu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Hendak saya beritahu ini Yang Berhormat. Suatu ketika, di kawasan saya pun berlaku pada masa yang sama, ketika itu kita tidak ada peruntukan. Apabila perubahan kerajaan, jadi perkara itu tergendala sedikit. Oleh sebab itulah saya kira pihak...

Datuk Razali bin Idris: Tidak boleh jawab lagi berapa lama? Hendak tahu berapa lama sahaja, sekarang. Daripada sekarang, kalau orang minta sekarang permohonan, berapa lama? Itu sebab kita hendak kena jawab di bawah ini Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia punya proses.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Okey, Yang Berhormat. Wakil, 6,000 permohonan anggaran dua hingga tiga tahun. Yang Berhormat mungkin, KSU kita lihat balik. Saya tidak hendak- tempat saya pun Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak hendak sampai dua hingga tiga tahun.

Timbalan Yang di-Pertua: Betul.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Akan tetapi dahulu memang kita lihat ada tergendala seperti ini kerana perubahan kerajaan dan juga apabila peruntukan kita. Minta maaf Yang Berhormat ya, mohon kalau dapat. Tidak apa kalau ini kita akan beri, kita akan hubungi Yang Berhormat lebih terperinci untuk mendapatkan.

Oleh sebab itu, saya hendak katakan dua bulan, tiga bulan tidak boleh sebab ini tertakluk pada permohonan dan syarat-syarat yang dipenuhi. Jadi, susah saya hendak katakan. Kalau saya katakan sebulan, mungkin nanti tidak sampai sebulan Yang Berhormat marah saya pula. Jadi, sebab itulah very subjektif perkara ini, namun kita akan cari jalan supaya disegerakan. Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan.

Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) sehingga kini merupakan 195 projek dengan 24,819 unit rumah, di Terengganu 13 projek rumah penjawat awam ini melibatkan 808 unit yang diluluskan, di mana 10 projek telah siap, dua projek yang masih dalam pembinaan dan satu projek masih dalam perancangan. Program perumahan PR1MA setakat ini, Perbadanan PR1MA mempunyai 61 projek yang keseluruhannya dengan 26,377 unit rumah. Sementara itu, saya ingat di Terengganu masih belum ada pelaksanaan projek PR1MA dalam pelaksanaan.

Merujuk pada persoalan mengenai bantuan pembiayaan kepada pembeli, Belanjawan 2022 telah memperuntukkan jaminan sejumlah RM2 bilion untuk Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) yang bertujuan memudahkan rakyat berpendapatan rendah. SJKP ini menyediakan perkhidmatan menjamin kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh institusi kewangan terpilih. Status jaminan yang diluluskan sehingga 30 November 2021 sebanyak 8.37 permohonan dengan nilai RM918.79 juta.

Selain itu, skim yang disediakan oleh kerajaan merupakan Skim Rumah Pertamaku (SRP) melalui Cagamas Berhad. SRP ini membantu golongan berpendapatan isi rumah bulanan tidak melebihi RM5,000 atau tidak melebihi RM10 ribu bagi peminjam bersama dengan syarat pendapatan setiap individu tidak melebihi RM5,000. Sehingga 30 September 2021, sebanyak 58,226 permohonan yang bernilai RM12.70 bilion telah diluluskan. KPKT juga telah menumbuhkan 'panel of expert'. Panel-panel pakar yang menilai, yang melihat apa pendekatan yang boleh kita cari bagi membantu B40 dan M40 dalam dapatkan kemudahan perumahan ini.

Bagi perancangan pembangunan untuk RP3, RMKe-12 di negeri Terengganu, kerajaan telah menerima cadangan lokasi PPR seperti berikut:

- (i) rumah Malaysia di sewa di Durian Mentangau Paka;
- (ii) rumah Malaysia di sewa Pengkalan Nyireh, Jenang Marang, Terengganu;
- (iii) umah Malaysia di sewa Kampung Jeram, Manir Kuala Terengganu;
- (iv) rumah Malaysia di sewa Pulau Kerengga Marang, dan
- (v) rumah Malaysia di sewa di Kampung Pecah Rotan, Batu Rakit, Kuala Terengganu.

Sementara itu, Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah memohon penjelasan kementerian mengenai beberapa perkara iaitu usaha kerajaan melibatkan syarikat seperti GLC, rancangan kerajaan untuk menetapkan KPI kepada syarikat GLC, persediaan kerajaan untuk menghadapi kemungkinan berlaku lambakan rumah. Persediaan kerajaan sekiranya berlaku peningkatan harga rumah. Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat GLC dan swasta yang melaksanakan projek perumahan dipantau menerusi penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan 500 ribu unit rumah milik- bagi Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Jawatankuasa ini memantau pelaksanaan dan pencapaian penyediaan bekalan rumah mampu milik oleh 15 buah agensi penyedia perumahan di peringkat Persekutuan selain daripada KPKT, kerajaan negeri dan pemaju swasta agar berjalan dengan lancar dan mencapai sasaran yang ditetapkan. KPKT akan menyumbang sebanyak 96,457 unit atau 90 peratus daripada jumlah 500 ribu yang dirancang oleh kerajaan. Sementara itu, Majlis Perumahan Mampu Milik Negara yang diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 November 2018 akan aktifkan semula bagi tujuan yang sama dan keputusan ini telah pun diputuskan melalui mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri.

■1720

Justeru KPI kepada syarikat-syarikat GLC dalam menyediakan rumah mampu milik akan dapat ditetapkan menerusi majlis ini. Selain itu, selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Ogos 2021, kementerian ini sedang mengkaji cadangan penubuhan Perbadanan Perumahan Nasional- *National Housing Cooperation*, dengan izin, yang bertujuan meningkatkan kecekapan perancangan pelaksanaan dan pemantauan perumahan awam di seluruh negara.

Seterusnya, bagi mengatasi masalah lambakan rumah tidak terjual. Kerajaan telah memperkenankan *Home Ownership Campaign* sejak 1 Januari 2019 yang bertujuan menyokong pembeli rumah yang ingin membeli hartanah. Kempen ini membuka ruang dan peluang akses secara langsung oleh bakal pembeli rumah dengan pasaran rumah mampu milik terutamanya bagi golongan muda. Kerajaan telah memberikan pengecualian duti setem, instrumen pindah milik dan perjanjian pinjaman perumahan yang berharga RM300 ribu hingga RM2.5 juta.

Bagi mengatasi isu lambakan rumah, kementerian bercadang untuk memperkenalkan peraturan garis panduan kepada para pemaju atau mengemukakan kajian kebolehpelaksanaan pembinaan rumah di negara kita. KPKT juga menjalankan Kajian Analisis Data Raya Perumahan mulai Februari 2021 bagi mendapatkan gambaran sebenar apakah keperluan rumah yang boleh kita laksanakan di negara kita pada masa akan datang. Banyak program lain yang disusun oleh kerajaan termasuk menyediakan Program Rumah Transit Belia yang kita rancang bagi membolehkan belia-belia yang tidak mampu membeli rumah diberikan ruang untuk mereka menyewa mungkin dalam tempoh dua tahun.

Seterusnya, Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai isu peningkatan harga rumah dan kita akui bahawa ini memberikan kesan kepada kenaikan harga rumah. Namun demikian, perkara ini adalah di luar kawalan kementerian secara khusus dan ia juga terbuka tertakluk kepada pasaran, penawaran dan permintaan. Sedikit Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Abd Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga bahan binaan berdasarkan indeks harga rumah yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Hartanah Negara sebenarnya terdapat penurunan sebanyak 0.7 peratus di mana indeks harga rumah pada suku penggal ketiga 2020 adalah 199.9- mata berbanding dengan indeks harga rumah suku tahun ketiga 2021. Walaupun tidak ketara, ia menunjukkan terdapat trend penurunan harga rumah. Oleh sebab penurunan agak kecil jadi ia tidak begitu jelas, Tuan Yang di-Pertua.

Akhirnya Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Yahaya yang telah menanyakan mengenai urusan pendaftaran Institut Pendidikan Islam sama ada terdapat garis panduan rasmi dalam meluluskan bangunan-bangunan termasuk Institut Pendidikan Islam dari Jabatan Bomba.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merupakan salah satu buah agensi yang terlibat dalam memberi sokongan kepada agensi pengeluar lesen seperti Jabatan Agama Islam atau Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk memastikan pusat tahfiz dan sekolah pondok mematuhi aspek keselamatan kebakaran serta berada di tahap yang baik. Malah syarat ini bukan sahaja terpakai bagi sekolah-sekolah tahfiz tetapi juga merupakan syarat kepada semua premis yang dibina di bawah kawasan PBT.

Maknanya kita tidak terhad kepada sekolah tahfiz sahaja. Ini adalah demi kepentingan keselamatan bukan sahaja premis berkenaan tetapi penghuni dan penggunaanya. Aspek keselamatan kebakaran yang telah diberikan penekanan kepada pusat tahfiz dan sekolah pondok adalah berkaitan dengan laluan keluar, dinding pemetakan, jarak antara bangunan, pili bomba dan jenis bahan binaan. Kesemua aspek keselamatan kebakaran tersebut adalah merujuk kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984).

Pada masa ini, kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sedang menyediakan satu garis panduan ataupun SOP yang lengkap berkaitan keperluan keselamatan kebakaran khusus untuk pusat tahfiz dan sekolah pondok. Namun demikian, kita tidak akan memberikan kelonggaran daripada segi aspek-aspek keselamatan dan kepentingan premis dan juga pengguna-pengguna premis berkenaan.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah bertanya dan andai kata jawapan yang saya berikan tidak memenuhi apa yang dikehendaki oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, maka bolehlah berhubung dengan saya dengan kementerian bagi kita mendapatkan penjelasan yang selanjutnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Abd Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya untuk hari ini yang terakhir iaitu Kementerian Dalam Negeri. Dijemput Yang Berhormat Menteri.

5.26 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada 10 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2022 di Dewan Negara yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas telah bertanyakan mengenai perancangan kementerian untuk menaik taraf kuarters dan balai polis di negara ini termasuk keperluan peralatan bagi kegunaan anggota.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, KDN sentiasa mengambil perhatian dan berusaha untuk menaik taraf balai polis dan kuarters polis di seluruh negara. Walau bagaimanapun, izinkan saya untuk menjawab soalan yang spesifik bagi kuarters dan balai-balai itu secara bertulis.

Yang Berhormat Senator juga bertanyakan mengenai perancangan kementerian untuk menaikkan kadar elaun dan struktur gaji PDRM. Saya ingin menjelaskan kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa menyemak kemudahan-kemudahan dan emolumen anggota keselamatan dan penguat kuasa termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) demi memastikan kebajikan mereka terbelah.

Kerajaan juga sentiasa mengkaji pemberian elaun bagi membantu anggota PDRM terutamanya yang berpangkat rendah dalam menangani kos sara hidup yang kian meningkat. Antara permohonan yang kita sedang kaji masa ini melibatkan cadangan kenaikan kadar elaun merupakan bayaran insentif menyelam PDRM, bayaran insentif Pasukan Simpanan Persekutuan, bayaran insentif penerbangan juruterbang dan pemerhati udara Pasukan Gerakan Udara dan bayaran insentif jurutera penyelenggara kapal udara berlesen, Pasukan Gerakan Udara.

Yang Berhormat Senator juga telah bertanyakan mengenai imbuhan khas atau bonus kepada pesara polis yang bebas daripada sebarang salah laku polis. Kerajaan sentiasa meneliti dan merangka inisiatif bersesuaian untuk membela nasib dan kebajikan anggota polis, anggota pasukan keselamatan seperti mana pesara perkhidmatan awam yang lain. Pesara polis ini adalah layak untuk kita bayar pencen bulanan.

Bantuan menerusi Tabung Amanah Warisan Polis kepada pesara polis bagi meringankan beban kewangan pesara dan bekas polis merupakan salah satu insentif yang disediakan oleh Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin pula bertanyakan...

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya tanya sedikit tentang, dapat penjelasan sedikit.

Yang Berhormat Menteri, apa yang saya kata ialah polis selalu menjadi sasaran aduan orang ramai. Betul atau tidak mereka sentiasa menjadi sasaran. Apa yang saya cadangkan ialah kerajaan mesti ada satu skim bahawa jika pegawai polis itu sepanjang tahun dia berkhidmat tidak mendapat satu aduan atau tidak ada apa-apa tindakan tatatertib, maka selepas dia bersara dia harus diberi ganjaran dan ini adalah untuk menaikkan integriti polis. Itu maksud saya.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak maklumkan bahawa polis juga merupakan penjawat awam. Jadi segala apa yang kita lakukan kita mesti sama dengan apa polisi kerajaan untuk semua penjawat awam. Akan tetapi cadangan yang baik itu akan kita tengok. Saya ambil maklum untuk kita tengok bagaimana untuk kita membantu pegawai keselamatan bukan hanya polis tetapi juga mereka yang menjawat jawatan-jawatan tertentu dalam negara kita.

■1730

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin pula bertanyakan mengenai perancangan kementerian untuk menaikkan elaun risiko kepada pasukan keselamatan di pintu-pintu sempadan yang berisiko tinggi kepada ancaman pengganas. Pembayaran sesuatu elaun kepada anggota keselamatan adalah berdasarkan beberapa faktor seperti risiko tugas, kesusahan, dan kepakaran.

Bagi penugasan yang melibatkan penguatkuasaan di pintu-pintu sempadan negara, kriteria risiko tugas telah diambil kira dalam pembayaran elaun kepada anggota yang terlibat. Pada masa kini, anggota keselamatan yang bertugas di sempadan negara dibayar elaun-elaun khusus mengikut penugasan. Antara elaun yang dibayar adalah:

- (i) bayaran Insentif Pasukan Gerakan Am PDRM berjumlah RM400 sebulan;
- (ii) bayaran Insentif Pasukan Khas PDRM yang sudah pun bertugas menjawat selama satu hingga sepuluh tahun, kita bagi RM600 sebulan. Mereka yang sudah pun di antara 11 hingga 15 tahun, kita bagi RM750 sebulan dan yang sudah lebih 16 tahun sudah bertugas, kita bayar RM900 sebulan;
- (iii) bayaran Insentif Pasukan Tindakan Khas dan Penyelamat APMM pula yang bekerja satu hingga sepuluh tahun RM600 sebulan, 11 hingga 15 tahun RM750 sebulan dan lebih 16 tahun, kita beri RM900 sebulan.

Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek pula bertanyakan mengenai perancangan kementerian untuk memantau pelaksanaan 100 perjawatan baharu untuk cawangan D11.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan telah bersetuju untuk meluluskan peruntukan sebanyak RM13 juta untuk memperkasa Bahagian Siasatan Jenayah Seksual dan Keganasan Rumah Tangga, Wanita dan Kanak-kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah PDRM menerusi pewujudan 100 perjawatan baharu dan mempergiatkan program kesedaran komuniti berhubung keganasan terhadap wanita di seluruh negara. *Insyah-Allah*, kita akan meningkatkan keberkesanan unit jenayah ini dan akan kita pantau daripada segi pelaksanaan dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair juga ada bertanyakan mengenai perancangan Kementerian untuk menggalakkan penyertaan lebih ramai kaum Cina dan India dalam PDRM. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian sentiasa memberikan galakan kepada semua kaum untuk menyertai PDRM termasuk kaum Cina dan India, bagi memenuhi keperluan tugas dan kehendak masyarakat dari semasa ke semasa.

Saya hendak beri contoh, seramai 2,335 orang calon bukan bumiputera telah dipanggil untuk menghadiri ujian pemeriksaan fizikal pada 5 Oktober 2021 hingga 17 Oktober 2021. Eksesais pengambilan khas ini masih berlangsung dan dijangka akan selesai pada awal tahun 2022. Program ini akan menambah bilangan keanggotaan daripada kalangan bukan bumiputera terutamanya kaum belia Cina dan India yang akan dapat membantu daripada segi tugas untuk menjaga unsur-unsur jenayah yang ada dalam negara kita.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai juga bertanyakan mengenai inisiatif Kementerian untuk memberikan latihan peka, sensitiviti bagi anggota PDRM. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) 2005 telah menetapkan supaya setiap Kementerian dan jabatan menyediakan sekurang-kurangnya satu peratus daripada peruntukan emolument bagi tujuan pembangunan, kompetensi dan latihan pegawai dan anggota kerajaan.

Selaras dengan ketetapan tersebut, PDRM memperuntukkan sebanyak RM25 juta hingga RM35 juta setiap tahun untuk mengadakan latihan berterusan dan lanjutan kepada pegawai dan anggota polis dalam bidang-bidang generik dan juga fungsian. Antara kursus-kursus yang dilaksanakan adalah seperti Program Latihan Asas Kepolisan, Kursus Peningkatan Kualiti Penyiasatan Berkaitan Pendakwaan, siasatan saintifik, pengendalian suspek, hak-hak tahanan, hak-hak mangsa *human trafficking* serta kursus-kursus anjuran bersama pihak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), dan *International Committee of the Red Cross (ICRC)*.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong dan Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip telah bertanyakan mengenai Program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perubahan dasar Program Malaysia Rumah Kedua Ku tidak dilaksanakan secara drastik kerana penilaian awal telah dibuat sejak tahun 2019 lagi dan turut melibatkan beberapa Kementerian dan agensi yang berkepentingan. Kajian yang melibatkan pemegang taruh daripada sektor swasta juga telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia melalui pelantikan juruperunding.

Sepanjang program ini dibekukan pelaksanaannya pada tahun 2020, susulan keputusan kerajaan melaksanakan dasar penutupan sempadan negara, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah meneliti semula dasar dan syarat-syarat berkenaan program ini sebelum mengumumkan pengaktifan semula Program MM2H. Kerajaan telah menambah baik syarat-syarat Program MM2H berdasarkan faktor-faktor berikut:

- (i) hala tuju pertumbuhan ekonomi serta kepentingan strategik negara dalam mendepani cabaran baharu;
- (ii) selepas 18 tahun pelaksanaan dan program MM2H, dasar sedia ada tidak pernah disemak;
- (iii) penandaarasan dengan negara-negara lain seperti Australia, Singapura, Portugal, Vietnam, Thailand dan Filipina bagi memastikan dasar Program MM2H adalah kompetitif dan mampu menarik permohonan daripada kalangan peserta yang berkualiti;
- (iv) hasil kajian oleh kerajaan telah mendapati terdapat kelemahan dalam mengukur keberhasilan dan keberkesanan Program MM2H dalam merangsang ekonomi dan tidak dapat dinilai secara holistik. Maka fokus pencapaian program sebelum ini hanya tertumpu kepada kelulusan penyertaan peserta baharu. Manakala mekanisme pemantauan terhadap pelaksanaan program sebelum ini memerlukan satu penambahbaikan yang menyeluruh; dan

- (v) menyediakan perkhidmatan melalui sistem atas talian dalam memudahkan proses permohonan selaras dengan perkembangan sistem teknologi maklumat.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Silakan.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Bagi Program MM2H ini Yang Berhormat Menteri, adakah Kerajaan Malaysia ada *target* tertentu untuk kita terima peserta ini dari luar negara?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Sebenarnya, kita tidak mempunyai *target* untuk orang memasuki Program MM2H. Kita hanya hendak kualiti, bukan kuantitinya. Ini kerana kita hendak kepastian supaya mereka yang masuk ini merupakan mereka yang benar-benar mampu, yang berkualiti tinggi. Itu yang sebenarnya kita mahukan.

Dahulu, mereka yang ada ini dengan pendapatan yang hanya RM2,000 tetapi pinjam meminjam duit sana sini dengan hanya RM250 ribu, sudah boleh duduk di Malaysia sampai 10 hingga 15 tahun. Kita tidak mahu itu. Kita mahu mereka yang berkualiti kerana negara kita ini memberikan banyak subsidi. Jadi kalau orang yang hendak duduk di negara kita ini sebenarnya tidak perlukan subsidi itu. Dia hanya perlu untuk bersama dengan kita, hendak memajukan negara kita bersama. *Insya-Allah*, itulah yang kita mahukan.

Jadi oleh sebab itu, program ini kita perlu lihat kembali untuk memastikan mereka yang mahu mengikuti program ini merupakan mereka yang bermutu dan berkualiti tinggi. Justeru kerajaan telah bersetuju dengan menambah baik dasar dan syarat-syarat penyertaan baharu Program MM2H sebagai salah satu strategi untuk membantu pelaksanaan Program Pemulihan Negara bagi menjana semula ekonomi negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip pula yang bertanya mengenai syarikat mana yang diberikan kontrak untuk menguruskan caj pemprosesan dan *charge pass* tahunan bagi program ini. Saya ucapkan terima kasih lah kerana sebenarnya kita tidak ada pun bagi kepada mana-mana syarikat kerana fi pemprosesan ini semua dilakukan melalui Jabatan Imigresen Malaysia, tidak melalui mana-mana dan ia sesuatu yang kita telah pun lakukan sebelum ini.

Merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/ Nachiappan pula mengenai perancangan kementerian untuk memberi fokus kepada jenayah penipuan atas talian atau SCAM yang semakin berleluasa. Saya hendak memaklumkan pelbagai usaha telah dijalankan oleh PDRM...

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mohon penjelasan sedikit?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Ya, ya boleh.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1740

Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang kualiti peserta MM2H, daripada segi cara mana dan ukuran mana yang digunakan oleh Menteri Dalam Negeri dan Kementerian Dalam Negeri untuk menentukan mereka itu benar-benar berkualiti. Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Sebab itu apabila saya sudah maklumkan tadi, kita telah pun naikkan daripada segi kriteria-kriteria yang tertentu contohnya kalau dahulu tidak ada fi proses itu amat rendah sekali, kita sudah naikkan. Jadi, maknanya mereka itu mampu hendak bayar di situ.

Kedua, kita meletakkan kedudukan mereka yang hendak masuk ini sekurang-kurangnya ada RM1 juta. Dahulu hanya ada RM300 ribu. Jadi, mereka itu merupakan mereka yang mampu.

Jadi, mereka yang mampu ini bila datang duduk MM2H ini merupakan mereka yang tidak perlukan subsidi negara kita tetapi hanya boleh membantu untuk menyewa rumah ataupun membeli rumah merupakan mereka yang benar-benar mengikuti daripada segi kedudukan negara, daripada segi *cost of living* itulah yang kita perlukan orang yang berkualiti seperti itu. Sebab dahulunya terlampau rendah RM300 ribu sudah mampu. Sebab itu menyebabkan rumah-rumah yang mereka membeli pun rumah-rumah yang berharga rendah. Kita hendak supaya berharga tinggi supaya rumah-rumah yang lain harga yang rendah itu diberikan kepada rakyat Malaysia.

Jadi, kita tak patut perjuangkan untuk mereka sana. Kita perjuangkan untuk rakyat kita. Mereka yang hendak duduk ini biar mereka yang mampu belilah rumah-rumah yang berharga tinggi. Tadi merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam mengenai perancangan kementerian untuk memberi fokus kepada jenayah penipuan atas talian atau *scam* yang semakin berleluasa.

Saya ingin memaklumkan pelbagai usaha telah dijalankan oleh PDRM dalam mengekang sindiket penipuan seperti ini. Termasuklah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang, pengoperasian tangkapan dan seterusnya menjalankan pendakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam penipuan.

Terkini PDRM telah melancarkan kempen pencegahan jenayah dalam talian yang mana pelancarannya telah dibuat pada 8 November 2021 di Kuala Lumpur. Sepanjang tempoh kempen, pelbagai program akan dilaksanakan termasuk syarahan, taklimat, forum, siaran media, pameran, dan *live talk* di media sosial, radio dan TV. Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris pula membangkitkan mengenai perancangan Kementerian untuk memudahcarakan permohonan lesen *speargun* dan *air gun* bagi kegunaan nelayan dan petani.

Saya hendak maklumkan Yang Berhormat Senator, *air gun*, *speargun* merupakan senjata maut yang boleh menyebabkan kematian. Oleh sebab itu senjata ini dikawal secara berlesen selaras dengan peruntukan di bawah Akta Senjata 1960 [*Akta 206*] yang memperuntukkan tentang prosedur berkaitan pemberian, pengawalan, hukuman dan lain-lain berkaitan pemilikan senjata api.

Setiap permohonan untuk mendapatkan lesen ataupun permit senjata jenis *air gun* dan *speargun* ini perlu melalui tapisan yang rapi bagi menentukan kesesuaian individu yang memohon senjata api tersebut. Ini bertujuan bagi memastikan senjata api hanya dimiliki oleh individu yang benar-benar memerlukan dan berkelayakan sahaja.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin, Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan... [*Disampuk*]

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: ...Dan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai telah membangkitkan isu kawalan sempadan negara. Yes Yang Berhormat Datuk Razali.

Datuk Razali bin Idris: Saya hendak minta penjelasan sedikit. Ada dua saya bangkitkan hari itu, satu mempermudah Yang Berhormat Dato' Seri. Satu lagi saya difahamkan dua buah lesen itu senapang air dengan senapang ikan ini, senapang ikan dan senapang angin ini dia dibekukan lesen. Jadi, saya hendak minta pengesahan sama ada ia dibekukan ataupun ia diperketat. Dua perkara yang berbeza minta penjelasan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Pada awalnya kita bekukan tetapi sekarang diperketat kerana kita hendak pastikan dahulu mereka yang hendak menggunakan itu betul-betul berkelayakan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz, Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey dan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau telah membangkitkan isu kawalan sempadan negara.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz telah bertanyakan perancangan Kementerian untuk menambah baik kawalan keselamatan sempadan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi mempertingkatkan kawalan keselamatan sempadan di bawah Bajet 2022, Kementerian telah memohon peruntukan bagi penggunaan teknologi tinggi yang terkini termasuk teknologi *Artificial Intelligence (AI)*, Pembinaan Sistem Pengawasan Laut Malaysia (SWASLA) di kawasan *blind ark* sempadan maritim negara dan perolehan aset lain seperti *forward operation base*, radar, kapal, bot, dron, kenderaan dan peralatan keselamatan.

Di bawah Bajet 2022, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan peruntukan sebanyak RM8.8 juta diberikan bagi pembinaan lapan pos kawalan sempadan di Sabah dan Sarawak. KDN akan terus berusaha untuk mendapatkan peruntukan yang diperlukan bagi memastikan sempadan negara dapat dikawal dengan baik dengan memohon peruntukan di bawah *Rolling Plan* Ketiga, atau RP3 Rancangan Malaysia Ke-12. Berhubung soalan pendekatan yang digunakan bagi melibatkan masyarakat dalam kawalan sempadan. KDN sedang dalam proses melaksanakan projek rintis untuk mengkaji kesesuaian penggunaan anggota RELA dalam kawalan keselamatan sempadan negara bersama anggota PGA PDRM.

Ini adalah untuk membantu masyarakat di kampung untuk sama-sama melakukan kawalan keselamatan melalui RELA. Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey pula membangkitkan perancangan Kementerian bagi menambah baik kawalan sempadan maritim negara terutamanya di Wilayah Sabah. Saya hendak maklumkan KDN melalui *Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)* merupakan sebuah agensi yang sentiasa komited untuk terus meningkatkan keupayaan dan kesiagaan aset-aset untuk memastikan keberkesanan pengawasan kawalan dan penguatkuasaan serta mewujudkan elemen cegah rintang yang efektif (DESSZON).

Tiga elemen pasukan keselamatan utama iaitu PDRM, ATM, dan APMM telah beroperasi secara bersepadu DSS Zon, di ESSZON dan sentiasa bersedia untuk diatur gerak mengikut kawasan tanggungjawab masing-masing. Sehingga kini sebanyak 304- aset milik pasukan keselamatan dan pertahanan sedia untuk beroperasi di zon tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau pula telah membangkitkan mengenai peruntukan berjumlah RM12 juta yang di peruntukan kepada AKSEM. Saya ingin memaklumkan peruntukan tersebut adalah untuk projek merobohkan dan membina kuarters kompleks Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) Padang Besar yang telah pun dibuat sebelum ini dan apabila siap nanti akan diambil alih oleh PDRM.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau juga bertanya mengenai perancangan Kementerian bagi membendung kes kematian dalam tahanan di lokap PDRM.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak Polis Diraja Malaysia untuk meminimumkan kes-kes kematian tahanan dalam lokap khususnya yang disebabkan oleh penyakit adalah dengan menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang lebih ketat termasuk dalam menguruskan tahanan sakit, rondaan yang lebih kerap di sel pada waktu malam, penyediaan bilik rawatan, menyediakan pembantu perubatan serta penambahan kakitangan yang menguruskan tahanan. Selain itu, pemasangan CCTV di semua lokap polis sedang dilaksanakan bagi mengatasi berlakunya kematian Orang Kena Tahan (OKT) dalam tahanan.

Di samping itu, perwujudan *Custodial Medical Unit* (CMU) di lima buah lokap berpusat sedang dalam tindakan PDRM. Kementerian juga akan melantik panel klinik swasta untuk memeriksa tahap kesihatan tahanan-tahanan apabila mereka ditahan di lokap PDRM. Yang Berhormat Senator juga telah bertanya perancangan jangka panjang kementerian terhadap penjara satelit. Untuk makluman Yang Berhormat Senator KDN melalui Jabatan Penjara telah mengambil inisiatif bagi mewujudkan beberapa buah penjara satelit dari bekas tapak kem PLKN terpilih. Ia merupakan salah satu langkah kerajaan bagi mengurangkan kadar kesesakan banduan di penjara-penjara utama.

Di samping bertujuan mengekang penularan wabak COVID-19 di dalam penjara yang mana ia merupakan langkah jangka pendek sahaja. Kementerian melalui Jabatan Penjara mempunyai perancangan tertentu bagi mengatasi kesesakan dengan mensasarkan dua pertiga banduan menjalani hukuman pemenjaraan di luar tembok antaranya melalui program seperti berikut:

- (i) pemerksaan perintah kehadiran wajib;
- (ii) perintah parol;
- (iii) pelepasan banduan secara berlesen; dan
- (iv) program reintegrasi penghuni.

■1750

Yang Berhormat Senator juga telah mencadangkan pihak kementerian untuk memberikan taraf kewarganegaraan kepada pelarian yang fasih berbahasa Melayu. Pihak kementerian untuk memberikan taraf kewarganegaraan kepada pelarian yang fasih berbahasa Melayu. Saya ini hendak baca dua kali sebab mencadangkan pihak Kementerian Dalam Negeri untuk memberikan taraf kewarganegaraan pelarian yang fasih. Saya hendak tanya, betulkah soalan ini? Jadi, semua orang pelarian, kita nak bagi kewarganegaraan? Akan tetapi tidak apalah. Saya hendak jelaskan di sini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pengeluaran Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) adalah dokumen pengenalan diri yang dikeluarkan oleh JPN berdasarkan sub Peraturan 5(3)(b), Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 kepada mana-mana individu yang layak berusia 12 tahun dan ke atas.

Bagi mendapatkan MyPR, pemohon perlu terlebih dahulu mempunyai pasport negara asal yang sah dan memperoleh permit masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sebelum layak untuk memohon kad pengenalan MyPR di Jabatan Pendaftaran Negara. Selain itu, pemerolehan kewarganegaraan bagi individu yang dilahirkan di Malaysia pula adalah tertakluk kepada taraf kewarganegaraan dan status perkahwinan ibu dan bapa individu berkenaan sewaktu kelahiran beliau. Jika kedua-dua ibu dan bapa merupakan warganegara asing atau bukan warganegara, maka individu tersebut juga bertaraf bukan warganegara.

Individu warganegara asing atau bukan warganegara boleh memohon kewarganegaraan Malaysia melalui dua kaedah, sama ada pendaftaran ataupun naturalisasi- *naturalization*, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Kedah-kaedah Kewarganegaraan 1994 serta perundangan berkaitan berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahtarafan dan peraturan imigresen.

Sehubungan dengan itu, kementerian ingin menegaskan bahawa walaupun permohonan boleh dikemukakan oleh individu warga asing atau bukan warganegara, permohonan berkenaan tidak dijamin akan diluluskan kerana sebagai sebuah negara yang berdaulat, penganugerahan kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan kepada mana-mana sewenang-wenangnya.

Yang Berhormat Senator Tuan Aklan a/l Ehtook pula bertanyakan mengenai maklumat peribadi yang berbeza dalam pengenalan dan Sijil Lahir. Saya juga ingin maklumkan Kementerian Dalam Negeri ingin menegaskan bahawa sebagaimana yang dimaklumkan dalam sesi jawab lisan yang lepas, butir-butir maklumat individu yang didaftarkan pada kad pengenalan adalah berdasarkan kepada maklumat pada sijil kelahiran, selaras dengan Peraturan 4(c), Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990.

Selain itu, semasa permohonan kad pengenalan dibuat, penganjur permohonan akan diminta untuk menyemak dulu dan menurunkan tandatangan bagi mengesahkan maklumat-maklumat pada borang sebelum ia diproses. Jadi kadang-kadang ada kekeliruan di situ, kita tanya betul atau tidak, orang *sign*, kita bagilah mengikut apa yang dikehendaki. Jadi itu merupakan sesuatu yang kita boleh selesaikan. Kalau ada masalah-masalah yang kes-kes tertentu, bolehlah berjumpa saya, *insya-Allah* boleh kita selesaikan.

Kementerian Dalam Negeri melalui JPN juga tiada halangan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya jabatan melaksanakan program turun kelapangan bagi memudahkan urusan semakan dan permohonan pindaan maklumat kad pengenalan. Jadi, jabatan bersedia menghantar pasukan Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) Jabatan Pendaftaran Negara untuk memudah cara urusan berkenaan.

Saya hendak maklumkan oleh sebab kita sebut pasukan Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) JPN ini, saya hendak mengambil kesempatan kerana dalam keadaan banjir di seluruh negara, terutamanya di lapan buah negeri ini, jadi banyaklah masalah terutamanya daripada segi hilang Kad Pengenalan, hilang sijil kelahiran, hilang dokumen-dokumen tertentu. Saya hendak umumkan di sini oleh sebab hari ini saya hadir untuk menjawab soalan ini, kirim salam pada Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak maklumkan juga bahawa untuk memohon IC baru kepada mereka yang dah hilang oleh sebab bencana ini, sama ada pasport dan semuanya kita berikan secara percuma. *Insya-Allah* saya akan arahkan supaya kawasan-kawasan yang tertentu, nanti bila sudah selesai di pedalaman dan sebagainya, kita akan gunakan program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) ke seluruh negara. Itu yang saya ingin jawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.... [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri Dalam Negeri atas jawapan-jawapan yang diberikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 21 Disember 2021. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.56 petang]